



"Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berjuang untuk membela agamaNya, dalam barisan yang teratur rapi, seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh."

(Surah al-Saff, ayat 4)

## LAPORAN TAHUNAN **2015**



Laporan Tahunan  
Universiti Sains Islam Malaysia

**USIM  
2015**





# ISI

## Kandungan

Laporan Tahunan  
Universiti Sains Islam Malaysia 2015

**USIM SEPINTAS LALU**

**4**

**PROFIL UNIVERSITI**

**8**

**ALUAN NC**

**18**

**TERAS 1**

**26**

**Pembelajaran dan Pengajaran Berteraskan Ilmu Naqli dan Aqli**

**TERAS 2**

**42**

**Penyelidikan dan Inovasi yang Relevan Kepada  
Industri dan Kesejahteraan Ummah**

**TERAS 3**

**68**

**Graduan yang Holistik, Berciri Keusahawanan dan  
Seimbang melalui Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli**

**TERAS 4**

**86**

**Governan dan Pembangunan Modal Insan yang Boleh  
Menarik dan Mengelakkan Bakat Terbaik Bersifat Global,  
Multi Bahasa dan Seimbang**

**TERAS 5**

**100**

**Kemudahan Fizikal dan Prasarana yang Kondusif bagi  
Pembelajaran dan Penyelidikan**

**TERAS 6**

**114**

**Kemampunan Kewangan**

**TERAS 7**

**118**

**Penjenamaan dan Pemposision yang Konsisten dan Efektif**

**PETUNJUK PRESTASI KECEKAPAN DAN PENCAPAIAN USIM  
BAGI TAHUN 2015**



**130**

**PRESTASI KEWANGAN 2015**

**132**



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**

**138**



## USIM Sepintas Lalu

Data Pada  
31 Disember 2015



**USIM Sepintas Lalu** merupakan rangkuman data utama USIM. Bagi data berkaitan pelajar, pada tahun 2015 direkodkan jumlah keseluruhan pelajar USIM ialah sebanyak 11,800 orang pelajar dengan pecahan 9754 orang pelajar sarjana muda, 1158 orang pelajar pascasiswazah, manakala selebihnya seramai 888 orang merupakan pelajar pusat TAMHIDI. Bilangan ini dijangka akan terus bertambah bagi tahun 2016 bergantung kepada kesediaan infrastruktur seperti penempatan asrama dan kemudahan asas yang lain. Pelajar antarabangsa pula direkodkan sebanyak 617 orang pelajar yang terdiri dari 96 orang pelajar sarjana muda, 118 orang pelajar sarjana, 400 orang pelajar kedoktoran dan selebihnya iaitu sebanyak 3 orang merupakan pelajar Tamhidi.

Antara kelainan bagi tahun 2015 ialah penambahan fakulti baharu iaitu Fakulti Kejuruteraan Alam Bina yang mula diwartakan pada tahun tersebut. Dengan tertubuhnya fakulti ini, USIM mencapai satu lagi tingkat kejayaan dengan usaha membawa bidang ilmu tersebut untuk diintegrasikan bersama Ilmu Naqli dan Aqli selaras dengan hasrat penubuhan USIM itu sendiri.

# USIM

## Sepintas Lalu

Pada tahun 2015 USIM telah berjaya memperolehi empat kursi profesor. Ini merupakan satu lagi kejayaan yang sangat membanggakan. Empat kursi ini masing-masing berasaskan bidang yang berlainan iaitu Pengajian Fatwa, Kepemimpinan Islam, Syariah dan Undang-undang dan Kewangan & Perbankan Islam.

Tahun 2015 juga menyaksikan pelajar bergraduat mengikut masa yang ditetapkan sebanyak 93.4%. Peratusan ini sangat baik dan membuktikan sistem pengajian yang digunakan USIM memberikan kesan positif membantu pelajar bergraduat mengikut masa.

Kebolehpasaran graduan bagi tahun 2015 pula mencatatkan peratusan yang membanggakan dengan nilai sebanyak 71%. Peratusan ini diukur bermula daripada tamat pengajian sehingga majlis bergraduasi. Peratusan yang tinggi ini secara tidak langsung menggambarkan graduan USIM diterima untuk memenuhi kehendak pasaran dan mampu bersaing dengan graduan lain.

# **TUANKU**

## **Canselor**

Universiti Sains Islam Malaysia

DULI YANG MAHA MULIA  
TUNKU AMPUAN BESAR NEGERI SEMBILAN  
TUANKU AISHAH ROHANI BINTI  
ALMARHUM TENGKU BESAR MAHMUD

DK (NS), DPTJ





# TUNKU Pro Canselor

Universiti Sains Islam Malaysia

**YANG AMAT MULIA TUNKU BESAR SERI MENANTI  
TUNKU ALI REDHAUDDIN IBNI TUANKU MUHRIZ**

*DKYR, SSTM  
MPA (Harvard), BA (Hons) History and Social & Political Sciences  
(Cantab.)*



# LEMBAGA Pengurusan Universiti

Universiti Sains Islam Malaysia



\***DATUK ABD. SHUKOR IBRAHIM**  
AMN, KMN, DIMO, PMW, B.Econs (Hons), Dip. Peng. Awam (INTAN).  
Sehingga 6 Februari 2015



\***PROF. DR. ZULKIPLE ABD GHANI**  
BA(Hons) in Dakwah (UKMalaysia), PhD (Edinburgh University)  
Sehingga 31 Julai 2015



\***ENCIK MUSTAFAR TAIB**  
M.Econs (Hartford) USA, B.Econs (Hons.) UM, DPA (INTAN)  
Sehingga 14 Jun 2015



\***ENCIK ANUAR ELIAS**  
BMA (Hons) (USIM)  
Sehingga 30 September 2015

# JAWATANKUASA

## Pengurusan Universiti

Universiti Sains Islam Malaysia



### NAIB CANSELOR

Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad



### TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani



### TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)

Prof. Dato' Dr. Hassan Basri  
Awang Mat Dahan  
(Mulai 15 Jun 2015)

\* PROF. DATO' DR. MOHAMED ASIN BIN DOLLAH  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
(Sehingga 15 April 2015)



### TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI) ANTARABANGSA

Prof. Dato' Dr. Mustafa Mohd Hanefah



### PENDAFTAR

Encik Muhammad Haizuan Rozali



### BENDAHARI

Dato' Haji Mohd Abd Rasid  
Mohd Fadzil  
(Mulai 11 September 2015)

\* ENCIK ZAIRUL HISHAM AHMAD KHULAIMI  
Pemangku Bendahari  
(Sehingga 10 September 2015)



### KETUA PUSTAKAWAN

Encik Jasmin Jaimon



### PENASIHAT UNDANG-UNDANG

Puan Yuhani Jamiran



### PENGARAH PEMBANGUNAN

Ir. Daim Saian



### PENGARAH PUTUS INOVASI, JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT

Prof. Madya Dr. Awangku Abdul Rahman Hj. Awangku Yussuf



### PENGARAH USIM 'ALAMIYYAH

Prof. Dr. Roshada Hashim



### PENGARAH PUSAT KOMUNIKASI STRATEGIK

Dr. Faizal Kasmani



### PENGARAH PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN

Prof. Madya Datin Dr. Sapora Sipon  
(Mulai 6 Julai 2015)



### PENGARAH PUSAT PERANCANGAN KORPORAT DAN PENGURUSAN KUALITI

Prof. Dr. Abdul Rahim Abdul Rahman  
(Mulai 27 Julai 2015)

\*PROF. DR. NOR ARIPIN SHAMAAN  
Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan  
(Sehingga 30 Jun 2015)

\*DR. MOHD AZMAN HASHIM @ ISMAIL  
Pengarah Pusat Perancangan Korporat dan  
Pengurusan Kualiti  
(Sehingga 20 Julai 2015)

## PENGERUSI

**Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad**  
*Naib Canselor*



**Universiti Sains Islam Malaysia**

## AHLI

**Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani**  
*Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)  
(Mulai 15 Januari 2015)*

**Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan**  
*Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
(Mulai 15 Jun 2015)*

**Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah**  
*Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
(Sehingga 15 April 2015)*

**Prof. Dato' Dr. Mustafa Mohd Hanefah**  
*Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)*

**Encik Muhammad Haizuan Rozali**  
*Pendaftar*

**Dato' Haji Mohd Abd Rasid Mohd Fadzil**  
*Bendahari  
(Mulai 11 September 2015)*

**Encik Zairul Hisham Ahmad Khulaimi**  
*Pemangku Bendahari  
(Sehingga 10 September 2015)*

**Encik Jasmin Jaimon**  
*Ketua Pustakawan*

**Puan Yuhani Jamiran**  
*Penasihat Undang-undang*

**Prof. Emeritus Dato' Dr. Nik Mohd Nasri Nik Ismail**  
*Profesor Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan*

**Prof. Dato' Dr. Mohammad Hj. Alias**  
*Profesor Fakulti Ekonomi dan Muamalat*

**Prof. Dr. Abdul Samat Musa**  
*Profesor Fakulti Syariah dan Undang-undang*

**Prof. Dr. Nor Aripin Shamaan**  
*Profesor Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan*

**Prof. Dr. Karsono Ahmad Dasuki**  
*Profesor Fakulti Sains dan Teknologi*

**Prof. Dr. Rosalina Abdul Salam**  
*Profesor Fakulti Sains dan Teknologi*

**Prof. Ir. Dr. Ahmad Faizal Mohd Zain**  
*Profesor Fakulti Sains dan Teknologi*

**Prof. Datuk Dr. Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim**  
*Profesor Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan  
(Sehingga 25 Ogos 2015)*

**Prof. Dr. Mohd Yunus Abdullah**  
*Profesor Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan  
(Sehingga 31 Julai 2015-Penamatkan tugas (meninggal dunia))*

**Prof. Dr. Roshada Hashim**  
*Pengarah, USIM 'Alamiyyah*

**Prof. Dr. Zainal Abidin Mohamed**  
*Profesor, Fakulti Ekonomi dan Muamalat*

**Prof. Dr. Rozhan Mohammed Idrus**  
*Pengarah, Pusat Pembelajaran Akses Terbuka Global*

**Prof. Dr. Norita Md Norwawi**  
*Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi  
(Mulai 1 Ogos 2015)*

**Prof. Dr. Bachok M. Taib**  
*Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi  
(Sehingga 31 Julai 2015)*

**Prof. Madya Dr. Awangku Abdul Rahman**  
**Hj. Awangku Yussof**  
*Pengarah, Pusat Inovasi, Jaringan Industri dan Masyarakat*

**Prof. Madya Dr. Janatul Islah Mohammad**  
*Dekan, Pusat Pengajian Siswazah  
(Mulai 1 Mei 2015)*

**Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda**  
*Dekan, Pusat Pengajian Siswazah  
(Sehingga 30 April 2015)*

**Prof. Dr. Rosalina Abdul Salam**  
*Pengarah, Institut Sains Islam  
(Mulai 12 Januari 2015)*

**Prof. Madya Dr. Amir Shaharuddin**  
*Dekan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat*

**Prof. Madya Dr. Muhammad Shamsir Mohd Aris**  
*Dekan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan*

**Prof. Madya Dr. Mohd Yahya Mohamed Ariffin**  
*Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan*

**Prof. Madya Dr. Adnan Mohamed Yusoff**  
*Dekan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah*

**Dr. Mohamad Isa Amat**

Pengarah, Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia  
(Mulai 14 Disember 2015)

**Prof. Madya Dr. Mohd Rushdan Mohd Jailani**

Pengarah, Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia  
(Sehingga 13 Disember 2015)

**Prof. Madya Dr. Irwan Mohd Subri**

Pengarah, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia

**Dr. Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali**

Pengarah, Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam  
(Mulai 17 Ogos 2015)

**Prof. Madya Dr. Zurina Shafii**

Pengarah, Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam  
(Sehingga 25 Ogos 2015)

**Dr. Syahirah Abdul Shukor**

Dekan, Fakulti Syariah dan Undang-undang

**Prof. Madya Dr. Noor Azizi Ismail**

Dekan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama

**Dr. Haslinda Ramli**

Dekan, Fakulti Pergigian

**Dr. Mohamed Akhiruddin Ibrahim**

Pengarah, Pusat Tamhidi

**Dr. Adibah Sulaiman @ Mohamad**

Pengarah, Pusat Pengajian Teras

**Dr. Abdul Manan Ismail**

Pengarah, Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah

**Dr. Mohd. Sukri Hassan**

Pengarah, Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal

**Ir. Daim Saian**

Pengarah, Pembangunan, Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti

**SETIAUSAHA**

**Encik Hammad Farhi Mohd Saudi**

Ketua, Bahagian Pengurusan Akademik

# DEKAN-DEKAN

## Universiti

Universiti Sains Islam Malaysia

**DEKAN-DEKAN**

**Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda**

Dekan, Pusat Pengajian Siswazah  
(Sehingga 30 April 2015)

**Prof. Madya Engr. Dr. Janatul Islah Mohammad**

Dekan, Pusat Pengajian Siswazah  
(Mulai 1 Mei 2015)

**Prof. Madya Dr. Mohd Yahya Mohamed Ariff**

Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan  
(Mulai 18 Mac 2015)

**Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani**

Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan  
(Sehingga 14 Januari 2015)

**Prof. Dr. Norita Md Norwawi**

Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi  
(Mulai 1 Ogos 2015)

**Prof. Dr. Bachok M Taib**

Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi  
(Sehingga 31 Julai 2015)

**Prof. Madya Dr. Adnan Mohamed Yusoff**

Dekan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah

**Prof. Madya Dr. Amir Shaharuddin**

Dekan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat

**Prof. Madya Dr. Muhammad Shamsir Mohd Aris**

Dekan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

**Prof. Madya Dr. Noor Azizi Ismail**

Dekan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama

**Dr. Syahirah Abdul Shukor**

Dekan, Fakulti Syariah dan Undang-undang

**Dr. Haslinda Ramli**

Dekan, Fakulti Pergigian

# **PENGARAH**

## **Institut/Pusat**

## **Ketua Bahagian**

**Universiti Sains Islam Malaysia**

### **PENGARAH INSTITUT/PUSAT/KETUA BAHAGIAN**

**Prof. Emeritus Dato' Dr. Nik Mohd Nasri Nik Ismail**  
*Pengarah, Pejabat Penyelarasan Pembinaan Kompleks Kesihatan USIM*

**Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda**  
*Pengarah, Pusat Pengembangan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli*

**Prof. Ir. Dr. Ahmad Faizal Mohd Zain**  
*Pengarah, Pusat Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran*

**Prof. Dr. Abdul Rahim Abdul Rahman**  
*Pengarah, Pusat Perancangan Korporat dan Pengurusan Kualiti (Mulai 21 Julai 2015)*

**Prof. Dr. Roshada Hashim**  
*Pengarah, USIM 'Alamiyah*

**Prof. Dr. Rosalina Abdul Salam**  
*Pengarah, Institut Sains Islam*

**Prof. Dr. Rozhan Mohammed Idrus**  
*Pengarah, Pusat Pembelajaran Akses Terbuka Global*

**Prof. Dato' Dr. Mohammad Haji Alias**  
*Pengarah, Pusat Pembangunan Pembiayaan Wakaf*

**Prof. Dr. Mohd Yunus Abdullah**  
*Pengarah, Pusat Pakar Kesihatan USIM (Sehingga 31 Julai 2015)*

**Prof. Dr. Muhammad Tauffik Mohd Noor**  
*Pengarah, Pusat Pakar Kesihatan USIM (Mulai 1 Ogos 2015)*

**Prof. Dr. Nor Aripin Shamaan**  
*Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan (Sehingga 30 Jun 2015)*

**Prof. Madya Datin Dr. Sapora Sipon**  
*Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan (Mulai 2 Julai 2015)*

**Prof. Madya Dr. Awangku Abdul Rahman**  
**Hj. Awangku Yussof**  
*Pengarah, Pusat Inovasi, Jaringan Industri dan Masyarakat*

**Prof. Madya Dr. Irwan Mohd Subri**  
*Pengarah, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia*

**Prof. Madya Dr. Mohd Rushdan Mohd Jailani**  
*Pengarah, Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (Sehingga 13 Disember 2015)*

**Dr. Mohd Azman Hashim @ Ismail**

*Pengarah, Pusat Perancangan Korporat dan Pengurusan Kualiti (Sehingga 20 Julai 2015)*

**Dr. Mohamed Akhiruddin Ibrahim**  
*Pengarah, Pusat Tamhidi*

**Dr. Adibah Sulaiman @ Mohamad**  
*Pengarah, Pusat Pengajian Teras*

**Dr. Abdul Manan Ismail**  
*Pengarah, Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah*

**Dr. Ummi Salwa Ahmad Bustamam**  
*Pengarah, Pusat Pembangunan Keusahawanan Siswa*

**Dr. Mohd. Sukri Hassan**  
*Pengarah, Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal*

**Dr. Norhazlina Ibrahim**  
*Pengarah, Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam (Sehingga 30 Jun 2015)*

**Dr. Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali**  
*Pengarah, Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam (Mulai 17 Ogos 2015)*

**Dr. Mohamad Isa Amat**  
*Pengarah, Pusat Penyelidikan dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (Mulai 14 Disember 2015)*

**Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh**  
*Pengarah, Kolej PERMATA Insan*

**Dr. Faizal Kasmani**  
*Pengarah, Pusat Komunikasi Strategik*

**Dr. Khairul Anuar Mohamad**  
*Pengarah, Pusat Islam (Mulai 23 Mac 2015)*

**Encik Idris Takyen**  
*Pengarah, Pusat Teknologi Maklumat (PTM)*

**Encik Hamran Husin**  
*Pengarah, Pusat Sukan*

**Encik Hammad Farhi Mohd Saudi**  
*Ketua, Bahagian Pengurusan Akademik*

**Encik Nasrul Hakim Ahmad**  
*Ketua, Bahagian Hal Ehwal Pelajar*

**Encik Hezan Shah Zainuddin**  
*Ketua, Bahagian Audit Dalam*

**Puan Hariza Mohd Yusof**  
*Ketua, Bahagian Penerbitan*

**Kapten (B) Abdul Wahab Mat Zin**  
*Pengarah, Jabatan Keselamatan*

**Encik Ismail Ahmed**  
*Pengarah, Pusat Kebudayaan*

**Encik Ahmad Kamal Mustafa**  
*Pengarah, Pusat Perumahan Pelajar*

## MOTO

**Berilmu, Berdisiplin** dan  
**Bertakwa**

## VISI

Mengintegrasikan  
**Ilmu Naqli**  
dan **Aqli** untuk  
mentransformasi  
dan menghasilkan  
nilai kepada negara,  
ummah dan manusia  
sejagat

## TEMA

Menerajui **Integrasi**  
**Ilmu Naqli** dan **Aqli**

## FALSAFAH


Paduan di antara **Ilmu Naqli** dan  
**Aqli** serta budi pekerti yang mulia  
adalah teras utama membentuk  
generasi cemerlang dan  
masyarakat berilmu

## MISI

Bertekad menjadi sebuah institusi ilmu  
terkehadapan yang **berteraskan pengajaran**  
**Islam** dan menjadi peneraju ilmu baharu  
yang menggunakan teknologi terkini  
bagi menghasilkan inovasi yang mampu  
mentransformasikan negara, ummah dan  
manusia sejagat

## OBJEKTIF


- Memartabatkan pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara
- Membina kesepadan antara teori dan amali dalam diri setiap siswazah yang dikeluarkan
- Melahirkan ilmuan Islam yang berpendidikan sepadu, mampu memimpin masyarakat majmuk serta mempunyai potensi yang tinggi menerajui pembangunan negara
- Meneroka dan mengembalikan tradisi keilmuan Islam yang unggul bersesuaian dengan persekitaran dan teknologi terkini
- Membekalkan modal insan yang kukuh dengan penghayatan nilai Islam yang mampu berinteraksi dan berkomunikasi dengan berkesan dalam masyarakat



# CARTA

## Organisasi

Universiti Sains Islam Malaysia





USIM telah menyambut ulang tahun penubuhan pada tahun 2015 dan USIM terus menempa nama di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa melalui pelbagai pencapaian yang dikecapi oleh pelajar, pentadbir mahupun pensyarah. USIM juga terus menempuh cabaran dan dugaan bagi menjadi universiti yang matang di samping menjadi institusi pengajian Islam yang profesional berbitang bitarkan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli.

Tahun 2015 merupakan tahun bagi USIM membuat persediaan yang rapi sebelum menjelang tahun 2016 iaitu USIM berhasrat untuk menjadi Pusat Rujukan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli di peringkat serantau menjelang tahun 2016 dan peringkat global menjelang tahun 2025.

Justeru, suka untuk saya menyorot beberapa pencapaian yang berimpak sebagai rujukan bersama.

## **ALUAN** **Naib Canselor**

Universiti Sains Islam Malaysia

## KURSI PROFESOR

Menyorot pencapaian semasa USIM, universiti ini telah menerima tajaan sebanyak RM2 juta untuk membiayai penubuhan 4 Kursi Kecemerlangan. Pertama, Kursi Kepemimpinan Islam di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) dibawah tajaan Yayasan Nurul Yaqeen. Penyandangnya ialah YBhg. Prof. Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak. Kedua, Kursi Profesor Yayasan Tun Ismail di Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) tajaan Yayasan Tun Ismail Mohamed Ali Berdaftar (YTI) di bawah Permodalan Nasional Berhad (PNB). Penyandangnya ialah Prof. Dr. Mohammed Obaidullah. Ketiga, Kursi Profesor Syariah dan Undang-Undang di Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) tajaan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). Penyandangnya ialah YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman. Yang keempat ialah Kursi Felo Utama Kajian Fatwa di Institut Penyelidikan dan Pengurusan Fatwa Sedunia (INFAD) juga tajaan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). Penyandangnya ialah Sheikh Muhammad bin Muhammad 'Awwamah. Penubuhan Kursi-Kursi Kecemerlangan ini melambangkan kekuatan yang wujud di USIM iaitu antaranya bidang Kepimpinan Islam, Kewangan Islam, Syariah dan Undang-Undang serta Kajian Fatwa.



## PENCAPAIAN Semasa

Universiti Sains Islam Malaysia

### PENCAPAIAN PENSYARAH USIM

Untuk pencapaian pensyarah, Dr. Mohd Hazmi Mohd Rusli, pensyarah kanan di Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) telah dipilih sebagai Pensyarah Pelawat Asing pertama di Department of International Studies, Universidade Nacional Timor Lorosa'e (UNTL), Dili Timor Leste. Dr. Hazmi juga kini menjawat sebagai Profesor Pelawat di School of Law, Far Eastern Federal University, Vladivostok, Russia. Beliau turut aktif sebagai Penyelidik Bersekutu, Institut Oseanografi dan Sekitaran, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Penyelidik Bersekutu Pasca-kedoktoran Kehormat, Australian National Centre for Ocean Resources and Security, University of Wollongong, Australia.

Prof. Madya Dr. Zurina Shafii dari Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) pula telah dilantik sebagai konsultan di World Bank Global Islamic Finance Development Centre Istanbul bagi projek Performance and Reporting in Waqf Regulatory Framework in Indonesia, Malaysia and Turkey. Beliau juga telah diterima sebagai Felo Penyelidik di Islamic Research Training Institute (IRTI) Islamic Development Bank Jeddah.

**Incorporating the Asian perspective**

Dr. Mohd Hazmi Mohd Rusli has always believed in the Asian perspective in the Law of the Sea. During his stint in the Far Eastern Federal University (FEFU) in Vladivostok, Russia, as a visiting professor, Mohd Hazmi was the first to introduce the concept of the Law of the Sea from the Asian perspective.

"Now when we learn international law, everything is Eurocentric. We are Europeans created this and that, but the

Journal Article for Social Science Cluster prize by Prof. Dr. Mohd Hazmi Mohd Rusli. In the same year he was listed in the 31st edition of the *Merguia Who's Who in the World*.

In 2013, he was appointed the legal advisor to represent the Asian-African Legal Consultative Organisation (AALCO) at the 66th session of the International Law Commission.

He is also a member of the International Law Association, as well as the Malaysian Bar Council.

Dr. Mohd Hazmi Mohd Rusli obtained his PhD in International Law from the International National Centre for Ocean Resources and Security at his alma mater the University of Malaya in 2012.

“When we learn international law, everything is Eurocentric. We are Europeans created this and that, but the

## PENCAPAIAN PELAJAR

Untuk imbasan pencapaian pelajar pula, Saudara Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin telah menerima Anugerah Pingat Tunku Abdul Rahman yang telah diperkenalkan oleh Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) sejak tahun 2010. Penganugerahan pingat ini adalah pengiktirafan simbolik atas usaha yang tidak mengenal penat lelah seorang graduan yang mendokong aspirasi penubuhan Yayasan Tunku Abdul Rahman.

Pelajar Program Bioteknologi Makanan, Fakulti Sains dan Teknologi (FST) USIM, Saudari Fairus Abdul Manaf menjadi wakil tunggal Malaysia yang menyertai Asian Youth Forum kali ke-13 (AYF'13) di Bangkok Thailand pada awal tahun 2015. Penganjuran AYF ini adalah bertujuan untuk menghimpunkan para pelajar Universiti di Asia khususnya dalam satu konvensyen antarabangsa sebagai satu wadah untuk para peserta saling bertukar dan berkongsi idea, pandangan dan pemikiran berkaitan isu budaya, bahasa, kepimpinan, sosial dan global.

Pelajar Tamhidi, Saudari Putri Nur Nadia Bakri telah dinobatkan sebagai Johan dalam Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan kali ke-36 bagi kategori 1-20 juzuk (wanita). Beliau juga telah mengharumkan nama Malaysia dan Universiti apabila muncul sebagai Johan dalam Majlis Musabaqah Menghafaz Al-Quran Beserta Pemahamannya Peringkat Negara Anggota MABIMS 1436H di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Brunei Darussalam.

Pendebat Bahasa Arab dari USIM mengharumkan nama Malaysia apabila tersenari sebagai tiga pendebat terbaik keseluruhan di International Arabic Debating Championship (IUADC) yang berlangsung di Qatar



Putri Nur Nadia Bakri



Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin



Fairus Abdul Manaf

baru-baru ini. Saudari Anis Amirah, pelajar Tahun 3 FSU telah dipilih di kedudukan kedua dalam kategori pendebat bukan penutur asli bahasa Arab. Pencapaian pelajar USIM di Qatar ini secara tidak langsung adalah hasil perancangan pembangunan dan kejurulatihan debat yang berjaya di bawah Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM.

Pelajar-pelajar cilik Kolej PERMATA Insan juga tidak kurang hebatnya. Mereka telah merangkul 4 pingat (1 emas, 1 perak & 2 gangsa) di World Creativity Festival yang telah berlangsung di Korea Selatan pada bulan Oktober 2015. Kolej PERMATA Insan USIM merupakan satu-satunya kolej yang mewakili Malaysia. Negara-negara lain yang turut bertanding adalah Indonesia, Taiwan, Hong Kong, Korea Selatan, Saudi Arabia dan China.

Saudara Mohamad Husaini Mahmur, pelajar tahun 4 dari Fakulti Pengajian Bahasa Utama telah merangkul Johan dalam Pertandingan Musabaqah Tilawatil Al-Quran Belia Asia Tenggara di Brunei. Beliau merupakan Qari Malaysia yang pertama mendapat johan bagi pertandingan ini.



Pendebat Bahasa Arab USIM

Saudara Zulfawwaz Mohd, Alumni USIM telah dipilih sebagai penerima Anugerah Penghargaan Khas Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi di Majlis Anugerah Tokoh Siswa 2014 yang telah diadakan di Universiti Sains Malaysia (USM) pada April 2015.

Atlet Pasukan Pencak Silat USIM telah mengharungi cabaran dan sekaligus membawa pulang 1 pingat Emas, 1 pingat Perak dan 2 pingat Gangsa dalam Kejohanan Pencak Silat UPSI Dan Jemputan Antarabangsa Ke-6, 2015. Jemputan antarabangsa yang turut terlibat adalah daripada negara Indonesia, Thailand, Vietnam dan Singapura.

Sekretariat ENACTUS USIM telah mencipta sejarah tersendiri apabila buat pertama kalinya terpilih sebagai finalis dalam Pertandingan Enactus Malaysia National Cup (EMNC) 2015. Sekretariat ini menyertai projek keusahawanan sosial bagi produk projek Musaceeae (pisang) dan projek Golden Oil.

Pada 3 November yang lalu, kumpulan ini telah membantu USIM untuk terus bersinar dalam kancah keusahawanan, apabila USIM telah dinobat sebagai penerima Special Merit Award for Institutional Awards Category ketika Minister of Higher Education (MOHE) Entrepreneurial Awards 2015.



ENACTUS USIM

# **SUMBANGAN**

## **USIM dan**

## **Libatsama**

## **Masyarakat (CE)**

Universiti Sains Islam Malaysia

### **KERJASAMA ANTARA USIM DAN MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN (MAINS)–WAKAF UNTUK PENJAGAAN KESIHATAN**

Klinik Pakar Kesihatan USIM di Nilai Square, Bandar Baru Nilai telah mula beroperasi dari bulan April 2015. Penubuhan klinik ini adalah hasil kerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). MAINS telah bersetuju melantik USIM sebagai Mutawalli Wakaf mulai 22 Julai 2013. Untuk penubuhan Klinik Pakar Kesihatan ini, MAINS dengan sokongan YAB Menteri Besar Negeri Sembilan yang juga Pengerusi MAINS dan Menteri Mentor USIM telah menyalurkan RM2 juta kepada USIM, RM1 juta sebagai wakaf dan RM1 juta sebagai qardhul hassan. MAINS juga telah memberi komitmen sebanyak RM1.5 juta untuk penubuhan Klinik Hemodialisis USIM-MAINS.

Kerajaan Negeri Sembilan juga telah bersetuju untuk membantu Klinik Pakar Kesihatan USIM mempunyai klinik pakar bergerak. Dibawah Strategi Lautan Biru Negeri, kesihatan telah dipilih sebagai tumpuan. USIM telah dipilih untuk menerajui Projek Cahaya. Dibawah projek ini, pakar mata dari USIM akan membuat lawatan keluar bandar menggunakan Klinik Pakar Mata Bergerak yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Sembilan dengan anggaran kos RM610 ribu untuk membuat saringan masalah penglihatan terutamanya dalam kalangan warga emas. Khidmat pakar yang dibawa ke kawasan luar bandar, memberi akses dan manfaat kepada pesakit yang tidak mampu.



Klinik Pakar Kesihatan USIM

## MODEL RUMAH BAGI MANGSA BANJIR OLEH PELAJAR SENIBINA

Model rumah hasil rekaan sekumpulan pelajar program Seni Bina, Fakulti Sains dan Teknologi (FST) USIM telah menjadi pilihan pihak TESCO Store (Malaysia) Sdn. Bhd. untuk dibina bagi membantu mangsa banjir di Kampung Belian dan Kampung Laut, Tumpat Kelantan. Antara keunikan model rumah ini ialah berkonsept modular sistem dan bahan binaan yang digunakan adalah daripada bahan kitar semula dan bercirikan mesra alam. Reka bentuknya adalah unik kerana patuh Syariah dan memenuhi prinsip seni bina Islam seperti pintu masuk utama menghadap kiblat dan ruang dapur yang terlindung. Pemilihan model rumah ini secara tidak langsung merupakan satu pengiktirafan kepada kemampuan arkitek muda USIM dalam menghasilkan sesuatu yang menepati cita rasa industri.

## USIM DAN APUCEN

Di peringkat Asia Pasifik pula, USIM telah diberikan mandat oleh Asia Pacific University-Community Engagement Network (APUCEN) untuk meneraju program Empowering Youth for Drug-Free Community (EYDFC). APUCEN adalah suatu jaringan di rantau Asia-Pasifik dalam kalangan Institusi Pengajian Tinggi yang berfokus kepada libatsama universiti dengan komuniti. Program pertama EYDFC 2015 telah pun dilaksanakan pada September tahun ini di USIM.



## USIM STREET DAKWAH

USIM Street Dakwah yang diadakan memberi kelainan dan keunikan tersendiri dengan membawa konsep *sharing knowledge* dan *sharing awareness*. Pendekatan seumpama ini dizahirkan melalui persembahan-persembahan yang disusuli mesej yang mampu menjadi ikutan masyarakat kerana sangat dekat dengan rutin seharian. Keunikan USIM Street Dakwah berbanding buskers lain adalah dengan mengetengahkan seni muzik islamik di samping mendidik masyarakat terutamanya golongan generasi-Y ke arah kebaikan.

USIM Street Dakwah telah diadakan di beberapa lokasi termasuklah Pasar Seni Kuala Lumpur, Alamanda Putrajaya, Dataran Merdeka dan Alor Setar, Kedah. USIM Street Dakwah yang diadakan di Alamanda Putrajaya turut mendapat kerjasama daripada Islamic Relief Malaysia dan Alamanda sebagai salah satu usaha untuk mengutip dana bagi menyalurkan bantuan kepada mangsa pelarian Rohingya.



Sabtu tahun inovasi yang dihasilkan oleh warga USIM meningkat dari aspek kualiti dan mutu, dan mendapat pengiktirafan sama ada di peringkat serantau maupun global. Saya melihat penghasilan inovasi menyumbang kepada pencapaian USIM'16 dan USIM'25 seperti dinyatakan sebelum ini. Pada tahun ini sahaja terdapat beberapa kejayaan inovasi yang amat membanggakan USIM melalui penyertaan dalam beberapa pertandingan.

Di International Invention & Innovation Exhibition (ITEX) USIM telah menghantar sebanyak enam penyertaan dan telah berjaya menggondol sebanyak 5 pingat emas dan 1 perak. Produk SMART Iqra' Braille telah mendapat anugerah khas iaitu anugerah INPEX (Excellent Award Pittsburgh USA). Ini adalah pencapaian terbaik USIM dalam ITEX setakat ini. Tahniah diucapkan.

USIM juga telah dinobatkan sebagai juara keseluruhan bagi Novel Research & Innovation Competition (NRIC) 2015 apabila kita berjaya memperolehi 3 pingat emas, 4 perak dan 2 gangsa dari 12 penyertaan. Kita juga telah mendapat beberapa anugerah khas seperti Best NRIC Award, Social Impact Policy Award, pembentang terbaik keseluruhan NRIC dan juga pembentang terbaik CORIC. Ini juga adalah rekod pencapaian terbaik USIM di NRIC setakat ini.

Selain itu, USIM juga berbangga dengan pencapaian para penyelidik kita yang telah memperoleh 10 pingat emas, 11 pingat perak, dan 11 pingat gangsa serta 2 anugerah khas di Ekspo Inovasi Islam (i-INOVA). Program yang sudah memasuki tahun keenam ini memberi impak positif apabila pelbagai inovasi baharu telah berjaya dihasilkan sekaligus memartabatkan kejayaan sebuah Universiti Islam.

Pada peringkat antarabangsa pula, USIM telah menghantar 3 produk inovasi ke British Invention Show 2015 yang berlangsung di Barbican Exhibition Center di London. Melalui 3 produk ini USIM telah berjaya merangkul 2 pingat emas dan 1 pingat perak. USIM turut menerima 2 anugerah khas Double-Gold For International Innovation of The Year. Kejayaan yang dicapai ini amatlah membanggakan seluruh warga USIM. Alhamdulillah.


Akhir kalam, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada dan setinggi-tinggi penghargaan kepada warga USIM khususnya Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU), Dekan-Dekan Fakulti, Ketua-Ketua PTJ serta para pelajar yang tidak putus-putus mendoakan serta menyokong USIM sejak penubuhan lagi. Semangat kerjasama dan dorongan warga USIM perlu diperkasakan bagi menjadikan USIM terampil di peringkat serantau maupun global khususnya dalam bidang Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli.

Salam hormat.

**Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad**

*Naib Canselor*

*Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)*



## PENYELIDIKAN dan Inovasi

Universiti Sains Islam Malaysia









# **TERAS 1**

---

## Pembelajaran dan Pengajaran **Berteraskan Ilmu** **Naqli dan Aqli**

Universiti Sains Islam Malaysia

Pada keseluruhannya, USIM telah berjaya memacu pelbagai kejayaan sepanjang tahun 2015 berlandaskan konsep Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli. Kejayaan ini penting sebagai pemangkin untuk menjayakan agenda USIM '16 iaitu menjadi institusi yang dirujuk oleh rakan serantau. Prinsip dan falsafah dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) yang bertunjangkan Ilmu Naqli dan Aqli merupakan pegangan dan landasan bagi merekayasa pembentukan acuan kurikulum bagi program-program pengajian yang ditawarkan di USIM. Hasilnya, kemampunan keberhasilan atau output unik yang terbentuk telah mencorakkan ekosistem dan persekitaran P&P yang lebih dinamik.

# **PENUBUHAN**

## **Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB)**


**Universiti Sains Islam Malaysia**

Bertekad menjadi sebuah institusi ilmu terkehadapan yang berteraskan pengajian Islam dan menjadi peneraju ilmu baharu yang menggunakan teknologi terkini bagi menghasilkan inovasi yang mampu mentransformasikan ummah, USIM melebarkan citranya dengan penubuhan entiti akademik baharu iaitu Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB) yang diluluskan YB Menteri Pendidikan Tinggi pada 10 Disember 2015.

Penubuhan fakulti ini secara langsung membuka peluang baharu kepada pelajar lepasan sekolah agama untuk melanjutkan pengajian dalam bidang profesional. Pelajar-pelajar terpilih ini berpeluang mengikuti pengajian Sarjana Muda Sains Seni Bina dengan Kepujian serta Sarjana Muda Kejuruteraan dengan Kepujian (Kejuruteraan Elektronik).

Pengambilan kumpulan pertama pelajar Sarjana Muda Sains Seni Bina dengan Kepujian telah bermula pada Sesi Akademik 2012/2013 dan sehingga Sesi Akademik 2015/2016 sebanyak empat (4) kumpulan pelajar telah mendaftar program ini. Manakala pengambilan kumpulan pertama pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan dengan Kepujian (Kejuruteraan Elektronik) telah bermula pada Sesi Akademik 2013/2014 dan sehingga Sesi Akademik 2015/2016 sebanyak tiga kumpulan pelajar telah mendaftar program ini.

10 orang graduan sulung daripada program Sarjana Muda Sains Seni Bina dengan Kepujian berjaya menamatkan pengajian dalam Majlis Konvokesyen ke-13 USIM pada 7-9 Oktober 2015. Walaupun Fakulti ini masih baharu, pelajarnya sudah mengharumkan nama USIM apabila rekaan model rumah banjir patuh syariah telah dipilih oleh TESCO Malaysia (di bawah Projek Shelter) untuk dibina bagi mangsa banjir di Kelantan yang melanda negeri ini pada Mac 2015.



# PENAWARAN Program Akademik Baru

Universiti Sains Islam Malaysia

## SARJANA MUDA PERBANKAN DAN KEWANGAN ISLAM DENGAN KEPUJIAN

Penawaran program baru akademik, Sarjana Muda Perbankan dan Kewangan Islam, di Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) pada Semester 1 Sesi Akademik 2015/2016 mengangkat populariti USIM melalui analisa populariti Pilihan Pertama dalam Sistem UPU Online. Program ini memperolehi kadar nisbah permohonan tiga kali ganda daripada unjuran dan merupakan program pilihan paling popular berbanding program akademik lain yang pernah ditawarkan oleh USIM dengan menduduki ranking pertama dalam analisis tersebut.

## GRADUATE SCHOOL OF MUAMALAT (GSM)

Selepas lima tahun ditubuhkan pada tahun 2010, Sekolah Pengajian Siswazah Muamalat (GS-Muamalat), FEM telah melebarkan imej dan citranya dengan menggarap orientasi antarabangsa dan Islam yang kukuh dengan matlamat untuk melahirkan pemimpin ekonomi global beretika yang menegakkan nilai-nilai manusia berdasarkan Syariah.

Penawaran Sarjana Kewangan Islam (Master In Islamic Finance-MIF) pada tahun 2015 berupaya melatih graduan membangunkan pemahaman kritikal dan komponen penting dalam teori kewangan Islam dan penyelidikan semasa yang berkaitan. Pembelajaran pelajar MIF bermula dengan teras generik biasa tetapi dalam semester seterusnya, mereka akan lebih berupaya mengkaji isu-isu kewangan, perakaunan dan pelaburan berkaitan daripada perspektif pengurusan.

Sarjana Perbankan Islam (Master in Islamic Banking-MIB) pula dibangunkan untuk menyediakan pelajar dengan kemahiran dan pengetahuan mendalam yang diperlukan untuk bekerja dalam sektor perbankan Islam yang semakin meningkat dan berkembang. Pelajar akan diasuh dengan prinsip asas seperti perbezaan antara bank Islam dan konvensional.

Dalam pada itu, industri perbankan Islam di Malaysia telah melonjak ke peringkat global dan terus menunjukkan pertumbuhan yang kukuh. Permintaan untuk graduan dapat menjalankan audit Syariah timbul terutamanya untuk memastikan bahawa aktiviti dan operasinya patuh Syariah dan meningkatkan integriti.

Justeru, bagi memenuhi keperluan tersebut, GSM telah menawarkan Sarjana Perakaunan dan Syariah Audit (Master in Accounting and Syariah Audit) yang merupakan program perintis dan pertama di dunia, sejajar dengan keperluan untuk memenuhi permintaan institusi-institusi Islam yang berhasrat melahirkan graduan beretika, dan mampu untuk mengaudit syarikat dan memastikan operasi mereka selaras dengan perundangan Islam dan undang-undang komersil.



#### **ANUGERAH IJAZAH KEHORMAT DOKTOR FALSAFAH PENDIDIKAN**

Tan Sri Dr. Mohd Jusoh @ Yusoff  
bin Hj Md Nor

Tan Sri Dr. Mohd Jusoh @ Yusoff bin Hj Md Nor menerima Sijil Tertinggi Kolej Islam Malaya, Klang pada tahun 1962. Pada tahun 1966, beliau menerima Ijazah Sarjana dalam bidang Usuluddin dari Universiti al-Azhar. Seterusnya pada tahun 1968 beliau memperoleh Diploma Kepakaran Pendidikan dari Universiti Ein Shams, Kaherah, Mesir. Pada tahun 1974 beliau menerima Ijazah Doktor Falsafah dalam Pengajian Falsafah Islam dari Universiti Kaherah, Mesir.

## **PENGIKTIRAFAN dan Anugerah Kecemerlangan**

Universiti Sains Islam Malaysia

### **KERJAYA PERGURUAN**

- Sekolah Menengah Ittifakiah Jertih (1963)
- Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Midin (1968)
- Sekolah Menengah Sultan Zainal Abidin (1969 – sebagai Guru Besar)
- Sekolah Tinggi Setapak (1970)

### **TENAGA AKADEMIK**

- Tutor di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 1970
- Pensyarah di Fakulti Pengajian Islam (FPI) UKM 1974
- Dekan FPI UKM 1975-1979
- Timbalan Naib Canselor UKM 1979-1984

### **JAWATAN DAN SUMBANGAN**

#### **KERJAYA POLITIK**

- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) 1984
- Menteri di JPM (1987–1990)
- Menteri Perusahaan Awam (1990–1995)
- AJK Biro Pertanian UMNO Malaysia (2004–2008)
- Ketua UMNO Bahagian Setiu (1986–1990) dan Besut (1992–2001)
- Ahli Parlimen Setiu (1986 – 1990) dan Besut (1990 – 1995)
- Ahli Dewan Undangan Negeri Kg. Raja, Besut (1995 – 1999)
- Ahli Majlis Tertinggi UMNO Malaysia (1987 – 2005)

- Penggerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) (1987 – 1995)
- Penggerusi Kumpulan FELDA (2001 – 2010)
- Penggerusi Lembaga Penasihat Lembaga Urusan Tabung Haji (LUTH) (2002 – 2011)
- Penggerusi Lembaga Pendidikan Islam Malaysia (2005 – kini)
- Ahli Lembaga Amanah kepada Lembaga Zakat Antarabangsa (2008 – 2010)
- Ahli Majlis Perundungan Ulama Negara (2002)
- Penggerusi TV Alhijrah (2009 – kini)
- Penasihat FELDA kepada Perdana Menteri (2011 – 2014)
- Presiden Universiti Islam Malaysia (2011 – 2014)
- Setiausaha Agung Kehormat PERKIM (2013 – kini)
- Ahli Jawatankuasa di World Zakat Organisation (WZO)



Yang Amat Berbahagia Tun Dato'Seri Zaki bin Tun Azmi dilahirkan pada 12 September 1945 di Alor Setar, Kedah. Beliau mendapat pendidikan awal di Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar, Sekolah Anderson, Ipoh dan English College (Maktab Sultan Abu Bakar), Johor Bahru. Beliau kemudiannya melanjutkan pengajian dalam bidang undang-undang di Lincoln's Inn London sehingga mendapat Barrister-at-Law pada tahun 1969.



### KERJAYA DI JABATAN PEGUAM NEGARA


- Majistret di Kuala Lumpur Presiden Mahkamah Seksyen Ipoh
- Peguam Persekutuan di Bahagian Penggubalan Undang-Undang
- Peguam Kanan Persekutuan di Kementerian dalam Negeri
- Hakim Mahkamah Persekutuan
- Presiden Mahkamah Rayuan
- Ketua Hakim Negara (18 Oktober 2008 sehingga 9 September 2011)

### SUMBANGAN KEPADA USIM

- Profesor Adjung di Fakulti Syariah dan Undang-Undang
- Panel Penasihat Program Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang sewaktu lawatan pengiktirafan Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang oleh Lembaga Kelayakan Profesional Undang-Undang pada November 2013
- Pemidato Syarahan Undang-Undang Fakulti Syariah dan Undang-Undang
- Hakim Pertandingan Mut Fakulti Syariah dan Undang-Undang (Pertandingan Mut Piala Tun Zaki)

### ANUGERAH IJAZAH KEHORMAT DOKTOR FALSAFAH SYARIAH DAN KEHAKIMAN

Tun Dato' Seri Zaki bin Tun Azmi





#### **ANUGERAH PROFESOR EMERITUS**

Prof. Emeritus Dato' Dr. Wan Mohamad Nasir bin Wan Othman

Sempena Konvokesyen  
Ke-13 USIM

Profesor Dato' Dr. Wan Mohamad Nasir bin Wan Othman merupakan Dekan Pengasas, Fakulti Pergigian, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan telah memikul tanggungjawab ini selama lapan tahun. Beliau mendapat Ijazah Kedoktoran Gigi dari Universitas Sumatera Utara. Beliau kemudiannya memperoleh WHO Fellowship untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Master di University of New South Wales dan seterusnya mengikuti diploma lepasan ijazah dalam bidang Public Health Dentistry di University of Sydney. Beliau juga memperoleh ijazah Diploma in Dental Health (Primary Health Care) dari University of Dublin. Beliau adalah Pakar Kesihatan Awam Pergigian yang berdaftar dengan National Specialist Register.

## **PENGIKTIRAFAN** **dan Anugerah** **Kecemerlangan**

Universiti Sains Islam Malaysia

#### **KERJAYA PROFESIONAL**

- Pengarah, Bahagian Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pendaftaran Majlis Pergigian Malaysia
- Timbalan Pengurus, Bahagian Kesihatan Awam, Pertubuhan Pergigian Sedunia (FDI) (2002-2006)
- Ahli Majlis Pergigian Malaysia
- Ahli Jawatankuasa Kecil Pendaftaran Kepakaran Kebangsaan bagi Kepakaran Kesihatan Awam Pergigian
- Ahli Jawatankuasa Teknikal Akreditasi Program Pergigian
- Pengarah Pergigian (sekarang dikenali sebagai Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian), bagi negeri Perlis, Negeri Sembilan dan Kedah sebelum ditukarkan ke Kementerian Kesihatan Malaysia)
- Pengerusi Jawatankuasa Kajisemula (Pemurnian) Piawai dan Kriteria Akreditasi Program Pergigian



Mohd Taqwudin bin Mohd Yazid, pelajar program Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi dengan Kepujian di Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) USIM, merupakan anak sulung daripada tujuh orang adik-beradik dan menetap di Kundasang, Ranau, Sabah. Beliau mendapat pendidikan awal di SMK (A) Mohd Ali, Ranau, Sabah sebelum menyambung pengajian di USIM.



**ANUGERAH PELAJAR  
DIRAJA (PINGAT JAYA  
CEMERLANG)**

Mohd Taqwudin Mohd Yazid

Sempena Konvokesyen  
Ke-13 USIM

### KECEMERLANGAN

- Anugerah Pelajar Terbaik STPM 2010 SMK (A) Mohd Ali, Ranau, Sabah
- Anugerah Tokoh Pelajar SMK (A) Mohd Ali, Ranau, Sabah
- Penerima Anugerah Dekan (Setiap Semester) FPBU, (Anugerah Mahasiswa Harapan)
- Anugerah Tokoh Anugerah Kecemerlangan Fakulti (AKEF)
- Anugerah Cemerlang Kepimpinan dan Anugerah Pengucapan Awam dalam Majlis AKEF 2014
- Ketua Biro Pembangunan Akademik dan Intelektual Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi Akademik 2013/2014
- Setiausaha Program Lawatan Intelek MPP USIM ke Tokyo, Jepun

### WAKIL USIM & NEGARA

- The 5th University Scholars Leadership Symposium, Phnom Penh, Kemboja
- The 2nd ASEAN Future Leader Summit di Malaysia-Thailand
- Maal Hijrah Arabic Debate Championship 2014
- ASEAN Arabic Debate Championship 2015
- Latihan Industri Antarabangsa di Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam
- 12 finalis akhir dalam rancangan Dai'e Pendakwah Milenia Musim Pertama, terbitan TV3





#### ANUGERAH PELAJAR DIRAJA (PINGAT JAYA CEMERLANG)

Amarul Arief Mohd Shuhaimi

Sempena Konvokesyen  
Ke-13 USIM



Amarul Arief Bin Mohd Shuhaimi merupakan anak sulung daripada 5 orang adik-beradik dan dibesarkan di Selangor. Mendapat pendidikan rendah di Sekolah Kebangsaan Sungai Tua Bharu, Batu Caves dan meneruskan pendidikan menengah di Sekolah Menengah Tahfiz Al-Quran Anjung Batu Serkam, Sekolah Menengah Islam Al-Amin Gombak, Sekolah Menengah Kebangsaan Segambut Jaya dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Maahad Hamidiah Kajang. Menyambung pengajian di Darul Quran JAKIM sebelum melanjutkan pengajian menerusi program Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam dengan Kepujian FKP USIM.

## PENGIFTIRAFAN dan Anugerah Kecemerlangan

Universiti Sains Islam Malaysia

### KECEMERLANGAN

- Penerima Anugerah Dekan (Setiap Semester) Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP)
- Presiden Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (PMFKP) Sesi Akademik 2013/2014
- Presiden Young Muslim Leaders of the Future (YMLF) USIM
- Pengarah Program dan Ketua Rombongan dalam Global Islamic Students Outreach (GISO): Eksplorasi Menjelajahi Bumi Kanggaro di Adelaide, Australia pada tahun 2014
- Tempat Kedua dalam Keberhasilan Terbaik dalam Sesi Pembentangan Laporan Pengembaraan USIM, GISO 2014
- Ketua Delegasi USIM dan Pengarah Program di USIM untuk program ASEAN Future Leaders Summit yang mengumpul ratusan delegasi dari 9 buah negara ASEAN, yang mengambil tempat di USIM, USM dan Universiti of Songkla, Thailand
- Ketua Pembantu Urusetia pada

Minggu Orientasi Pelajar Sarjana Muda 2013

- Ketua Pembantu Pelajar untuk English Language Supporting Program (ELSP) selama 3 sesi berturut-turut

### PROJEK INOVASI PERTANIAN (BANANABI D'AGRO PAGOH)

- Disenarai pendek sebagai 20 projek terbaik seluruh Malaysia dalam Your Action Project anjuran Majlis Belia Negara

### PENYELIDIKAN

- Novel Research and Innovation Competition (NRIC) 2014 (Pingat Perak)
- Islamic Innovation Competition (iNOVA) 2014 (Pingat Emas)

### PENAMPILAN DI MEDIA

- Segmen Bahasa Arab dalam 60 Saat dalam rancangan Al-Kulliyah, di TV3 (selama dua sesi)

### USIM UNIVERSITI AWAM (UA) PERTAMA TERSENARAI DI APPLE iTUNES U

GOAL Centre telah berjaya menempatkan USIM sebagai UA pertama di Malaysia yang tersenarai dalam Apple iTunes Upada 28 April 2015. Pencapaian ini telah berjaya melonjak USIM ke arena global, selain turut memberi manfaat dalam sistem repositori e-kandungan di USIM. Penggunaan Apple iTunes di USIM tidak terhad kepada repositori bahan pembelajaran dan pengajaran sahaja, malah turut digunakan untuk aktiviti berikut:

- i. Repositori persidangan / kolokium
- ii. Repositori buletin / artikel / jurnal
- iii. Platform hal ehwal pelajar (student affairs)

### USIM SATU-SATUNYA UA YANG MEMBANGUNKAN MOOC MENGGUNAKAN MEDIUM BAHASA ARAB

Pihak GOAL Centre telah membangunkan tiga kursus Massive Open Online Course (MOOC) melalui Inisiatif MOOC Kebangsaan iaitu Pengajian Halaqah, Fiqh Ibadah dan Munakahat dan Bahasa Arab 1. Ketiga-tiga kursus ini dibangunkan sepenuhnya menggunakan kepakaran dalaman (pensyarah dan kakitangan teknikal USIM). Kursus ini akan digunakan dalam pembelajaran dan pengajaran di USIM selain akan turut ditempatkan dalam platform umum (public domain) iaitu platform openlearning.com. Kursus yang dipilih adalah kursus niche USIM dengan penggunaan medium Bahasa Arab sebagai bahasa penghantar. USIM juga diiktiraf sebagai satu-satunya IPTA yang membangunkan kursus MOOC menggunakan medium Bahasa Arab.

### MAHRAJAN THAQAFIY ARABIY (MATA)

MATA merupakan program yang mempertandingkan pelbagai acara dalam bahasa Arab. Ia juga menjadi penanda aras kepada UA di Malaysia yang juga menjadikan MATA sebagai contoh terbaik untuk menjalankan pertandingan seumpama ini. MATA telah membuka ruang seluasnya kepada pelajar mempraktikkan bahasa Arab dalam pelbagai jenis acara yang dipertandingkan seperti Top Host, Tamsiliyyah, Kalam Jama'i, Explorace dan Nasyid. Semua pertandingan ini dijalankan sepenuhnya dalam bahasa Arab dan dinilai oleh panel juri yang mempunyai kepakaran dalam bahasa Arab.



## PENARAFAN

Universiti Sains Islam Malaysia



BAHASA ARAB 1  
Status: Self-paced  
Duration: 12 Weeks  
Students: 70  
Join the course

PENGAJIAN HALAQAH  
1st Aug - Welcome  
أهلاً وسهلاً ومرحباً بكم  
الحلقة 1



# PENGAMBILAN

## Pelajar Sarjana Muda

Universiti Sains Islam Malaysia



USIM menerima 2,375 orang pelajar baharu bagi sesi akademik 2015/2016. Calon yang memilih USIM sebagai pilihan pertama sebanyak 22,196 orang melebihi daripada unjuran yang dibuat iaitu 1,466 orang pelajar.

BIL.	KEMASUKAN	WARGANEGARA	BUKAN WARGANEGARA	JUMLAH
1	Peringkat Pertama (Arus Perdana)	1,913	7	1,920
2	Peringkat Rayuan	455	-	455
	JUMLAH	2,368	7	2,375

Jadual 1.1. Jumlah Keseluruhan yang Mendaftar (Peringkat Pertama dan Rayuan)

BIL.	SESI AKADEMIK	JUMLAH PERMOHONAN	UNJURAN	NISBAH (UNJURAN : MOHON)
1	2014/2015	24,867	1,660	1:15
2	2015/2016	22,196	1,466	1:15

Jadual 1.2. Jumlah Unjuran Pengambilan Pelajar Bagi Sesi 2014/2015 dan Sesi 2015/2016

# KEMASUKAN


## Pelajar

## Pengajian

## Pascasiswazah


Universiti Sains Islam Malaysia

Sehingga tahun 2015, enrolmen pelajar pascasiswazah di Pusat Pengajian Siswazah (PPS) ialah seramai 1,158 orang pelajar. Daripada jumlah tersebut, seramai 551 orang pelajar mengikuti program Doktor Falsafah, seramai 556 orang pelajar Sarjana dan seramai 51 orang pelajar Diploma Siswazah.



Graf 1.1. Statistik Kemasukan Pelajar Pascasiswazah pada Tahun 2015

Daripada jumlah enrolmen di atas, seramai 288 orang pelajar adalah daripada kemasukan pelajar baharu iaitu seramai 114 orang daripada program Doktor Falsafah, 143 orang daripada program Sarjana dan 31 orang pelajar daripada program Diploma Siswazah.




Graf 1.2. Statistik Pengambilan Pelajar Pascasiswazah pada Tahun 2015

Sepanjang tahun 2015, PPS telah membuat pengambilan pelajar pascasiswazah seramai 515 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 221 orang pelajar program Doktor Falsafah, program Sarjana seramai 257 orang dan Diploma Siswazah seramai 37 orang pelajar.



Seramai 2,296 orang graduan program Sarjana Muda berjaya melengkapkan keperluan pengijazahan mengikut ketetapan program pengajian masing-masing.



Graf 1.3. Statistik Pelajar Bergraduasi bagi Tahun 2014 dan 2015

# **MAJLIS Konvoikesyen Ke-13 USIM**

Universiti Sains Islam Malaysia



Pada majlis tersebut juga, Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) berjaya melahirkan 265 orang graduan perintis daripada Program Penswazahan Guru (PPG) yang terdiri dari tiga (3) program iaitu Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sekolah Rendah) dengan Kepujian (Pendidikan Islam) dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sekolah Rendah) dengan Kepujian (Bahasa Inggeris).

FAKULTI	NAMA PROGRAM SARJANA MUDA	KOD	KELAS PENGIJAZAHAN (BILANGAN PELAJAR)				JUMLAH
			PERTAMA	KEDUA BAHAGIAN ATAS	KEDUA BAHAGIAN BAWAH	KETIGA	
FPBU	Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan Kepujian-PPG	QT36	3	9	-	-	12
	Pendidikan (Sekolah Rendah) dengan Kepujian (Pendidikan Islam)	QT37	86	129	-	-	215
	Pendidikan (Sekolah Rendah) dengan Kepujian (Bahasa Inggeris)	QT38	5	30	3	-	38

Jadual 1.3. Jumlah Keseluruhan yang Mendaftar (Peringkat Pertama dan Rayuan)





## **MEMARTABATKAN Ilmu Naqli & Aqli Dalam Kokurikulum**

Universiti Sains Islam Malaysia

Bagi memastikan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli dapat diterapkan ke dalam kurikulum pengajaran dan pembelajaran, semua fakulti di USIM telah menerbitkan Buku Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli bagi memberi pendedahan kepada kakitangan, pelajar dan masyarakat berhubung dengan pelaksanaan konsep ini dalam kurikulum di USIM. Buku ini menghuraikan peringkat-peringkat perkembangan USIM dalam mengintegrasikan konsep naqli dan aqli menerusi empat peringkat iaitu Mustawa al-Nusus (Penghayatan), Mustawa al-Muqaranah (Perbandingan), Mustawa Al-Taqyim (Adaptasi) dan Mustawa Tafaqquh (Integrasi) dalam seluruh aspek sama ada pengajaran, penyelidikan, khidmat masyarakat mahupun kegiatan pelajar. Secara keseluruhannya, sebanyak 30% dalam kurikulum pengajaran dan pembelajaran di USIM telah diterapkan dengan elemen Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli. Penerbitan buku ini telah dilancarkan oleh DYMM Tuanku Canselor USIM sempena Majlis Perasmian Dewan Tuanku Canselor (DTC) USIM pada 4 Jun 2015.

Penulisan buku ini diperkemaskan lagi menerusi proses semakan semula kurikulum untuk diterapkan dengan elemen Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli iaitu pembudayaan action research kepada kakitangan akademik melalui Kongres Pendidikan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (ECNA 2015) serta penganjuran Konvensyen Sains Islam 2015 Peringkat Kebangsaan (KONGSI).





# **TERAS 2**

## Penyelidikan dan Inovasi yang Releven Kepada Industri dan Kesejahteraan Ummah

Universiti Sains Islam Malaysia

USIM komited untuk memastikan semua penyelidikan yang dijalankan adalah relevan kepada industri dan melestarikan kesejahteraan ummah. Antara kaedah untuk mencapai kerelevanan industri ialah dengan memastikan penyelidikan yang terhasil daripada penyelidikan dapat menyokong kemajuan ummah dan mempunyai permintaan yang tinggi. Kesejahteraan ummah juga dicapai melalui integrasi ampuh ilmu naqli dan aqli yang menghasilkan nilai dan makna tinggi kepada masyarakat, selari dengan visi USIM iaitu mengintegrasikan Ilmu Naqli dan Aqli untuk mentransformasi dan menghasilkan nilai kepada negara, ummah dan manusia sejagat.

## KURSI PROFESOR YAYASAN TUN ISMAIL MOHAMED ALI BERDAFTAR- FAKULTI EKONOMI DAN MUALAMAT

Kecemerlangan Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) dalam bidang Perbankan dan Kewangan Islam memberi kepercayaan berterusan kepada Yayasan Tun Ismail Mohamed Ali Berdaftar (YTI), Permodalan Nasional Berhad (PNB) meneruskan pembiayaan dana sebanyak RM500,000 dalam Professorial Chair in Islamic Finance and Banking. Sejumlah RM1 juta diperuntukkan oleh PNB untuk menjayakan Kursi Profesor ini. Penyandang pertamanya adalah Dr. Zamil Iqbal dari World Bank dan yang kedua Prof. Dr. Mohammed Obaidullah seorang Senior Economist & Training Specialist daripada Islamic Research and Training Institute (IRTI), Member of Islamic Development Bank Group (IDB) yang berpengalaman di Jeddah, Arab Saudi.

Nama Kursi Profesor ini diambil sempena nama bekas Gabenor Bank Negara Malaysia yang kedua dan bekas pengurus PNB iaitu Tun Ismail Mohamed. Bernaung di bawah YTI, yayasan ini ditubuhkan pada 10 Oktober 1999 bagi memperingati sumbangan dan dedikasi Allahyarham Tun Ismail Mohamed Ali kepada PNB selaku Pengurus pertama dan kepada negara secara amnya.

Antara objektif yayasan ini adalah untuk menerima dan mentadbir dana bagi tujuan pendidikan menerusi pemberian biasiswa kepada pelajar-pelajar cemerlang yang mendapat tempat di universiti-universiti berprestij di luar negara.

Aktiviti-aktiviti lain yang diadakan adalah Syarahan Antarabangsa YTI, pembiayaan lain-lain tujuan pendidikan serta pemberian geran penyelidikan akademik dalam bidang yang diluluskan oleh Pemegang Amanah.

USIM merupakan salah sebuah universiti yang terpilih menerajui Kursi Profesor atas nama Tun Ismail Mohamed Ali yang ditentukan oleh Pemegang Amanah selain di Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK).

Sepanjang tahun 2015, beberapa aktiviti Kursi Profesor YTI Berdaftar termasuklah Siri Syarahan Umum YTI 2015 oleh Penyandang Kursi di Intercontinental Kuala Lumpur (12 Ogos 2015), mengadakan Diskusi Ilmiah bersama-sama staf dan Pelajar Siswazah FEM, mengadakan penyelidikan bersama di bawah tajuk Islamic Financial Institution Product Development for

## KURSI Profesor

Universiti Sains Islam Malaysia



Social Sector dan The Development of Waqf in Malaysia: Analysis from Macro, Meso and Micro levels dan mengadakan kerjasama Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) dengan Kolej Ilmu PNB di Sepang.

Beberapa siri makalah dan buku berjaya diterbitkan iaitu makalah Revisiting Islamic Philanthropy for Sustainable Opportunities Finance, buku Siri Syarahan Umum 2015 bertajuk Managing Philanthropy for Social Security & Economic Empowerment (Vol.1, YTI Lecture Series), buku karya suntingan Critical Readings In Islamic Social Finance dan buku Case Study In Islamic Finance.

## KURSI KEPIMPINAN ISLAM- FAKULTI KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) sentiasa melestarikan usaha untuk terus dikenali dan dirujuk dalam bidang kepemimpinan Islam. Kursi Kepemimpinan Islam bermula dengan Kursi Kepemimpinan Islam Tuan Guru Haji Mohd Yassin bin Muhammad ditubuhkan di FKP pada 4 Ogos 2014 dengan pembiayaan sepenuhnya oleh Yayasan Nurul Yaqeen. Penyandang Kursi Kepemimpinan Islam yang dilantik adalah Tan Sri Prof. Dato' Dzulkifli Abdul Razak selama satu tahun bermula 3 Ogos 2014, dengan lantikan kedua bermula pada 4 Ogos 2015 sehingga 3 Februari 2016.

Tujuan penubuhan Kursi ini adalah untuk mempermudah wacana, kajian dan pendidikan kepemimpinan (serta pengurusan) dengan penekanan dari perspektif, sejarah serta peradaban Islam. Di samping itu, Kursi Kepemimpinan Islam juga bertujuan mengungkap satu kefahaman menyeluruh tentang kepemimpinan berteraskan Islam dalam memenuhi cabaran masa hadapan.

### ANTARA PENCAPAIAN KURSI SEPANJANG TAHUN 2015 ADALAH:

- 1** Berjaya memperoleh Geran Penyelidikan, *The Nature and Functions of Qalb in Leadership from the Islamic Perspective: A Preliminary Investigation of the Integration of Naqli and Aqli Knowledge-base for Global Leaders* daripada AKEPT sebanyak RM300,000.00.
- 2** Melaksanakan persidangan *Decolonisation, Leadership and Knowledge Democracy in the 21st Century University* hasil kerjasama AKEPT-KPM/USIM/UNMC/Multiversity dengan tajaan RM100,000.00 daripada AKEPT yang bertempat di University of Nottingham Malaysia Campus (UNMC), Semenyih.
- 3** Menganjurkan Bengkel *Collaborative Workshop on Leadership for Higher Education – Vision from Islamic Perspective* yang menghimpunkan seramai 8 orang delegasi dari Nigeria yang merupakan para akademik dan pentadbir universiti-universiti Nigeria. Fokus utama bengkel ini adalah untuk melatih pentadbir universiti dalam selok-belok pengurusan sesebuah universiti berteraskan Islam. Hasil bengkel



anjuran Kursi Kepemimpinan Islam FKP dengan kerjasama USIM 'Alamiyyah ini, USIM berjaya menjalin hubungan persefahaman melalui MoU bersama University of Ilorin dan Al Qalam University.

- 4** Mengadakan bengkel *Entrepreneurship and Leadership Workshop with Babson College, Boston & UniRazak* anjuran Pejabat Kursi Kepemimpinan Islam bersama USIM 'Alamiyyah yang disertai oleh 20 orang pelajar dari Babson College, Boston, United States, 5 orang pelajar dari UniRazak, Kuala Lumpur dan 15 orang pelajar USIM.
- 5** Mengadakan Bengkel Penulisan bersama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang bertujuan melatih dan menerapkan budaya menulis secara profesional kepada kumpulan mahir di USIM dan memupuk kemahiran penulisan rencana untuk majalah untuk penerbitan Leader terbitan Kursi.
- 6** Mengadakan bengkel *Qalb Based Strategic Implementation For Higher Education Leaders* hasil kerjasama FKP dan AKEPT yang bertujuan membincangkan pembangunan kepemimpinan berteraskan Qalb dan memperkasakan kemahiran dalam kepemimpinan selain daripada perkongsian pengalaman dan percambahan idea dari pakar Kepemimpinan Islam dan institusi pengajian tinggi.

Antara pencapaian Tan Sri Prof. Dato' Dzulkifli Abdul Razak sepanjang perkhidmatan beliau pada tahun 2015 di USIM ialah lantikan baharu sebagai Ahli Hamburg Transnational University Leaders Council, (satu Badan Pemikir Antarabangsa) mulai Jun, 2015 dan juga lantikan baharu sebagai Penasihat World Wild Fund Education for Sustainable Development (Malaysian Chapter) mulai Mac, 2015. Selain itu, beliau juga memperoleh Ijazah Kehormat Doctorate (honoris causa) in Educational Sciences, Istanbul Commerce University, Turkey pada 14 September 2015. Baru-baru ini, beliau dijemput sebagai panel di Nobel Week Dialogue di Sweden pada 9-10 Disember 2015. Sepanjang penubuhan Pejabat Kursi Kepimpinan Islam di bawah pimpinan Tan Sri Prof. Dato' Dzulkifli Abdul Razak, banyak sumbangan telah diberikan yang membawa impak yang positif terhadap perkembangan USIM.

Bengkel Qalb Based Strategic Implementation  
for Higher Education Leaders bersama Ahmed Keeler  
21-23 April 2015  
Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT)



Bengkel Persediaan Pembinaan Interview Protokol & Pembinaan Modul Qalb-Based Leadership  
3 – 4 Ogos 2015  
Hotel Nilai Springs, Nilai



International Youth Daie Convention (IYDC)  
22 - 23 Ogos 2015  
Universiti Sains Islam Malaysia



## KURSI FELO UTAMA KAJIAN FATWA-INSTITUT PENGURUSAN DAN PENYELIDIKAN FATWA SEDUNIA (INFAD)

Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) telah diberi kepercayaan oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) untuk menerajui Kursi Felo Utama Kajian Fatwa dengan pembentukan sebanyak RM500,000.

Penyandang bagi Kursi ini ialah Sheikh Muhammad ibn Muhammad 'Awwamah. Sheikh Muhammad 'Awwamah dilahirkan pada 1 Januari 1940 di Syria dan seorang sarjana Islam yang dihormati di dunia. Beliau adalah anak murid kepada sarjana Islam disegani iaitu Sheikh Muhammad al-Salqini, Sheikh 'Abdullah Sirajuddin dan Sheikh 'Abdul Fatta Abu Ghudda. Beliau menghasilkan 14 buku antaranya Athar al-Madith al-Sharifii Ikhtilaf al-A'immat al-Fuqaha dan Adab al-Ikhtilaf fi Masa'il al-'Ilm wal-Din.

Dalam tempoh setahun, sebanyak enam kajian telah dilaksanakan oleh kursi felo utama kajian Fatwa. Antaranya:

**1** Isu-isu Akidah dan Fiqah di Pusat Penempatan Banjir: Kajian Perintis di Daerah Temerloh, Pahang

**2** Kefahaman dan Pelaksanaan Ibadat di Pusat Penempatan Banjir: Kajian di Sekolah Kebangsaan Kertau, Chenor, Maran, Pahang

**3** Kefahaman Masyarakat Terhadap Ahli Sunnah Wa Al-Jama'ah: Kajian di Negeri Sembilan

**4** Penilaian Semula Penentuan Tempoh Haid di Malaysia dan Brunei

**5** Analisis Hukum Syarak Terhadap Arahan Do-Not-Intubate



**SHEIKH MUHAMMAD  
IBN MUHAMMAD 'AWWAMAH**



## KURSI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG

Kursi Syariah dan Undang-Undang penting dalam memartabatkan bidang Syariah dan Undang-undang. Permasalahan dan isu Syariah dan Undang-undang sivil sering dibicarakan secara berasingan menyebabkan perlaksanaan Syariah dan perundungan tidak menyeluruh. Sebagai contoh, isu perundungan dalam bidang kekeluargaan, perbankan dan kewangan sering menjadi konflik antara bidang kuasa mahkamah Syariah dan mahkamah sivil. Justeru, Kursi yang ditubuhkan ini diharapkan mampu menjadikan Negeri Sembilan sebagai hub utama perbincangan dan platform untuk mengharmonikan antara bidang Syariah dan Undang-undang sivil.

USIM dan MAINS bersetuju melantik Tan Sri Sheikh Ghazali Bin Haji Abdul Rahman pada bulan Mac 2015 sebagai penyandang Kursi Profesor Syariah Undang-undang dengan peruntukan sebanyak RM500,000.

Antara aktiviti di bawah Kursi adalah seperti berikut:

### 1 Bengkel Penyelidikan Kursi Syariah dan Undang-undang pada 10 Februari 2015 di Hotel Sama-Sama KLIA:

Seramai 40 orang pensyarah FSU telah menghadiri bengkel ini dan lima kumpulan dibentuk bagi membincangkan lima tajuk dalam skop penyelidikan Kursi iaitu Tanah Adat.

### 2 Perlantikan Penyelidik Tamu:

Pihak Fakulti Syariah dan Undang-undang telah bersetuju melantik Profesor Salleh Buang sebagai Penyelidik Tamu bagi Kursi Profesor Syariah dan Undang-undang berdasarkan kepada pengalaman beliau yang luas dalam bidang perundungan tanah di Malaysia.

### 3 Pembentangan Laporan Gerak Kerja Kursi Syariah dan Undang-Undang:

Sesi pembentangan laporan gerak kerja Kursi Syariah dan Undang-Undang telah diadakan pada 12 Mac 2015 diketuai Dr. Syahirah Abd Shukor, selaku dekan fakulti. Pembentangan ini dihadiri oleh wakil MAINS, Tuan Haji Kamal Amran bin Kamarudin, En. Omar Mukhtar bin Md Yunus selaku Pegawai Hal Ehwal Islam, Haji Nor Azamir bin Haji Alias selaku Timbalan Mufti Negeri Sembilan, Dr. Fauzinaim dan Ustaz Syuhada selaku Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan.

### 4 Kolokium Tanah Adat:

Pihak fakulti turut berjaya mengadakan



TAN SRI SHEIKH GHAZALI BIN  
HAJI ABDUL RAHMAN

Kolokium Tanah Adat pada 16 Jun 2015 yang membincangkan tentang sistem perundungan dan susur galur kehidupan masyarakat di Negeri Sembilan yang terkenal dengan amalan adat dan bengkel ini diadakan di FSU.

### 5 3rd International Seminar on Syariah and Common Law:

3rd International Seminar on Syariah and Common Law telah diadakan pada 27 dan 28 Oktober 2015 bertempat di Dewan Tuanku Canselor, USIM. Sebanyak lapan buah artikel hasil daripada penyelidikan yang dijalankan di bawah Kursi Syariah dan Undang-undang telah diterima dan dibentangkan dalam seminar antarabangsa ini.

### 6 Bengkel Penerbitan Kursi Syariah dan Undang-undang:

Bengkel Penerbitan ini diadakan pada 11 dan 12 November 2015, bertempat di Hotel Bangi-Putrajaya bertujuan mengemaskini hasil penyelidikan serta membincangkan perancangan-perancangan baharu berkaitan penyelidikan untuk diterbitkan.



Pada tahun 2015, dianggarkan sebanyak 131 geran penyelidikan aktif Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli daripada 347 keseluruhan geran aktif. Pada tahun ini, USIM adalah antara UA yang diberi kepercayaan oleh Kerajaan untuk menghasilkan projek penyelidikan yang mengkaji penyelidikan Indeks Syariah Malaysia-Ekonomi yang diketuai oleh Prof. Dr. Abdul Rahim Abdul Rahman, dari Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM). Manakala, penyelidikan Indeks Syariah Malaysia-Kesihatan diketuai oleh Prof. Madya Dr. Zairina A.Rahman dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK).

Objektif kajian ini adalah untuk membina Indeks Syariah Malaysia - Ekonomi berdasarkan hasil kajian literatur mengenai Maqasid Syariah yang relevan dalam konteks ekonomi Malaysia. Kajian ini juga membina pengukuran Indeks Syariah Malaysia - Ekonomi dengan menggunakan kaedah kumpulan fokus (focus group). Kajian ini menganalisis data primer menggunakan kaedah kaji selidik (survey questionnaire) dengan mendapatkan pandangan dan persepsi dari tiga kumpulan responden iaitu Pemerintah (Pembuat Dasar), Agensi Pelaksana dan Masyarakat.

Penyelidikan Indeks Syariah Malaysia (ISM) dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohammad Najib bin Tun Abdul Razak pada 10 Februari 2015. Kajian yang bermula pada Julai 2015 ini membabitkan lima buah UA iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Skop kajian ini meliputi bidang pendidikan, perundangan Islam, politik, ekonomi, kesihatan, budaya, sosial, prasarana dan persekitaran.

## KAJIAN Indeks Syariah

Universiti Sains Islam Malaysia



# **PROGRAM**

## **Berimpak**

## **Tinggi**

**Universiti Sains Islam Malaysia**

### **Sidang Kemuncak Pemimpin-Pemimpin Universiti Islam Dunia, World Islamic Countries University Leaders Summit (WICULS 2015)**

Bertemakan Re-writing the Narrative: Higher Education for the 21st Century, Sidang Kemuncak Pemimpin-Pemimpin Universiti Islam Dunia (WICULS 2015) telah diadakan pada 29-30 September 2015 di Hotel Mariot, Putrajaya dan menjadi platform menghimpunkan lebih 200 pemimpin tertinggi dari universiti negara-negara Islam seluruh dunia buat kali pertama.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfullah turut sudi mencemar duli bagi menyampaikan ucaptama bertajuk Reclaiming Education in Muslim Universities for the 21th Century.

Selain itu, ikon kepemimpinan terkemuka dunia turut berkongsi idea tentang kesalahfahaman tentang naratif Islam oleh Ahmed Keeler, Felo Utama USIM, merangkap Presiden International Association of Universities (IAU), Felo Akademik di Universiti of Cambridge.

Para peserta WICULS terdiri daripada pemimpin universiti yang berasal dari negara Bangladesh, Pakistan, Indonesia, Filipina, Sudan, Nigeria, Jordan dan lain-lain lagi yang membincangkan isu-isu utama berkaitan sistem pendidikan tinggi dalam usaha untuk membangunkan naratif pendidikan baharu bagi mendepani cabaran pengajian tinggi global.



# **HARTA**

## **Intelek**

**Universiti Sains Islam Malaysia**

Jumlah pemfailan harta intelek USIM bagi tahun 2015 adalah sebanyak 26 produk penyelidikan di bawah kategori pemberitahuan sukarela hakcipta (*copyright voluntary notification*) seperti yang dinyatakan pada jadual 2.1.

BIL	NAMA PENCIPTA	NAMA PRODUK	ABSTRAK PRODUK
1	Dr. Azman Ab. Rahman	Myema (Entrepreneur Monitoring Apps)	Aplikasi yang boleh memantau prestasi usahawan setiap hari
2	Dr. Abdul Rahman Hassan	Novel Active Nanofiltration Membrane For Dyes Wastewater Treatment	Kaedah rawatan kandungan sisa air industri
3	Prof. Madya Dr. Alina Abdul Rahim	Crushy Snack Bar	Snek Bar berdasarkan makanan sunnah
4	Prof. Madya Dr. Alina Abdul Rahim	Skinana	Snek berdasarkan kulit pisang
5	Dr. Zulistiana Zulkifli	Pathway To Heaven	Jubin yang direka untuk panduan mereka yang mengalami masalah penglihatan
6	Dr. Azman Ab. Rahman	Smart Ta'alim Fiqh Oku	Rujukan khusus atau garis panduan perkara berkaitan Fiqh kepada warga kurang upaya
7	Prof. Madya Dr. Alina Abdul Rahim	Bimzy (Belimbi Made Easy)	Produk makan berdasarkan belimbing buluh
8	Dr. Salhah Binti Abdullah	Multi Malabys	Jaket pelbagai guna
9	Prof. Madya Dr. Alina Abdul Rahim	Mangifera Flakes	Makanan bijirin berdasarkan kulit dan biji mangga
10	Prof. Dr. Norita Md. Norwawi	Halal Detector	Aplikasi mudah alih yang mengandungi kod data yang menterjemah kandungan dalam sesuatu produk makanan
11	Dr. Salhah Abdullah	I-Ok	Peralatan bantuan pergerakkan kepada OKU
12	Prof. Madya Datin Dr. Sapora Sipon	Bananabi D'agro Pagoh	Model penjimatan penanaman kebun pisang dan ubi
13	Prof. Madya Dr. Alina Abdul Rahim	Blossom Bites	Makanan ringan berdasarkan bunga pisang (jantung pisang)
14	Dr. Madiyah Mohd Saudi	Ezcert 2.0	Perisian pengendalian Jenayah Siber yang komprehensif
15	Dr. Azman Ab. Rahman	Model Pengurusan Dana Dan Sumbangan Bencana Mangsa Banjir Berasaskan Indeks Syariah Malaysia	Garis panduan dan polisi kepada kerajaan dan NGO-NGO dalam aspek pengurusan dana dan sumbangan kepada mangsa banjir yang menepati syarak
16	Pn. Syahidawati Hj. Shahwan	MIIG (Muamalat Interactive Game)	Permainan yang menggabungkan instrumen kewangan islam
17	Dr. Ahmad Wifaq Mokhtar	Model Maqasid Syariah Di Dalam Rawatan Perubatan Kritikal	Garis panduan kepada ahli perubatan dalam membuat keputusan berlandaskan Maqasid Syariah
18	Dr. Mohammad Najib Jaffar	I-Majrurat	Laman web yang memberi pendedahan ilmu berkaitan Bahasa Arab
19	En. Mohamad Faiz Taip	Apple iTunes U Integration In Teaching And Learning	Satu proses bagi penghasilan kandungan i-TUNES USIM
20	Dr. Azman Ab. Rahman	Model Indeks Penentuan Had Tempoh Mualaf	Pengukuran penentuan had tempoh mualaf di Malaysia.
21	Dr. Mohd Fadzli Marhusin	Proofreading System (PS) To Enhance Writing Skill	Sistem yang membantu pelajar dalam meningkatkan kemahiran menulis
22	Dr. Azman Ab. Rahman	Model Institusi Pendidikan Melalui Pembiayaan Dana Zakat	Empat kerangka utama penubuhan institusi melalui model ini iaitu pengurusan pentadbiran, akademik, kewangan dan pembangunan
23	Prof. Dr. Norita Md. Norwawi	Digital Quran Representation Using Kalimah Hexadecimal Unicode	Quran digital memgunaan Hexadecimal Unicode

BIL	NAMA PENCIPTA	NAMA PRODUK	ABSTRAK PRODUK
24	En. Walid Mohd Said	SOIQ : Verses Retrieval Based On Semantically Weighted And Correlated Indexing Service	Sistem interaktif index Quran secara Web Based dengan tujuan untuk memudahkan maklumat mengenai sebarang ayat didalam Al-Quran dengan mudah
25	Prof. Dr. Norita Md. Norwawi	EzPay Version 1.1	Perisian pengurusan kredit dalam membantu pengguna menguruskan pembayaran hutang kad kredit atau kad debit
26	Prof. Madya Datin Dr. Sapora Sipon	Informer On Site	Aplikasi mudah alih bagi mengesan maklumat dan lokasi sekiranya berlaku bencana alam


Jadual 2.1. Jumlah Pemfailan Harta Intelek USIM bagi Tahun 2015



Pada tahun 2015, jalinan kerjasama strategik USIM diperkembangkan lagi dengan pelbagai institusi dalam dan luar negara melalui jalinan MoU dan MoA. Kerjasama dengan institusi yang mempunyai reputasi tinggi mampu menaikkan nama USIM ke aras yang lebih tinggi.

Kerjasama antarabangsa juga tidak kurang rancaknya apabila 19 buah institusi antarabangsa berjaya ditembusi USIM bagi menjalinkan kerjasama bermula dengan negara serantau seperti Indonesia dan Thailand, hingga ke China, Jepun dan Nigeria.





Graf 2.1. Jumlah MoU dan MoA

### SENARAI MoU LUAR NEGARA TAHUN 2015

BIL	AGENSI	NEGARA
1	University of Ilorin	Nigeria
2	Al-Qalam University Katsina	Nigeria
3	Universitas Darussalam Gontor	Indonesia
4	Kun Ming Medical University Hai Yuan College (KMUHC)	China
5	Institut Agama Islam Negeri Maliki Malang	Indonesia
6	Institut Agama Islam Negeri Salatiga	Indonesia
7	Universitas Islam Sultan Agung (UNISSULA)	Indonesia
8	Al-Hikmah University	Nigeria
9	Teikyo University of Japan	Jepun
10	Islamic University In Uganda	Uganda
11	Al-Fatoni University	Thailand
12	Sakofah Islam Saving Co-op Ltd.	Thailand
13	Al-Farabi Kazakh National University	Kazakhstan
14	Samarkand Branch of Tashkent University of Information Technologies	Uzbekistan

Jadual 2.2. Senarai MoU Luar Negara Tahun 2015

BIL	AGENSI
1	Premium Agro Product Sdn. Bhd.
2	Tesco Stores (Malaysia) Sdn. Bhd.
3	Air Asia Berhad
4	Bank Islam Malaysia Berhad
5	INDKOM Engineering Sdn. Bhd.
6	Bank Muamalat Malaysia Berhad
7	Bahagian Permata JPM
8	Cybersecurity Malaysia
9	Perfect Triangle Sdn. Bhd.

Jadual 2.3. Senarai MoU dalam Negara Tahun 2015

## SENARAI MoA LUAR NEGARA TAHUN 2015

BIL	AGENSI	NEGARA
1	Universitas Darussalam Gontor	Indonesia
2	United States Agency for International Development (USAID) & World Learning	USA
3	Daffodil International University	Bangladesh
4	College of Banking & Financial Studies (CBFS)	Oman
5	Universitas Islam Indonesia	Indonesia

Jadual 2.4. Senarai MoA Luar Negara Tahun 2015

## SENARAI MoA DALAM NEGARA TAHUN 2015

BIL	AGENSI
1	Small and Medium Enterprises Corporation Malaysia (SMECORP)
2	Dewan Bahasa dan Pustaka
3	RZ Berkat Jaya Farm
4	Hani D Unggul Sdn. Bhd.
5	JAKIM (Indeks Syariah Ekonomi)
6	JAKIM (Indeks Syariah Kesihatan)
7	Yayasan Nurul Yaqeen & Institut Terjemahan Buku Malaysia
8	JAKIM (Darul Quran)

Jadual 2.5. Senarai MoA dalam Negara Tahun 2015



# PENYELIDIKAN dan Inovasi yang Relevan kepada Industri dan Kesejahteraan Ummah

Universiti Sains Islam Malaysia

Penyelidikan dan Innovasi ditempatkan sebagai Teras 2 dalam Pelan Strategik USIM 2016-2025 daripada 7 teras yang lain. Fokus USIM dalam bidang ini adalah untuk menghasilkan penyelidikan dan inovasi yang bukan sahaja relevan kepada industri, malah mampu menghasilkan impak yang tinggi demi kesejahteraan ummah dan sejagat. Berikut adalah antara tajuk-tajuk projek penyelidikan yang akan menghasilkan output yang memenuhi kehendak negara, masyarakat dan umat Islam masa kini, iaitu:

## GERAN NRGS, KPT

- Fundamental Approaches Towards Usage and Mechanism of Prophetic Food in Preserving Health (RM5,000,000.00)

## GERAN USIM TEAM

- Voice Recognition Using Fuzzy Time Series and Supervised Learning Approach: An Intelligent Al-Quran Tutoring Tool (RM90,000.00)
- The Effects of Al-Quran on Emotion and Attention Deficit Hyperactive Disorder (ADHD) Children (RM 93,000.00)

## GERAN JAKIM

- Indeks Syariah Ekonomi (RM85,000.00)
- Menilai Keberkesanan Usaha Kerajaan dalam Melaksanakan Maqasid Syariah untuk Program Berkaitan Kesihatan di Negeri Sembilan, Selangor dan Wilayah Persekutuan (RM 89,300.00)

## GERAN FRGS,KPT

- Pembinaan Model Prinsip Maqasid Syariah dalam Rawatan Perubatan Moden Kes Kritis (RM 80,000.00)
- Model Pengurusan Dana dan Sumbangan Bencana Mangsa Banjir Berdasarkan Indeks Syariah di Malaysia (RM 55,800.00)
- Prototype Development and Field Testing of A User-friendly Non-permanent Imperative (AUNI) Board and Data Transfer Software to be Utilized at Disaster Site (RM 71,000.00)

## GERAN KTP

- Shariah Audit Training (RM 144,437.00)

Pada tahun 2015 juga, USIM buat pertama kalinya berjaya memperoleh dana penyelidikan Trans-Disciplinary Grants Scheme (TRGS), KPT dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1, 246,550 juta dengan pecahan RM753,550.00.00 untuk program bertajuk An Effective New Model for Content Understanding and Knowledge Dissemination of the Quran using Intelligent Data Model dan sebanyak RM493,000.00 untuk program bertajuk Establishing new acoustic cryptanalyses of AES-based block cipher using low-bandwidth acoustic emanations and Quranic maqamat.

USIM dari semasa ke semasa sentiasa memastikan capaian dana penyelidikan dan inovasi meningkat. Pada tahun 2015, USIM berjaya menyasarkan sebanyak RM8,569,012.00 daripada aktiviti penyelidikan dan inovasi, berbanding pada tahun 2014 sebanyak RM5,837,440.00. Jumlah pada tahun ini adalah lebih tinggi berbanding dengan tahun sebelumnya dengan pembiayaan terbesar iaitu sebanyak 48.4% diperoleh daripada agensi-agensi luar seperti KPT sebanyak RM6,000,099.92, agensi-agensi lain sebanyak RM799,795.00, agensi swasta RM140,850.00 serta peruntukan daripada pihak USIM sendiri adalah sebanyak RM1,730,934. Berdasarkan peningkatan yang ketara pada tahun 2015, USIM percaya sasaran RM10 juta bagi capaian dana penyelidikan dan inovasi pada tahun 2016 adalah sangat relevan.

Selain menitikberatkan capaian dana penyelidikan daripada pihak luar, USIM juga membantu warga akademiknya untuk memiliki geran penyelidikan dalam, dan pada tahun ini terdapat tiga jenis geran ditawarkan khususnya kepada kumpulan akademik mudah yang baharu menamatkan pengajian di peringkat PhD.

Selain daripada peruntukan yang dinyatakan di atas, sebanyak RM20,000 telah diperuntukkan kepada kumpulan Pentadbiran USIM sebagai hasrat melahirkan Kumpulan Pentadbir (Modal Insan) yang boleh menarik dan mengekalkan bakat.


Merujuk kepada pencapaian Penyelidik Utama (Principle Investigator (PI)) sebagaimana jadual 2.8, pada tahun 2015, USIM berjaya menyasarkan sebanyak 52.84% PI berbanding pada tahun 2014, iaitu sebanyak 45%. Hasrat USIM adalah untuk memastikan semua kakitangan akademiknya memiliki geran masing-masing serta aktif menjalankan penyelidikan sama ada dalam atau di luar negara. Usaha meningkatkan jumlah PI akan diteruskan dengan mengenal pasti jumlah kakitangan akademik USIM yang masih belum berstatus PI supaya memohon dana KPT/luar atau bagi kakitangan akademik muda, diperuntukkan dengan geran USIM.



Graf 2.2. Capaian Dana Penyelidikan 2011, 2012, 2013, 2014 dan 2015



Rajah 2.1. Agihan Peruntukan Mengikut Jenis Geran



Graf 2.3. Jumlah Penyelidik Utama/Principal Investigator (PI) dalam Kalangan Pensyarah USIM dari 2013 hingga 2015

# KECEMERLANGAN Produk dan Inovasi Penyelidikan

Universiti Sains Islam Malaysia

Produk inovasi dan hasil penyelidikan USIM mendapat pengiktirafan bukan sahaja di dalam negara, malah telah merentasi ke peringkat antarabangsa. Hampir kesemua produk yang dipertandingkan adalah berdasarkan kepada falsafah Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli. Menjadi kebanggaan lagi apabila produk yang dipertandingkan adalah dihasilkan oleh kumpulan penyelidik muda yang merentas bidang seperti bidang Pengajian Islam bersama kumpulan Sains dan Kesihatan serta Sains Sosial.

## BRITISH INVENTION SHOW (BIS)

USIM sekali lagi melakar nama di pentas British Invention Show (BIS) yang berlangsung pada 21-24 Oktober 2015 di Barbican Exhibition Centre London apabila penyertaan bagi tahun ketiga ini berjaya membawa pulang 2 emas dan 1 gangsa. Tambah membanggakan apabila kedua-dua pingat emas tersebut turut menerima Special Award: Double Gold for International Invention of the Year masing-masing bagi kategori Consumer and Leisure.

Dua pingat emas USIM diperoleh menerusi projek Advanced Hospital Gown yang dinamakan Hurma dan projek Enjoyable Indigenous Sustainable Learning Module oleh Duta Jauhar.

Hurma adalah pakaian di wad hospital yang menjaga aurat pesakit. Pakaian ini digunakan di bilik bedah dan bilik bersalin dengan konsep asas memastikan aurat pesakit terpelihara walaupun sedang menjalani prosedur perubatan. Walaupun kelonggaran ada apabila darurat, seharusnya aurat perlu dijaga selagi ada peluang dan ruang. Hurma berasal daripada perkataan al-humrah bermaksud maruah atau dignity.

Produk ini memenangi dua anugerah dalam British Invention Show di London iaitu pemenang Anugerah Khas – Double Gold for International Invention of the Year (Consumer) dan Pingat Emas.

Pasukan penyelidik terdiri daripada Saudari Hanisah Hassan, Ahmad Ayatullah Che Razali, Muhammad Faliq Mokhtar dan Siti Hanisah Mohd Fuad yang diketuai Prof. Madya Dr. Muhammad Shamsir Mohd Aris dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK).



Kajian kedua yang turut mendapat pengiktirafan antarabangsa ialah Duta Jauhar: Enjoyable Indigenous Sustainable Learning Module Duta Jauhar yang memenangi pingat Inovation of the Year (Leisure) dan Pingat Emas. Ciptaan ini membentangkan tentang modul pembelajaran yang mapan kepada orang asli dalam kalangan pribumi (Semelai) di Malaysia.

Modul ini menghubungkan pembelajaran yang menyeronokkan, berinteraktif dan pengalaman bermakna kepada kanak-kanak orang asli dan konsep kepada kehidupan kanak-kanak untuk menyediakan pembelajaran yang mapan.

### 26<sup>TH</sup> INTERNATIONAL INVENTION & INNOVATION EXHIBITION (ITEX) 2015

ITEX, yang berlangsung pada 21-23 Mei 2015 di Kuala Lumpur Convention Centre merupakan pameran reka cipta terkemuka Asia dan merupakan platform yang menghimpunkan para pereka cipta dan penyelidik global untuk mempamerkan hasil ciptaan mereka kepada industri dan komuniti perniagaan yang berminat untuk mengkomersialkan ciptaan serta penemuan unik. Pada ITEX 2015, USIM telah berjaya merangkul 5 emas dan 1 perak daripada 6 produk yang dipertandingkan.

Salah satu produk yang memperoleh emas iaitu Smart Iqra' Braille turut menerima anugerah di INPEX – Excellent Award Pittsburgh USA.

Ciptaan ini adalah alat untuk mengajar langkah asas membaca al-Quran dalam bentuk Braille untuk pelajar yang mengalami masalah penglihatan, satu kaedah yang pertama di dunia yang menggunakan aplikasi komputer. Ia adalah hasil daripada proses transkripsi buku teks Iqra' ke dalam Braille berdasarkan spesifikasi Braille format buku teks yang dikeluarkan oleh Bahagian Buku Teks, Kementerian Pelajaran. Selain kerumitan dalam mengekalkan konsep rekaan yang timbul pada Iqra' buku teks Braille, berat dan saiz Smart Iqra' Braille adalah menjadi salah satu faktor yang membuat Smart Iqra' Braille sangat berguna untuk mereka. Smart Iqra' Braille mempunyai keupayaan untuk mengajar beberapa pelajar secara serentak dan juga sesuai untuk digunakan oleh guru-guru yang tidak mempunyai kemahiran dalam aplikasi Braille. Dengan menggunakan Braille Smart Iqra', pelajar dapat belajar secara bebas di mana sahaja dan tidak lagi bergantung kepada pembelajaran di dalam kelas dengan bimbingan guru.




### PERSIDANGAN DAN EKSPONSI CIPTAAN INSTITUT PENGAJIAN TINGGI ANTARABANGSA (PECIPTA)

Menerusi penyertaan sebanyak 16 produk inovasi, USIM berjaya membawa pulang satu emas menerusi produk Muamalat Interactive Game (MIG), dua perak dan 10 gangsa sempena PECIPTA yang berlangsung pada 4-6 Disember 2015 di Kuala Lumpur Konvensyen Centre.

Muamalat Interactive Game atau dikenali sebagai MIG adalah produk inovasi oleh pensyarah Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM). Mereka adalah Puan Syahidawati binti Shahwan, Prof. Madya Dr. Zurina binti Shafii, Dr. Norhazlina binti Ibrahim, Puan Supiah binti Salleh, Puan Halizah binti Md Arif, Pn. Kasumalinda binti Alwi dan Puan Safeza binti Mohd Sapian.

Idea menghasilkan produk ini tercetus dengan mengambil kira masalah pemahaman berkenaan produk pembiayaan Islam kalangan pelajar-pelajar dalam bidang kewangan Islam sama ada di UA dan institusi pengajian swasta serta institut-institut latihan perbankan dan kewangan Islam.

Permainan ini menggabungkan dua cabang ilmu iaitu produk kewangan Islam dan perancangan kewangan Islam. MIG merupakan permainan yang menggambarkan pergerakan pemain selama 30 hari dalam sebulan. Sepanjang permainan, mereka perlu membuat perancangan kewangan seperti keputusan berkenaan pembelian aset dan pembahagian harta dunia atau ukhrawi. Pemain diberi pilihan sama ada untuk memiliki aset tersebut untuk kegunaan sendiri (duniawi) atau mewaqafkan harta dan ijarah yang diteriman dari aset yang dimiliki (ukhrawi). Pemain ini mendidik pemain untuk menyeimbangi kekayaan dunia dan akhirat. Di samping, itu pemain juga didedahkan dengan cara pengiraan zakat iaitu zakat pendapatan, zakat emas dan zakat pertanian.



# **PERSIDANGAN dan Inovasi USIM Tahun 2015**

Universiti Sains Islam Malaysia

Sehingga Disember 2015, USIM telah berjaya menganjurkan sebanyak 21 persidangan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti berikut:

## **USIM 'ALAMIYYAH**

- Seminar Bersama USIM – UIN Maliki Malang Indonesia

## **FAKULTI PERGIGIAN (FPg)**

- Seminar Kebangsaan Fiqh Pergigian
- Seminar Updates In Impacted Lower Molar Management: Essential Knowledge For Dental Officer, Fakulti Pergigian, USIM

## **FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN (FPSK)**

- 2nd USIM International Conference on Medicine and Health 2015

## **FAKULTI EKONOMI DAN MUAMALAT (FEM)**

- The 6th Islamic Economic System Conference 2015 (iECONS 2015)
- International Future Global Economic Development Conference (Ifoged), Chiang Mai University

## **GOAL CENTRE**

Multi Conference on Education Sempena Global Islamic Festival 2015

## **PUSAT PENGAJIAN TERAS (PPT)**

- Seminar dan Pameran Produk Kreatif (SPARK) 2015

## **FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI (FST)**

- Seminar Makanan Halal 2015 (HAFOS 7)
- Kolokium Siswazah Sains dan Teknologi (KOSST 2015)
- International Nuclear Science, Techgnology And Engineering Conference (INUSTEC 2015)

## **FAKULTI PENGAJIAN BAHASA UTAMA (FPBU)**

- Kongres Pendidikan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (EQNA 2015)
- International Language And Education Conference 2015 (iLEC 2015)

## **PUSAT PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN WAKAF (PPPW)**

- Seminar Wakaf Asean Ke-2 2015 'Muktamar Waqf Iqlimi 2 2015'

## **ACREDA**

- Seminar Antarabangsa Pencegahan dan Rawatan Pemulihan Dadah 2015 (Prevent 2015)

## **FAKULTI KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN**

- International Conference on Islamic on Islamic Leadership, Humanities, Akidah and Media (ILHAM15)
- Seminar Antarabangsa Warga Emas 2015
- Persidangan Antarabangsa Islam, Kepimpinan, Pendidikan dan Kemanusiaan 2015/ International Conference on Islam, Leadership, Education and Humanities (ILEH 2015)

## **FAKULTI PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH**

- Seminar Wahyu Asas Tamadun (SWAT 2015)

## **JABATAN UNDANG-UNDANG**

- Seminar Perlindungan Data Peribadi : Polisi Pelaksanaannya di Universiti

## **PUSAT TAMHIDI**

- Konvensyen Sains Islam 2015 (KONGSI'15), Fakulti Pengajian Quran & Sunnah (FPQS) dan Pusat Tamhidi

### SEMINAR SERANTAU INSTITUT PENGAJIAN TINGGI ISLAM (SeIPTI) 2015, INTEGRATION OF CONTEMPORARY AND ISLAMIC KNOWLEDGE IN ISLAMIC UNIVERSITIES

SeIPTI pada 12-14 Disember 2015 di UNIDA, Gontor, Indonesia ini telah memasuki kali ke-3 penganjurannya secara bersama antara empat buah universiti ASEAN iaitu Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, UNIDA (Indonesia), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei. Setiap universiti menjadi tuan rumah bagi persidangan antarabangsa ini setiap tahun, dimulakan dengan USIM pada tahun 2012 dan UNISSA pada 2013. Tahun 2015 memperlihatkan Fatoni University dari Thailand turut terlibat sebagai salah sebuah universiti pengajur utama persidangan ini dan bakal menjadi tuan rumah pada 2016. Lebih 30 kertas kerja dibentangkan dan dihadiri oleh lebih 500 delegasi dari empat negara yang terlibat.

Seminar tahun ini bertemakan Integration of Contemporary and Islamic Knowledge in Islamic Universities dan ucaptama dari USIM telah disampaikan oleh Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad yang bertajuk 'Pendekatan Sains Dalam Pendidikan Islam: Aspirasi Integrasi Ilmu Naqli-Aqli USIM'.

Delegasi USIM diketuai oleh Naib Canselor, dan disertai oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Dekan Fakulti Ekonomi dan Muamalat dan juga 14 orang pembentang yang terdiri daripada tenaga pengajar USIM.



### SEMINAR THE 6<sup>TH</sup> ISLAMIC ECONOMICS SYSTEM CONFERENCE 2015 (iECONS 2015)



Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) merupakan Fakulti pertama di USIM yang menjadi perintis sebagai penganjur utama seminar bertaraf antarabangsa yang dilaksanakan di luar Malaysia melalui 6th Islamic Economic System Conference (iECONS) 2015 pada 29-30 September 2015 di Krabi, Thailand.

Seminar ini juga telah membuka lembaran kerjasama baharu dalam menjalin hubungan yang lebih erat dengan masyarakat Islam di Krabi, Thailand selari dengan fokus Pelan Strategik USIM 2013-2025 untuk menjadi universiti rujukan dalam bidang integrasi ilmu Naqli dan Aqli pada 2016 di peringkat serantau.

Dua memorandum persefahaman (MoU) turut ditandatangan USIM dengan institusi di Thailand iaitu Universiti Fatoni dan Thaqafah Saving Co-operative. Pelancaran dua buah buku terbitan USIM Press iaitu Zakat's Role in Enhancing The Economy of The Ummah: Challenges and Future Prospects karya Prof. Dr. Mohammed Obaidullah dan Managing Philanthropy

for Social Security & Economic Empowerment yang disunting oleh Dr. Fuadah Johari, Prof. Dr. Mohammad Haji Alias, Prof. Madya Asma Abdul Rahman, Dr. Muhammad Ridhwan Ab. Aziz dan Ahmad Fahme Mohd Ali.

Persidangan ini bermatlamat menyediakan platform perbincangan dan kerjasama dalam kalangan sarjana dan pemain industri dalam isu-isu berkaitan ekonomi Islam. Seramai 130 peserta dari Jordan, Pakistan, Bangladesh, Indonesia, Brunei, Malaysia dan Thailand menyertai persidangan ini sama ada sebagai pembentang atau peserta persidangan.

### EKSPO INOVASI ISLAM (I-INOVA) 2015

Ekspo Inovasi Islam (i-Inova) yang berlangsung pada 23-25 Oktober 2015 adalah pertandingan inovasi Islam yang dianjurkan USIM sejak tahun 2010. Impak utama daripada penganjuran i-Inova ini adalah penghasilan produk untuk kegunaan umat Islam yang telah berjaya ditonjolkan secara sistematik dan lebih menyeluruh. Ini membantu dalam meningkatkan potensi pasaran produk Muslim bukan hanya untuk kegunaan umat Islam di Malaysia malah seantero dunia. Ini membantu meningkatkan kesedaran kepada masyarakat antarabangsa mengenai kualiti produk berlandaskan syariah.

Pada tahun 2015, tema i-Inova 2015 adalah "Integration of Naqli And Aqli Knowledge Led Innovation". Kejayaan program ini bukan sahaja memenuhi matlamat USIM untuk mengembalikan tradisi keilmuan Islam malahan dapat mencungkil serta merangsang idea yang inovatif dan kreatif dalam pembangunan produk Islam dalam kalangan para pelajar UA/IPTS, staf akademik dan penyelidik seterusnya merealisasikan hasrat kerajaan dalam membudayakan inovasi dan kreativiti.

Sebanyak 79 produk yang dipertandingkan terdiri daripada pelbagai institusi dan agensi termasuklah dari luar negara seperti dari Mesir dan institusi dalam negara, antaranya Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Jabatan Mufti Negeri Melaka, Agensi Nuklear Malaysia, Universiti Selangor (Unisel) dan Universiti Teknikal Melaka Malaysia (UTeM).



### PINGAT EMAS KATEGORI TERBUKA i-INOVA 2015

NO	TAJUK PENYELIDIKAN	NAMA	PERANAN	ANUGERAH
1	Digital Quran Representation Using Kalimah Hexadecimal Unicode (Kategori Terbuka)	Ahmad Akmaluddin Bin Mazlan	Ahli	
		Ashraf Saleh Mohammad Al-Omoush	Ahli	Emas dan Setara
		Prof. Dr. Norita Binti Md Norwawi	Penyelaras	
2	Educational Institution Model Through Zakat Financing (Kategori Terbuka)	Zahari Bin Mahad Musa	Ahli	
		Nor Asiah Binti Yaakub	Ahli	
		Ainatul Syafiqah Bt Mohd Din	Ahli	
		Nabilah Yusof @ Abdul Rahman	Ahli	Emas dan Setara
		Prof. Madya Dr. Irwan Mohd Subri	Ahli	
		Prof. Madya Dr. Azman Ab. Rahman	Ketua	
3	Zcholar (Kategori Terbuka)	Nader Yahya Mohamed Al-Keinay	Ketua	Emas dan Setara

Jadual 2.6. Pemenang Pingat Emas Kategori Terbuka ORI

### PINGAT EMAS KATEGORI PRASISWAZAH i-INOVA 2015

NO	TAJUK PENYELIDIKAN	NAMA	PERANAN	ANUGERAH
1	iTalk P.A.I (Prasiswazah)	Nurul Nabila Binti Ahmad Ruslan	Ahli	
	iTalk P.A.I (Prasiswazah)	Mohd Harith Fahmi Bin Mohd Subhi	Ahli	Emas dan Setara
	iTalk P.A.I (Prasiswazah)	Nursyahirah Wahidah Binti Masrom	Ketua	
2	Eazy Copybox (Duplo Box) : Copy Denture Made Easy (Prasiswazah)	Mohd Nazrin Bin Mohd Isa	Ahli	
		Khaliesah Binti Abdul Rahim	Ahli	Emas dan Setara
3	Dengue Kit (Prasiswazah)	Farwah Binti Tajuddin	Ahli	
		Nur Hanisah Binti Sidek	Ahli	
		Fathin Faziera Binti Mansor	Ahli	
		Norakmal Najwa Binti Mat Saleh	Ketua	Emas dan Setara
		Nurfatmah Nabilah Binti Kamarulzaman	Ahli	
4	Mobile Intravenous Drip (MIV) (Prasiswazah)	Hazwan Syahmi Bin Hashim	Ahli	
		Nurul Saprina Binti Rosli	Ahli	
		Ummiyah Binti A Rahman	Ahli	Emas dan Setara
		Fathiyyah Binti Faizol Fadzli	Ahli	
		Muhammad Akmal Bin Sallahuddin	Ketua	
5	DOC-A-SIS (Prasiswazah)	Aimi Nazihah Binti Che Adnan	Ahli	
		Maryam Binti Abdul Halim Koh	Ahli	
		Siti Nurfadhilah Binti Bahrain	Ketua	Emas dan Setara
		Aisyah Nabilah Binti Abdul Rahman	Ahli	
		Sharifah Norhakimah Binti Said A Rahman	Ahli	

NO	TAJUK PENYELIDIKAN	NAMA	PERANAN	ANUGERAH
6	Novel Marine Bio-Waste Active Ultrafiltration (Mba-Uf) Membrane for Dyes Waste Water Treatment(Prasiswazah)	Nur'Adnin Binti Janudin	Ahli	Emas dan Setara
		Amira Zulaikha Binti Zakaria	Ketua	
		Nur'Abidah Binti Mohamed Nasir	Ahli	
		Dr. Abdul Rahman Bin Hassan	Penyelaras	
7	Novel Chitosan Bio Waste Active Ultrafiltration (Chito-BAUF) Membrane for Bio Industry (Prasiswazah)	Nur'Adnin Binti Janudin	Ahli	Emas dan Setara
		Amira Zulaikha Binti Zakaria	Ketua	
		Nur'Abidah Binti Mohamed Nasir	Ahli	
		Dr. Abdul Rahman Bin Hassan	Penyelaras	
8	Braille for All (Inclusive Braille) (Prasiswazah)	Khairul Anuar Bin Doing	Ketua	Emas dan Setara
		Muhammad Luqman Bin Razak	Ahli	
		Nurul Afiqah Calleja	Ahli	

Jadual 2.7. Pemenang Pingat Emas Kategori Prasiswazah

#### ANUGERAH IBNU SINA-KATEGORI TERBUKA i-INOVA 2015

NO	TAJUK PENYELIDIKAN	NAMA	PERANAN	ANUGERAH
1	Zcholar (Kategori Terbuka)	Nader Yahya Mohamed Al-Keinay	Ketua	Emas dan Setara

Jadual 2.8. Pemenang Anugerah Ibnu Sina - Kategori Terbuka

#### ANUGERAH IBNU SINA – KATEGORI PRASISWAZAH i-INOVA 2015

NO	TAJUK PENYELIDIKAN	NAMA	PERANAN	ANUGERAH
1	Braille For All (Inclusive Braille) (Prasiswazah)	Khairul Anuar Bin Doing	Ketua	Emas dan Setara
		Muhammad Luqman Bin Razak	Ahli	
		Nurul Afiqah Calleja	Ahli	

Jadual 2.9. Pemenang Anugerah Ibnu Sina - Kategori Prasiswazah

#### ANUGERAH AL-KHAWARIZMI – KATEGORI PRASISWAZAH i-INOVA 2015

NO	TAJUK PENYELIDIKAN	NAMA	PERANAN	ANUGERAH
1	Mobile Intravenous Drip (MIV) (Prasiswazah)	Hazwan Syahmi Bin Hashim	Ahli	Emas dan Setara
		Nurul Saprina Binti Rosli	Ahli	
		Ummiyahtun Binti A Rahman	Ahli	
		Fathiyah Binti Faizol Fadzli	Ahli	
		Muhammad Akmal Bin Sallahuddin	Ketua	

Jadual 2.10. Pemenang Anugerah Al-Khawarizmi - Kategori Prasiswazah

# KELESTARIAN

## Penerbitan

Universiti Sains Islam Malaysia

Bagi meneruskan kelestarian penerbitan untuk mencapai pelan strategik USIM di peringkat serantau dan global, Penerbit USIM meneruskan usaha untuk terus meningkatkan jumlah penerbitan buku ilmiah tanpa mengenepikan genre-genre penerbitan lain. Usaha terus dilakukan untuk meningkatkan jumlah penerbitan buku ilmiah dari tahun 2014 dan ia telah meningkat daripada 25 tajuk kepada 39 tajuk buku bagi kategori tersebut. Secara keseluruhannya, Penerbit USIM telah berjaya menerbitkan sebanyak 62 buah tajuk buku dalam pelbagai genre termasuk buku teks, modul, buku umum dan prosiding. Dalam penerbitan jurnal pula, Penerbit USIM berjaya mengekalkan penerbitan sebanyak dua kali setahun untuk Jurnal 'Ulum Islamiyyah. Secara keseluruhannya, lapan edisi jurnal berjaya diterbitkan pada tahun 2015 termasuk jurnal-jurnal fakulti.

### KERJASAMA ANTARABANGSA DAN TEMPATAN

Usaha ke arah USIM-16 telah digembung dari awal lagi sejak beberapa tahun. Pada tahun 2015 menyaksikan beberapa kerjasama di peringkat antarabangsa diteruskan untuk mendukung pelan strategik USIM sebagai tempat rujukan dalam bidang penerbitan. Sebagai salah satu pelannya ialah mengadakan kerjasama dengan penerbit antarabangsa di peringkat dunia dan serantau.

### ANTARABANGSA

Di peringkat antarabangsa, kerjasama penerbitan untuk buku Transformation of the Higher Education System in Malaysia: APEX Initiative and World Class University telah diadakan dengan Goethe-University

of Frankfurt, Jerman dan telah dilancarkan secara rasmi di pesta buku terbesar di dunia iaitu di Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt 2015 oleh Pn. Adina Kamarudin, Konsul Jeneral Malaysia di Frankfurt.

Impak daripada penerbitan ini ialah Penerbit USIM mendapat pulangan ROI dalam liputan media Jerman dalam Bahasa Jerman dan juga Bahasa Inggeris.



Dalam masa yang sama, kumpulan Penerbit USIM turut menjelajah Pesta Buku Antarabangsa Sharjah di UAE untuk meningkatkan promosi buku terbitan USIM dan mencari peluang kerjasama dalam bidang penerbitan. Di peringkat serantau, Penerbit USIM turut menyertai Pesta Buku Antarabangsa Brunei dan 6th Islamic Economic System Conference di Krabi Front Bay Resort, Thailand yang memfokuskan jualan buku secara langsung, selain mencari kolabiasi dalam penerbitan. Sebagai serampang dua mata, projek CSR Penerbit bersama komuniti masyarakat Islam di Krabi juga di jalankan di sana.



### TEMPATAN

Di peringkat tempatan, kerjasama dalam bentuk MoA turut dilakukan dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan juga Institut Terjemahan Buku Negara (ITBM) bagi projek penerbitan bersama beberapa judul buku yang ditulis oleh pensyarah USIM. Projek kerjasama ini merupakan strategi untuk meluaskan skop sasaran pembaca yang lebih meluas.



Buku yang dibuat kerjasama dengan ITBM:  
- Nurturing A Balanced Person The Leadership Challenge  
- Reflection of English Muslim



## ANUGERAH DAN PENCAPAIAN

Segala penghasilan dan aktiviti penerbitan juga turut diiktiraf apabila buku-buku terbitan penerbit memenangi anugerah di peringkat kebangsaan;

**1** Anugerah Buku Umum Terbaik (Kategori Undang-Undang) di Anugerah Buku Negara 2014. Anugerah tersebut telah diterima secara rasmi pada 25 Ogos 2015. Buku terbitan USIM bertajuk Nikah Sindiket di Malaysia hasil tulisan Intan Nadia Ghulam Khan, Hasnizam Hashim, Haliza A. Shukor & Nabilah Yusof.

**2** Anugerah Buku Umum Terbaik (Kategori Undang-Undang Islam) di Anugerah Buku Negara 2015. Anugerah tersebut dimenangi oleh buku "Faraid Pembahagian Pusaka dalam Islam", karya Zahari Mahad Musa dan Mushaddad Hasbullah.

**3** Dalam masa yang sama, Penerbit USIM turut mendapat kepercayaan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk Projek Terjemahan & Penerbitan Koleksi Buku Ilmiah Pendidikan Tinggi Dalam Bidang Perubatan dan Kejururawatan dan menerima dana sebanyak RM500,000.00 dari KPT dengan kerjasama ITBM.







# **TERAS 3**

## **Graduan yang Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang Melalui Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli**

Universiti Sains Islam Malaysia

Misi utama USIM adalah untuk melahirkan graduan holistik dan seimbang melalui Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli. Majoriti pelajar USIM merupakan pelajar aliran agama di peringkat sekolah menengah. Asas-asas ilmu naqli dan aqli yang kukuh adalah elemen unik yang telah membantu USIM mengetengahkan potensi diri pelajar yang sebenar. Keutuhan nilai kerohanian menjadikan pelajar mudah dibentuk dan dikelola dengan suntikan program-program yang digagaskan di peringkat kementerian mahupun universiti sendiri. USIM berusaha melahirkan pelajar yang memiliki sifat holistik, mempunyai kemahiran insaniah tersendiri, serta mempunyai ilmu dan jati diri keusahawanan unggul yang berpaksikan kepada Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli.


# **PELAJAR**

## **Holistik dan Seimbang**

Universiti Sains Islam Malaysia

### **MODEL GRADUAN INTEGRASI ILMU NAQLI DAN AQLI (GIINA)**

Peluang yang luas diberikan oleh USIM kepada pelajar aliran agama untuk menonjolkan diri dalam bidang akademik, keusahawanan, inovasi, kebudayaan, kepimpinan, pengurusan, sukan, dan lain-lain lagi. Usaha yang berterusan dilakukan untuk memastikan kemandirian pelajar bukan sekadar cemerlang semasa di universiti tetapi turut hebat ketika berada dalam kalangan masyarakat luar. Persepsi masyarakat luar yang baik dan kebolehterimaan pemain industri terhadap pelajar USIM terhasil melalui usaha keras pelbagai pihak di USIM, baik Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), Pusat Pembangunan Keusahawanan Siswa (PPKS), Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah (PPKI), Pusat Kebudayaan, dan Pusat Sukan, Pusat Kesihatan Universiti dan Pusat Perumahan Pelajar. Kesepaduan dalam menyediakan pelbagai inisiatif dan program telah mencipta ruang yang luas untuk pelajar berdikari, membina keupayaan diri, serta berkarya mengikut kekuatan diri masing-masing. Natijahnya, lahirlah generasi pelajar aliran agama yang bukan sekadar menjadi tokoh agama malah menjadi profesional yang seimbang untuk berjasa kepada bangsa dan negara serta menjadi penyelesai kepada masalah ummah.



Rajah 3.1. Model GIINA

Ciri-ciri model GIINA adalah seperti berikut:

### HOLISTIK

1. Aktif dalam Aktiviti Kepimpinan
2. Aktif dalam Aktiviti Kesukarelawanan
3. Mencapai PNGK  $\geq 3.0$  dan ke atas
4. Mencapai Tahap  $\geq 3$  MUET dan ke atas atau Setara
5. Mencapai Tahap  $\geq 3$  IJLA/MUAT dan ke atas atau Setara
6. Mengikuti Pendedahan Bahasa Ketiga
7. Mencapai Mata Merit  $\geq 20$  dan ke atas dalam Transkrip Ko-Kurikulum
8. Aktif dalam Aktiviti Kesenian
9. Aktif dalam Aktiviti Sukan Sunnah dan Riadah
10. Aktif dalam Aktiviti Pengantarabangsaan
11. Melepassi Ujian Kecergasan Jasmani Kebangsaan




### SEIMBANG

1. Aktif dalam Pengembaran USIM GISO
2. Mutadayyin
3. Bebas daripada Hukuman Tatatertib
4. Menguasai Kemahiran Insaniah (My 3s) atau [ePKI] dengan Skor  $\geq 6/10$
5. Mendaftar sebagai Pemilih dengan Suruhanjaya Pilihanraya



### BERKEUSAHAWANAN

1. Aktif dalam Aktiviti Keusahawanan
2. Aktif dalam Aktiviti Starting School dan Finishing School
3. Berkeupayaan Menyediakan Kanvas Model Perniagaan
4. Aktif dalam Aktiviti Inovasi
5. Memperolehi Pekerjaan dalam Tempoh  $\leq$  kurang 6 Bulan





## OUTREACH (GISO)

Bagi membina nama USIM di peringkat serantau dan antarabangsa, Pengembalaan USIM Global Islamic Students Outreach (GISO) telah diperkenalkan pada tahun 2011. Pengembalaan USIM GISO merupakan program yang dirangka khusus untuk mengukir kecemerlangan pelajar dan organisasi di persada antarabangsa. Semenjak diperkenalkan, pengembalaan GISO telah membuka ruang kepada pelajar untuk terlibat dalam misi dakwah ke serata dunia melalui pelbagai aktiviti libat sama masyarakat dan kesukarelawanan terutamanya di negara minoriti umat Islam.

Sepanjang lima tahun penganjurannya dari tahun 2011 hingga tahun 2015, sejumlah 112 pengembalaan telah berjaya dilaksanakan dengan penglibatan 2,233 orang peserta dan dilaksanakan meliputi 18 buah negara termasuklah China, Filipina, Australia, Jepun, Kemboja, Vietnam, Thailand, Turki, Indonesia, Sri Lanka, Korea Selatan, India, Laos, Maldives, Emiriah Arab Bersatu, Singapura, Brunei dan Jordan.

Aktiviti libat sama masyarakat (community engagement) yang dilaksanakan melalui USIM GISO ini memfokuskan kepada pemindahan dan perkongsian ilmu dan manfaat di antara pelajar dan komuniti setempat yang diziarahi dalam usaha mengupayakan komuniti tersebut melalui aktiviti seperti pengajaran asas bahasa Arab

# GLOBAL Islamic Students Outreach (GISO)

Universiti Sains Islam Malaysia

dan bahasa Inggeris, pembelajaran membaca, menulis dan mengira (3M), pelaksanaan ibadah korban dan akikah, pengajaran seni khat, pembinaan perpustakaan mini, penyediaan kemudahan sanitasi (gali pergi, baik pulih tandas dan tempat berwuduk), pengajaran kaedah bacaan al-Quran Braille kepada komuniti orang kelainan upaya (OKU) ketidakupayaan penglihatan, agihan pelbagai sumbangan, khidmat seni budaya, pertukaran budaya, pembuatan baja kompos dan pemeriksaan serta khidmat nasihat kesihatan.

Pengembalaan USIM GISO ini turut memfokuskan untuk mewujudkan kuasa lunak (soft power) dalam komuniti yang diziarahi agar USIM khususnya dan Malaysia amnya sentiasa dihargai dan dirujuki pada masa hadapan. Pada tahun 2015 sahaja, sejumlah 39 pengembalaan USIM GISO telah berjaya dilaksanakan dengan penglibatan seramai 850 orang pelajar dan 40 orang pegawai pengiring melibatkan 13 buah negara dengan 92.84%

kos keseluruhan pelaksanaan pengembaraan adalah melalui tabungan Yuran Antarabangsa sejumlah RM450.00 bagi setiap pelajar serta usaha pelajar sendiri melalui aktiviti keusahawanan, manakala bakinya adalah daripada peruntukan Akaun Amanah GISO. Pada tahun 2013, Pengembaraan USIM GISO diiktiraf sebagai salah satu amalan terbaik Program Agenda Kritis-Pengantarabangsaan dalam Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Nasional pada 2013.

### PENGEMBARAAN USIM GISO DI SERATA DUNIA

#### GISO TURKI

GISO Turki telah diadakan pada 31 Januari hingga 9 Februari 2015 oleh Sekretariat Sahabat Kembara Ilmu (SKIL), sebuah badan pelajar yang bernaung di bawah Perpustakaan USIM. Berpusat di Istanbul, program ini telah disertai oleh 15 orang ahli SKIL dengan diiringi oleh seorang Pustakawan yang merupakan penasihat kepada SKIL. Program ini berlangsung selama sembilan hari dengan mendapat kerjasama sepenuhnya daripada Yayasan Sains dan Kebudayaan Istanbul (Istanbul Ilim ve Kultur Vakfi - IIKV). Sepanjang tempoh di Istanbul, peserta telah diatur dengan pelbagai pengisian yang menggabungkan tiga elemen penting GISO iaitu khidmat masyarakat, pemindahan ilmu dan wacana intelektual. Peserta telah mengisi masa yang ada dengan tadabbur (penghayatan) kitab Risale I Nur yang dihasilkan oleh ulama terkemuka Turki iaitu Sheikh Badiuzzaman Said Nursi. Malah mereka sempat beramah-mesra dengan Prof. Dr. Faris Kaya (Eksekutif IIKV) dan Mehmet Ferinci, salah seorang murid Sheikh Badiuzzaman Said Nursi yang masih hidup. Kisah kehidupan Sheikh Badiuzzaman Said Nursi, manhaj (kaedah) tafsir yang digunakannya, serta perkongsian ilmu daripada kitab Risale I Nur merupakan peluang yang amat bermakna yang tidak dilepaskan.

#### GISO CHINA

Pengalaman di China memperlihatkan kesungguhan 19 orang pelajar sebagai peserta GISO untuk beramah-mesra bersama masyarakat Muslim di Guilin, China pada 27 hingga 31 Januari 2015. Mereka telah melaksanakan program pengindahan dalam kawasan perkampungan Muslim Qianjing dan aktiviti sukaneka tradisional bersama penduduk serta lawatan ke sekitar kampung. Dalam kesempatan yang ada, kerja-kerja pengindahan masjid dilaksanakan antaranya di Masjid Qianjing dan Masjid Chongshan. Bagi golongan kanak-kanak, kelas pengajian al-Quran dan amali solat telah dibuat di Masjid Chongshan. Sebagai tambahan, penggunaan bahasa Melayu turut diterapkan dalam sesi khas bersama anak-anak yatim di Guilin.

Sebelum itu, pada 22 Januari 2015, seramai 21 orang mahasiswa dari Sekretariat Kesukarelawanan Mahasiswa USIM telah menyertai kembara di Guangzhou, China. Bermusafir selama 5 hari 4 malam, program yang bertemakan "Kembara Kesukarelawanan Mahasiswa" bertujuan untuk mendekati masyarakat Muslim China di samping membawa misi kemanusiaan di negara berkenaan.

Pelbagai aktiviti kesukarelawanan dan kemanusiaan yang dijalankan bersama masyarakat setempat yang menepati objektif utama GISO, antaranya ialah program Spread The Rahmah versi Guangzhou iaitu mengedarkan pakaian sejuk kepada gelandangan, Keep The Mosque Clean iaitu projek membersihkan kawasan masjid dan sekitarnya dan juga aktiviti Street Dakwah, sebuah program dakwah melalui muzik kepada masyarakat di sekitar bandar Guangzhou.

TAHUN	BIL. NEGARA	BIL. WILAYAH	BIL. AKTIVITI	BIL. PENGEMBARAAN	BIL. PENGEMBARA (PELAJAR)	BIL. PENGEMBARA (STAF)	KOS DIBIAYAI PENGEMBARA (%)	KOS DIBIAYAI USIM (%)
2013	8	15	91	20	374	28	75.02%	24.98%
2014	9	35	181	32	683	33	79.78%	20.22%
2015	13	36	270	40	850	40	92.84%	7.16%*

Jadual 3.1. Jumlah Pengembara dan Peratusan Sumber Pembiayaan GISO bagi Tahun 2013, 2014 dan 2015

## GISO KEMBOJA

Pengalaman peserta yang mengikuti pengembalaan ke Kemboja telah membuka minda dan hati peserta untuk mensyukuri segala nikmat yang dikurniakan oleh Tuhan. Program selama empat hari bermula pada 20 hingga 24 Januari 2015 dilaksanakan oleh 24 orang pelajar yang menjalankan misi kemasyarakatan ke Kemboja. Secara khususnya, peserta berpusat dan mendekati masyarakat Islam di Kampung Tralach dalam Daerah Kampong Chhnang yang terletak di bahagian tengah Kemboja. Objektif utama pengembalaan adalah membantu penduduk kampung daripada sudut kerohanian serta pembangunan kemudahan infrastruktur. Melalui kerjasama yang erat, pembinaan 20 unit pam air berjaya disiapkan yang mampu membekalkan air bersih untuk kemudahan harian penduduk termasuklah untuk mandi dan membasuh pakaian, minum dan memasak, serta memudahkan untuk pelaksanaan ibadah. Dalam masa yang sama, kem perubatan dibangunkan untuk pemeriksaan kesihatan seperti rawatan berkhutan, ubat kutu, ubat cacing, dalam lain-lain lagi. Pengisian rohani seperti pelaksanaan ibadah, implementasi Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli serta pengajaran bahasa Arab dan al-Quran turut diadakan sepanjang berlangsungnya program.

## GISO AUSTRALIA

Pada 17 hingga 22 Ogos 2015, pengembalaan GISO "Travelog Mahabbah ke Bumi Perth, Australia" telah diadakan. Seramai 13 orang pelajar telah berkampung di sana untuk misi dakwah yang tersendiri. Peserta telah mengadakan lawatan dan pelbagai program bersama masyarakat di sana. Satu lawatan sambil menyampaikan sumbangan telah dilaksanakan di Iqra Islamic Library. Peserta sempat mengadakan program di Al-Hidayah Islamic School serta melaksanakan program libat sama komuniti bersama masyarakat di St. Bartholomew's House. Pengajaran ilmu Fardu Ain untuk masyarakat Muslim turut dijayakan bertempat di Al-Majis Mosque, Hepburn.

Selain itu, bertempat di Sydney, pada 20 hingga 27 Ogos 2015, pelajar dari Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) telah mengadakan program "Rehlah Ilmiah". Seramai 22 orang peserta telah mengikuti program ini. Antara pengisian yang diadakan adalah menyantuni masyarakat Muslim di sekitar Lakemba, Australia. Satu seminar berkaitan hadis dan kursus perkahwinan juga berjaya dilaksanakan bersama masyarakat Muslim di sana. Peserta turut membuat lawatan ke United Muslims of Australia (UMA) dan Al-Fitra Special Need Centre untuk bertukar idea dan pandangan berkaitan dakwah dan cabarannya, serta projek pengembangan al-Quran Braille.



Berikut adalah antara Pengembaraan USIM GISO yang telah diadakan sepanjang tahun 2015:

NEGARA	NAMA PROGRAM
KOREA 	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kembara Mahabbah Ummah di Bumi Seoul, Korea</li> <li>• Kembara Sosial dan Kemasyarakatan Soul to Seoul di Bumi Korea</li> <li>• Land Of Kimchi's Islamic Humanity Expedition, Korea</li> <li>• Chingu Menjalin Persahabatan Dua Negara</li> <li>• Delegasi Akademik ke Seoul, Korea</li> </ul>
JEPUN 	<ul style="list-style-type: none"> <li>• The Journey of Virtue Ke Tokyo, Jepun</li> <li>• Travelog Daie di Bumi Sakura</li> </ul>
FILIPINA 	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Islamic Malaysian Village in Marawi, Philipines</li> </ul>
JORDAN 	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kembara Ke Kem Pelarian Syria dan Palestin di al-Mafraq</li> </ul>
VIETNAM 	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kembara Tautan Mahabbah "Hulurkan Tangan Ringankan Beban", Vietnam</li> <li>• Travelog Mahabbah di Bumi Saigon</li> </ul>
INDONESIA 	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kembara Kemasyarakatan ke Bumi Aceh</li> <li>• Kembara Sumatera "Merentas Samudera Mencari Permata"</li> <li>• Memacu Dua Negara – Malaysia dan Indonesia</li> <li>• Rehlah Debat Bahasa Arab (REDHA) ke Indonesia</li> <li>• Kembara Sosial dan Kemasyarakatan di Bumi Indonesia</li> <li>• Kembara Insaniah ke Bandar Aceh, Indonesia</li> </ul>
INDIA 	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kembara Mahabbah di Bumi India</li> </ul>

# **ISLAMIC** **Global School** **Network (i-GSN)**

**Universiti Sains Islam Malaysia**

i-GSN merujuk kepada rangkaian sekolah dan kolej yang pernah dilawati oleh pasukan promosi USIM serta sekolah dan kolej yang pernah melawati USIM dari sekitar negara-negara Asia Tenggara (ASEAN). USIM 'Alamiyyah telah dipertanggungjawabkan untuk menjadi pengendali dan pusat rujukan setempat bagi perhubungan antarabangsa ini. i-GSN diharapkan menjadi pemangkin kepada kemasukan pelajar daripada sekitar ASEAN selain menerobos sempadan antarabangsa bagi meletakkan nama USIM sebaris dengan universiti lain.

Untuk merealisasikan hasrat ini, satu program yang dinamakan sebagai program i-GSN Jamboree (Islamic Global School Network Jamboree) telah diadakan pada 4 hingga 7 Mei 2015 dan telah disertai oleh 98 orang pelajar daripada Indonesia dan Thailand. Konsep i-GSN Jamboree ini adalah untuk memberi pendedahan secara holistik mencakupi pelbagai aspek iaitu akademik, kepemimpinan, sahsiah dan rohani, sukan serta budaya.

Penglibatan pelajar USIM dalam program ini telah membuka ruang kepada interaksi budaya, kepelbagaiannya bahasa, persefahaman latar belakang yang berbeza dan semangat ukhuwah dalam kalangan pelajar mereka. Antara aktiviti yang diadakan adalah taklimat Preparatory Programme for International Students, taklimat Program Sarjana Muda USIM, sesi tazkirah oleh International Student Society (ISS) USIM dan sesi tazkirah oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) USIM. Selain memfokuskan kepada aspek integrasi budaya, meraikan kepelbagaiannya budaya serta adat dan bahasa, i-GSN Jamboree juga memberi peluang dengan menjemput universiti tempatan untuk berkongsi bidang bitara masing-masing antaranya Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Secara khususnya, program ini telah dibahagikan kepada elemen-elemen seperti:

- i. Program akademik melibatkan kuliah, tutorial dan makmal bersama buddy (rakan) yang dikenal pasti dalam kalangan pelajar USIM di dalam kampus.
- ii. Program sahsiah dan kepimpinan seperti ceramah berkaitan motivasi pelajar dan pembinaan sahsiah diri oleh pensyarah termasuklah aktiviti kerohanian yang melibatkan tazkirah dan usrah.
- iii. Program budaya melibatkan aktiviti integrasi budaya melalui persembahan kumpulan dan persembahan budaya.
- iv. Program kurikulum iaitu melalui aktiviti sukan dan riadah yang diadakan di Pusat Sukan USIM.



Antara pelajar yang mengikuti program i-GSN Jamboree

# PENCAPAIAN

## Pelajar

Universiti Sains Islam Malaysia

Sepanjang tahun 2015, pelajar USIM telah mencapai pelbagai kejayaan dalam bidang sukan, keusahawanan, debat, kebudayaan Islam, dan bidang-bidang yang lain. Kejayaan ini diperoleh melalui usaha-usaha yang dimainkan oleh jabatan yang dipertanggungjawabkan oleh pihak USIM.



telah menggondol pingat perak melalui Ain Najwa bt Mohd Latif bagi acara Silat Olahraga. Dalam Kejohanan Olahraga MASUM 2015 pada 1 hingga 4 Oktober 2015, USIM telah berjaya merangkul 1 pingat emas melalui acara 5000M Lelaki iaitu Mustafe Rashid Ali. Dalam acara 800M, pelajar USIM Ahmad Miqdad Mohd Abidin telah merangkul pingat perak dan sekali lagi Mustafe Rashid Ali telah memenangi pingat gangsa dalam acara 1500M Lelaki.

### PELAJAR USIM CEMERLANG DALAM SUKAN

#### EMAS

**1**

- Ain Najwa Moh Latif



#### PERAK

**2**

- Ab Rahimi Ab Rezaf
- Mohammad Amirul Rusli



#### GANGSA

**3**

- Muhammad Ali Imran Che Yashi
- Nur Hidayah Rosman
- Ab Rahimi Ab Rezaf



Kecemerlangan pelajar USIM dalam sukan dibuktikan dengan kejayaan merangkul 1 pingat emas, 1 pingat perak dan 2 pingat gangsa dalam Kejohanan Pencak Silat UPSI dan Jemputan Antarabangsa Ke-6 yang telah berlangsung pada 15 hingga 19 April 2015. Pada 27 Julai hingga 6 Ogos 2015, USIM telah menyertai Karnival Sukan MASUM 2015 yang dianjurkan oleh Universiti Teknologi Malaysia dengan kerjasama Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM). Dalam kejohanan ini, pelajar-pelajar USIM telah merangkul kejayaan seperti berikut:

Seterusnya pada 15 hingga 20 September 2015, USIM telah menyertai Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri Edisi ke-6 2015 bertempat di Berjaya Megamall, Kuantan. Kali ini, USIM



# **KEUSAHAWANAN**

## **Pelajar**

**Universiti Sains Islam Malaysia**

Dalam usaha melahirkan pelajar yang memiliki sifat holistik, seimbang dan berdaya keusahawanan, USIM melalui Pusat Pembangunan Keusahawanan Siswa (PPKS) pada tahun 2015 telah banyak merangka dan menganjurkan pelbagai program dan aktiviti keusahawanan di dalam dan luar kampus yang berteraskan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli. Matlamat utama PPKS adalah mempersiapkan pelajar supaya memenuhi hasrat universiti menjadi Job Creator (Pencipta Pekerjaan) dan bukannya Job Seeker (Pencari Pekerjaan). Untuk itu, PPKS berhasrat menghasilkan pelajar yang memiliki ciri-ciri keusahawanan seperti kreatif, inovatif, berani menanggung risiko dan bersemangat kental.

### **PROGRAM PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN**

PPKS telah merangka pelbagai program untuk menghasilkan pelajar yang mempunyai ciri-ciri usahawan yang unggul dalam tahun 2015. Antara yang telah diaturkan ialah:

#### **i. Hands on Programme for Entrepreneurship (HOPE) @ USIM**

HOPE dirangka dan dibangunkan sebagai satu program pembangunan kemahiran tahap tinggi yang menggunakan keusahawanan sebagai landasan dan dasar utama dengan pelaksanaan serta penerapan silibus menekankan penguasaan kemahiran abad ke-21. HOPE dilaksanakan sebagai mata pelajaran wajib di peringkat diploma dan ijazah dan mampu dilaksanakan pada peringkat kursus dan kurikulum. Pencapaian dan prestasi setiap pelajar HOPE diukur menggunakan Sistem Penilaian Prestasi berasaskan industri, menerusi 12 kriteria di dalam Key Result Area (KRA) dan 8 kriteria di dalam Behaviourial Competencies (BC).

#### **ii. Revolusi Keusahawanan melalui pendidikan-Program Pembudayaan Keusahawanan Pelajar Baharu Kemasukan Sesi 2015/ 2016**

Program Bicara Keusahawanan Pelajar Baharu adalah merupakan salah satu inisiatif untuk mencapai Indikator Prestasi Utama (KPI) di bawah Projek Agenda Kritis (CAP) Keusahawanan Kementerian Pengajian Tinggi. Ia telah dilaksanakan pada Hari Taaruf Pelajar Sarjana Muda Universiti Sains Islam Malaysia kemasukan sesi 2015/ 2016.

#### **iii. Penerbitan Buku Usahawan Alumni USIM “Dari Menara ke Angkasa”**

Penerbitan Buku Usahawan Alumni USIM “Dari Menara ke Angkasa” adalah usahasama antara Pusat Pembangunan Keusahawanan Siswa (PPKS) dan Pejabat Perhubungan Alumni USIM. Ia adalah usaha untuk membuktikan hasil keberkesanan program-program keusahawanan yang telah dijalankan oleh universiti selaras dengan matlamat Dasar Pembangunan Keusahawanan Institut Pengajian Tinggi. Penerbitan buku ini dilihat menjadi penanda aras untuk mendokumentasikan maklumat usahawan graduan USIM yang merangkumi maklumat perniagaan yang mereka ceburi.

#### **iv. Anugerah Keusahawanan USIM 2015 “AKU 2015”**

Anugerah Keusahawanan USIM (AKU) 2015 merupakan satu inisiatif daripada Pusat Pembangunan Keusahawanan Siswa (PPKS) untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada pelajar yang terlibat dengan keusahawanan. Anugerah yang diberikan diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada para pelajar USIM untuk terlibat secara aktif dengan program keusahawanan. Senarai penerima anugerah dan kategori adalah seperti berikut:

- Abdul Alim Bin Abdul Manaf-Usahawan Siswa Terbaik 2015
- Projek ‘Golden Oil’ Oleh Sekretariat Enactus USIM-Projek Keusahawanan Terbaik 2015
- Ali Zahran Bin Haji Thurmoodi-Mentor Keusahawanan Terbaik (Pentadbiran) Kakitangan
- Siti Nurul Huda Binti Nordin-Mentor Keusahawanan Terbaik (Akademik) Kakitangan

## PROJEK KHAS KEUSAHAWANAN

PPKS juga telah mengatur beberapa projek khas untuk dijalankan oleh pelajar. Antara projek yang dilaksanakan adalah Projek Keusahawanan Tani yang dijalankan oleh Sekretariat MyAgrosis iaitu sebuah sekretariat pelajar di bawah Penyelarasan PPKS. Terdapat tiga buah projek dijalankan oleh Sekretariat MyAgrosis USIM sepanjang tahun 2015 iaitu :

- i. Projek Fertigasi
- ii. Projek Akuakultur
- iii. Projek K-Shoppe

Selain itu, PPKS juga telah mewujudkan Enactus USIM iaitu satu projek dalam kalangan pelajar melalui pendekatan keusahawanan sosial. Ia juga membolehkan Enactus USIM meneruskan tradisi menyertai Pertandingan Enactus Malaysia National Cup di peringkat Kebangsaan buat kali yang kesepuluh (10) pada tahun 2015. Antara projek Enactus USIM adalah seperti berikut:

### i. Projek Golden Oil

Projek Golden Oil adalah suatu aktiviti keusahawanan sosial para mahasiswa untuk membantu masyarakat setempat dalam meningkatkan taraf kesihatan di samping dapat menjana pendapatan sampingan. Projek ini dijalankan dengan mengumpul minyak masak terpakai dan kemudian menjual minyak tersebut kepada syarikat Kris Biofuels untuk dikitar semula. Tujuan utama projek ini diadakan adalah untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar akibat pembuangan sisa minyak masak terpakai secara terus ke bumi tanpa sebarang proses. Projek Golden Oil ini juga merupakan salah satu kaedah bagi menambah pendapatan sampingan kepada pihak-pihak terbabit di samping membantu mereka-mereka yang memerlukan.

### ii. Projek Musaceae

Projek ini merupakan satu aktiviti keusahawanan sosial yang bertujuan membantu golongan asnaf dan ibu tunggal melalui kaedah pengurusan pisang yang cekap dan mampu menjana pendapatan yang berterusan kepada golongan berkenaan serta Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia. Ia dilaksanakan bermula dengan penanaman pokok pisang di dari Kampung Orang Asli Ulu Kelaka, Jelebu Negeri Sembilan.

Pelajar USIM terlibat dengan mengumpul dan membeli pisang daripada penduduk kampung dan kemudiannya diagihkan kepada tiga golongan sasaran

sebelum diproses untuk dijadikan kerepek pisang dan dipasarkan. Para pelajar turut berperanan membantu penduduk di Kampung Ulu Kelaka untuk menjalankan projek pemprosesan pisang di IKS kampung tersebut serta melakukan pemantauan terhadap hasil tanaman pisang yang telah dilaksanakan pada tahun sebelumnya di atas tanah seluas tiga ekar. Pelajar kemudian terlibat dalam memasarkan hasil pisang yang telah siap. Program ini diharap dapat mewujudkan rantaian industri antara penduduk Kampung Ulu Kelaka sebagai pihak yang menyediakan bekalan pisang dan industri pemprosesan kerepek yang telah diwujudkan.



## PENCAPAIAN PELAJAR DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN

Kecemerlangan pelajar USIM untuk tahun 2015 dalam bidang keusahawanan amat memberangsangkan. Pada Ministry of Higher Education (MOHE) Entrepreneurial Awards (MEA) 2015 yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, USIM buat julung kalinya mendapat Special Merit Award untuk Kategori Institutional Awards – Entrepreneurial Public University of The Year. Antara kriteria yang dinilai semasa anugerah tersebut adalah Institutional Environment, Entrepreneurial Impact, Student Engagement, Innovative & Entrepreneurial Staff dan Innovative Entrepreneurial Learning & Teaching. Ini membuktikan program keusahawanan yang dilaksanakan oleh USIM mencapai tahap dan standard yang tersendiri berlandaskan ilmu naqli dan aqli serta bertunjangkan pelajar-pelajar yang holistik dari sudut akademik dan kerohanian.

Dalam majlis yang sama, untuk Kategori Best Entrepreneurship Project Award, Projek Keusahawanan Sosial yang telah dijalankan oleh Sekretariat Enactus USIM berjaya terpilih ke peringkat akhir anugerah tersebut. Sekretariat Enactus USIM sekali lagi menunjukkan kecemerlangan apabila mencapai peringkat akhir dalam Enactus Malaysia National Cup (EMNC) 2015.

Pelajar USIM turut menyertai MaGIC 1AES Social Enterprise Bootcamp Business Idea and Pitching yang dianjurkan oleh Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC). Delegasi USIM berjaya merangkul tempat pertama melalui projek Knowledge Voice dan tempat ketiga melalui projek Jump-In.

Tahun 2015 juga menyaksikan pelajar USIM memasuki peringkat akhir dan memenangi RM6,000.00 dalam Youth Trailblazer Challenge 2015 melalui projek yang dinamakan Vertical Garden Saga.



# DEBAT

## Pelajar

Universiti Sains Islam Malaysia

Nama Malaysia dan USIM telah mengharum ke seluruh dunia, apabila Anis Amirah Zakaria dan Azka Annisa Yusri Yurnalis masing-masing memenangi tempat kedua dan keenam kategori pendebat bukan penutur jati bahasa Arab pada pertandingan Debat Bahasa Arab Antara Universiti Peringkat Antarabangsa kali ke-3 atau 3<sup>rd</sup> International Universities Arabic Debate Championship (IUADC3). Pertandingan ini telah dianjurkan oleh Yayasan Qatar pada 26 April 2015 hingga 29 April 2015 bertempat di Pusat Konvensyen Kebangsaan Qatar, Doha bertemakan "Pendebat Hari Ini Pemimpin Masa Hadapan". Secara berpasukan pula, pasukan USIM berada di kedudukan kedua selepas Perancis dalam kalangan pasukan bukan penutur asli bahasa Arab.

Pasukan USIM diwakili oleh empat orang pelajar:

- i. Azka Annisa Yusri Yurnalis, 23 tahun, pelajar tahun tiga dari Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Ijazah Sarjana Muda Fiqh & Fatwa (berasal dari Padang, Indonesia).
- ii. Nur Azreen Zainal, 22 tahun, pelajar tahun tiga dari Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab & Komunikasi (berasal dari Selangor, Malaysia).
- iii. Anis Amirah Zakaria, 22 tahun, pelajar tahun tiga dari Fakulti Syariah & Undang-Undang, Ijazah Sarjana Muda Syariah & Undang-Undang (berasal dari Selangor, Malaysia).
- iv. Nur Akma Mohd Dali, 22 tahun, pelajar tahun tiga dari Fakulti Syariah & Undang-Undang, Ijazah Sarjana Muda Syariah & Undang-Undang (berasal dari Kedah, Malaysia).

Sebanyak 68 pasukan dari 33 buah negara seperti Yaman, Kuwait, Qatar, China, Korea Selatan, Brunei, Oman, Djibouti, Kazakhstan, Sudan, Amerika Syarikat, Poland, United Kingdom, Palestin, Australia, Perancis, Somalia, Jordan, Morocco, Tunisia, India, Pakistan, Jerman dan lain-lain telah mengambil bahagian.

### RINGKASAN KEJAYAAN DALAM DEBAT:

- **ANIS AMIRAH ZAKARIA:**  
Naib Johan Kategori Pendebat Bukan Penutur Asli Bahasa Arab Universiti Antarabangsa, Doha, Qatar
- **ZULFAWWAZ MOHAMAD:**  
Anugerah Khas Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Anugerah Tokoh Siswa 2014, Kementerian Pendidikan Malaysia
- **SITI SUHAILAH SHARUDDIN:**  
Johan Pertandingan Pidato Dakwah Belia Islam, Piala YB. Menteri Di Jabatan Perdana Menteri
- **PASUKAN DEBAT BAHASA MELAYU:**  
Johan Kejohanan Debat Ekonomi Piala Ibnu Khaldun anjuran Kelab Debat USIM
- **IRFAN FARUZI MOHAMAD FAIRUS:**  
Johan Pertandingan Pidato 25 Tahun Jubli Perak, Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan

# **KEBUDAYAAN**

## **Islam**

**Universiti Sains Islam Malaysia**

Urus Setia Kesenian Pelajar (UKP) dan Pusat Kebudayaan telah mencapai kejayaan yang cemerlang pada tahun 2015 menerusi penglibatan dalam pelbagai program dan pertandingan pelbagai peringkat. Sejumlah 27 kejayaan telah dirangkul oleh kumpulan kesenian Urus Setia Kesenian Pelajar yang telah mengharumkan nama Universiti dalam nasyid, muzik moden, seni lukis, perkusi, koir, dikir barat, penulisan kreatif, seni khat, tarian, teater, qasidah, taranum dan caklempong.


### **KONSERT ALHAN RABBANIYAH**

Pusat Kebudayaan dengan kerjasama Urus Setia Kesenian Pelajar (UKP) telah menjayakan Konsert Alhan Rabbaniyah sebagai program kemuncak sempena USIM 15 Tahun yang mana DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan DYMM Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Canselor USIM telah mencemar duli menghadiri konsert berkenaan. Program ini dianjurkan secara bersama oleh USIM dan Istana Budaya dengan kerjasama Radio Televisyen Malaysia (RTM), Utusan Malaysia, Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Konsert yang berkonsepkan seni berbudaya dan patuh syariah serta mengangkat elemen Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli telah membawa satu kelainan kepada industri persembahan pentas di Malaysia sekaligus mengharumkan nama Universiti. Konsert ini mendapat tajaan rakaman penuh RTM dan disiarkan selama dua jam sempena Maulidur Rasul yang lalu di RTM1. Secara purata anggaran penajaan perkhidmatan pada konsert ini adalah sebanyak RM500,700.00.

Penglibatan pelajar USIM adalah seramai 77 orang termasuk urus setia persembahan dan pengurusan pelaksanaan konsert. Sebahagian daripada hasil jualan tiket disumbangkan kepada Pusat Kebajikan al-Fikrah.





**MEDAN**  
**Dakwah**  
**Pelajar**

Universiti Sains Islam Malaysia



Program USIM Street Dakwah (USD) terus memberi kelainan dan keunikan tersendiri dalam dakwah melalui konsep *knowledge sharing* dan *awareness sharing* dalam masyarakat setempat. Pendekatan dakwah ini dizahirkan melalui persembahan-persembahan yang disusuli mesej yang mampu menjadi ikutan masyarakat dengan mengetengahkan seni muzik Islam. Ia adalah pendekatan dakwah yang kreatif yang ditampilkan oleh USIM melalui pelajar dan kakitangan.

USD pada tahun 2015 telah dilaksanakan di beberapa tempat di sekitar Lembah Klang dan di negeri Kedah. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama beberapa rakan strategik seperti Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Utusan Malaysia, Malaysian Buskers Club (MYBC), Alamanda, Pasar Seni dan banyak lagi. Program ini telah mendapat liputan meluas daripada media cetak dan turut mendapat siaran khas USIM Street Dakwah di Astro Oasis selama 45 minit. USD yang disertai oleh Urus Setia Kesenian Pelajar di bawah kumpulan USIM Busker juga telah diberi peluang membuat persembahan dalam rancangan Dikir Zikir TV Al-Hijrah.

Selain bertujuan untuk menyampaikan dakwah, USD juga membuat kutipan dana untuk membantu masyarakat yang kurang bernasib baik. Kerjasama antara Pusat Kebudayaan USIM dan NGO Islamic Relief telah berjaya mengumpul hasil kutipan sebanyak RM9,920.00 setahun dan sebahagiannya telah didermakan kepada NGO tersebut untuk membantu mereka yang kurang bernasib baik.

# PELAJAR

## USIM Cemerlang Dalam

### Program Da'i: Pendakwah Milenia

### 2015

Universiti Sains Islam Malaysia



Hamidah Ab Razak, pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Akidah dan Agama dan Ahmad Fuad Mohamad Mokhtar, kedua-duanya dari Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, telah dinobatkan sebagai Juara dan Naib Juara Program Da'i, Da'i: Pendakwah Milenia Musim Ke-3 2015 yang dianjurkan oleh TV3.

#### RANGKUMAN PENCAPAIAN PELAJAR USIM

- Pelajar Sarjana Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat, Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM). Iqmal Hisham Kamaruddin menerima Anugerah Pingat Tunku Abdul Rahman yang telah diperkenalkan oleh Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR).
- Pelajar Program Bioteknologi Makanan, Fakulti

Sains dan Teknologi, saudari Fairus Abdul Manaf menjadi wakil tunggal Malaysia yang menyertai Asian Youth Forum kali ke-13 (AYF'13) di Bangkok, Thailand pada awal tahun 2015. Penganjuran AYF'13 adalah bertujuan untuk menghimpunkan para pelajar universiti di Asia dalam satu konvensyen antarabangsa untuk para peserta saling bertukar dan berkongsi idea, pandangan dan pemikiran berkaitan isu budaya, bahasa, kepimpinan, sosial dan global.

- Pelajar Tamhidi, Putri Nur Nadia Bakri dinobatkan sebagai Johan dalam Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan kali ke-36 bagi kategori 1-20 juzuk (wanita). Beliau juga mengharumkan nama Malaysia dan universiti apabila muncul sebagai johan dalam Majlis Musabaqah Menghafaz Al-Quran Beserta Pemahamannya Peringkat Negara Anggota MABIMS 1436H di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Brunei.
- Mohamad Husaini Mahmur, pelajar tahun empat dari Fakulti Pengajian Bahasa Utama merangkul Johan dalam Pertandingan Musabaqah Tilawatil Al-Quran Belia Asia Tenggara di Brunei. Husaini juga merupakan Qari Malaysia yang pertama mendapat johan bagi pertandingan ini.
- Dua pelajar USIM iaitu Abdul Muiz Abdul Hakim, pelajar jurusan Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang serta Muhammad Miqdam Rashid, pelajar Sarjana Muda Matematik Kewangan, Fakulti Sains dan Teknologi terpilih untuk menyertai Student Parliament: Oxford Leadership Programme 2015 pada 23 hingga 29 Ogos 2015 yang bertujuan membangunkan kemahiran kepemimpinan pelajar, pengalaman budaya dan pendedahan berkaitan institusi parliment di luar negara.
- Pelajar-pelajar cilik Kolej PERMATA Insan USIM juga mencipta nama di peringkat antarabangsa dengan merangkul empat pingat (satu emas, satu perak dan dua gangsa) di World Creativity Festival yang telah berlangsung di Korean Advanced Institute of Science and Technology Daejeon, Korea Selatan. Delegasi PERMATA Insan USIM merupakan wakil tunggal dari Malaysia yang bersaing dengan negara-negara lain seperti Mexico, Singapura, Indonesia, Taiwan, Hong Kong, Korea Selatan, Saudi Arabia dan China.





# **TERAS 4**

## **Governan dan Pembangunan Modal Insan yang Boleh Menarik dan Mengkekalkan Bakat Bersifat Global, Multi Bahasa dan Seimbang**

Universiti Sains Islam Malaysia

USIM komited membuat penambahbaikan berterusan ke atas sistem tadbir urus supaya sentiasa relevan dengan persekitaran dalam dan luar negara. Tadbir urus yang baik dan berkesan ditunjangi oleh kepimpinan yang berkredibiliti dan kompetensi tinggi oleh modal insan. Pembinaan karakter dan sahsiah modal insan yang mampu menjawai falsafah dan misi USIM diperkasakan menerusi pembinaan modul latihan yang bersepadu. Dalam aspek ini, USIM telah mula membina modul latihan yang berkonsepkan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli yang bersesuaian mengikut klasifikasi perkhidmatan, peringkat kematangan dan tempoh perkhidmatan kakitangan.

# **GOVERNAN** **Universiti**

**Universiti Sains Islam Malaysia**

## **LEMBAGA PENGURUSAN UNIVERSITI**

Membuka tahun baharu, USIM bersama-sama lima Universiti Awam (UA) yang lain telah diberi status autonomi oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Dengan status tersebut, kuasa Lembaga Pengarah diperluaskan di mana sebahagian besar pembuatan keputusan dipindahkan daripada agensi pusat kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU) meliputi empat komponen utama iaitu Governan Institusi, Kewangan dan Penjanaan Pendapatan, Pengurusan Sumber Manusia dan Pengurusan Akademik. Pemberian autonomi ini diberikan selepas beberapa siri pengauditan yang dilakukan oleh pihak kementerian melibatkan pakar dan ahli profesional yang dilantik oleh kementerian dengan mencapai skor melebihi 85% dalam empat komponen tersebut yang dinilai.

Dalam melaksanakan fungsinya, USIM dikawal selia oleh Lembaga Pengarah Universiti dan pihak-pihak berkuasa yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Universiti iaitu Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) dan Senat. Lembaga Pengarah Universiti terdiri daripada sembilan ahli bukan eksekutif termasuk Pengerusi, Naib Canselor dan seorang wakil Profesor USIM. Pendaftar bertindak selaku Setiausaha dan Timbalan-timbalan Naib Canselor beserta Bursar dan Penasihat Undang-undang hadir sebagai ahli ex-officio. Lembaga Pengarah Universiti telah bersidang sebanyak enam kali pada tahun 2015 dan antara dasar utama yang telah diputuskan adalah bersabit dengan peraturan kewangan, sumber manusia dan pemakaian pekeliling agensi pusat.

## **JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI**

Bertindak sebagai badan eksekutif dalam hal ehwal pengurusan dan pengoperasian institusi, Jawatankuasa Pengurusan Universiti dianggotai oleh Naib Canselor selaku pengerusi, tujuh ahli tetap yang diperuntukkan oleh Perlembagaan USIM iaitu tiga Timbalan Naib Canselor, Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-undang dan enam Pengarah Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang dilantik di bawah kuasa prerogatif Naib Canselor iaitu Pengarah Pembangunan, Pengarah Pusat Inovasi, Jaringan Industri dan Masyarakat, Pengarah USIM 'Alamiyyah, Pengarah Pusat Komunikasi Strategik, Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Pengarah Pusat Perancangan Korporat dan Pengurusan Kualiti. Sebanyak 40 mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015 yang memutuskan perkara-perkara bersangkutan pelaksanaan dasar dan peraturan, penambahbaikan proses kerja dan operasi dan membuat pemantauan, pengawasan serta penilaian ke atas progres dan prestasi PTJ.

## **SENAT UNIVERSITI**

Senat Universiti adalah badan tertinggi akademik yang bertanggungjawab membuat dan memutuskan dasar berkaitan hal ehwal akademik. Merujuk peruntukan yang diberikan oleh Perlembagaan USIM, keanggotaan Senat Universiti pada tahun 2015 adalah seramai 37 orang dengan empat orang adalah terdiri daripada ahli Senat bertaraf ex-officio iaitu Pendaftar, Bendahari, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-undang manakala Ketua Bahagian Pengurusan Akademik bertindak selaku Setiausaha. Sebanyak enam mesyuarat Senat telah diadakan sepanjang tahun 2015 dan antara dasar utama akademik yang diluluskan adalah berkaitan peraturan pengajian, unjuran pelajar, penawaran program baharu dan hal ehwal pengijazahan.

## **PERUBAHAN KEANGGOTAAN LPU, JKPU DAN SENAT 2015**

Pada tahun 2015, beberapa perubahan berlaku dalam keanggotaan LPU, JKPU dan Senat berikutnya penamatan dan pelantikan ahli-ahli baru. Seramai lima orang ahli LPU (termasuk seorang ahli ganti Kementerian Pendidikan Tinggi) telah tamat keahlian dan digantikan dengan lima ahli baru. Manakala dalam senarai pengurusan, YB Menteri Pendidikan Tinggi telah bersetuju melantik dua orang Timbalan Naib Canselor

yang baru iaitu Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa mulai 15 Januari 2015 dan Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni mulai 15 Jun 2015. USIM juga menerima Bendahari baharu menerusi pelantikan Dato' Hj. Mohd Abd. Rasid Mohd Fadzil pada 11 September 2015.

Komponen yang membentuk USIM terdiri daripada Pusat-pusat Tanggungjawab yang diletakkan di bawah portfolio Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Pendaftar, Bendahari, Ketua Pustakawan dan Pengarah Pembangunan (Ketua Pengawal PTJ). Namun, terdapat lapan PTJ diletakkan di bawah Jabatan Canselori yang melapor secara langsung kepada Naib Canselor. Dua PTJ baharu telah diluluskan penubuhannya pada tahun 2015 iaitu Pusat Pengembangan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (PIINA) dan Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB)

manakala satu PTJ telah diberi penjenamaan semula iaitu Pusat Hubungan Industri dan Pengkomersialan (PHIP) kepada Pusat Inovasi, Jaringan Industri dan Masyarakat (PIJIM).

Penubuhan PIINA telah mendapat kelulusan LPU dan memulakan operasi pada Mei 2015 bertujuan untuk memantapkan pembudayaan dan amalan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli dalam empat fungsi dan peranan utama USIM iaitu pentadbiran, akademik, penyelidikan dan pembangunan mahasiswa. Menutup tahun 2015, penubuhan FKAB telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi menerusi surat bertarikh 10 Disember 2015. Sejak dengan penubuhan tersebut, dua program akademik yang sebelum ini diletakkan di bawah Fakulti Sains dan Teknologi iaitu Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Elektronik) dengan Kepujian serta Sarjana Muda Sains Senibina dengan Kepujian, dimasukkan di bawah pengurusan FKAB. Sehingga 31 Disember 2015, keseluruhan PTJ USIM adalah sebanyak 48 PTJ (rujuk carta organisasi di halaman profil universiti).

BIL	NAMA	TARIKH TAMAT KEAHLIAN
1	Datuk Abd Shukor Ibrahim	6 Februari 2015
2	Encik Mustafar Taib	14 Jun 2015
3	Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani	31 Julai 2015
4	Encik Anuar Elias	30 September 2015

Jadual 4.1. Senarai Ahli LPU yang Tamat Pelantikan Pada 2015

BIL	NAMA	TARIKH MULA PERLANTIKAN
1	Puan Nor Eni Ismail	1 Julai 2015
2	Prof. Dr. Raha Abdul Rahim	16 Julai 2015
3	Prof. Emeritus Dato' Dr. Nik Mohd Nasri Nik Ismail	1 Ogos 2015
4	Encik Mohd Sharizal Kadir	1 Disember 2015

Jadual 4.2. Senarai Pelantikan Baru Ahli LPU pada 2015

BIL	NAMA	TARIKH TAMAT KEAHLIAN
1	Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah	15 April 2015
2	Prof. Dr. Nor Aripin Shamaan	30 Jun 2015
3	Dr. Mohd Azman Hashim @ Ismail	20 Julai 2015
4	Encik Zairul Hisham Ahmad Khulaimi (Pemangku Bendahari)	10 September 2015

Jadual 4.3. Senarai Ahli JKPU yang Tamat Pelantikan pada 2015

BIL.	NAMA	TARIKH MULA PERLANTIKAN
1	Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani	15 Januari 2015
2	Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan	15 Jun 2015
3	Prof. Madya Datin Dr. Sapora Sipon	6 Julai 2015
4	Prof. Dr. Abdul Rahim Abdul Rahman	27 Julai 2015
5	Dato' Haji Mohd Abd Rasid Mohd Fadzil	11 September 2015

Jadual 4.4. Senarai Pelantikan Baru Ahli JKPU pada 2015



## USIM 15 Tahun

Universiti Sains Islam Malaysia

USIM mula beroperasi pada tahun 2000 dengan memulakan pengambilan pelajar sulung seramai 255 orang bagi tiga program pertama iaitu Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman dengan Kepujian, Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian dan Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam dengan Kepujian. Kini setelah 15 tahun ditubuhkan, USIM menawarkan 64 program akademik di peringkat siswazah, sarjana muda dan Tamhidi (persediaan). USIM juga dipilih oleh PERMATA Negara untuk meluaskan program PERMATA menerusi Kolej PERMATA Insan. Konsep "sekolah di dalam kampus" ini menempatkan pelajar-pelajar pintar bagi pengajian peringkat menengah di tingkatan 1 hingga 5. Menelusuri

perkembangan 15 Tahun USIM, pelbagai pencapaian dan pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa telah dilakarkan. Pencapaian dan pengiktirafan berkenaan boleh dilihat dari aspek USIM sebagai institusi, penyelidikan dan reka cipta inovasi, bakat dan personaliti, aktiviti kesukanan dan khidmat masyarakat.

Bagi meraikan ulang tahun USIM yang ke-15, pelbagai program telah disusun di sepanjang tahun dengan penglibatan hampir kesemua PTJ. Ia dimulakan dengan Majlis Pelancaran Sambutan Ulang tahun ke-15 USIM yang dirasmikan oleh YBhg. Pengurus Lembaga Pengarah Universiti pada 5 Februari 2015. Antara acara besar yang dianjurkan adalah seperti berikut:

### MAJLIS PERASMIAN DAN PENAMAAN DEWAN TUANKU CANSELOR

Majlis Perasmian dan Penamaan Dewan Tuanku Canselor disempurnakan oleh DYMM Tuanku Ampuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Aishah Rohani Almarhum Tengku Besar Mahmud, Canselor USIM pada 4 Jun 2015. Turut mencemar duli pada majlis tersebut DYMM Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir dan YAM Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhauddin Ibni Tuanku Muhriz, Pro Canselor USIM. Pada majlis ini juga, dua buah buku yang berkaitan dengan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli telah dilancarkan iaitu USIM: Mempelopori Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli yang berkonseptan coffee



table book dihasilkan oleh Jabatan Perpustakaan dan buku Integrasi Naqli dan Aqli dari Perspektif Quran dan Sunnah yang dihasilkan oleh kesemua lapan fakulti di USIM.

#### HARI TERBUKA USIM



Buat julung kalinya juga USIM telah mengadakan Hari Terbuka USIM dengan skala yang besar. Penganjuran hariterbuka tersebut telah diadakan pada 12 September 2015 dengan pengisian program-program menarik sepanjang satu hari ia diadakan. Acara sambutan dibuka dengan Konsert Malam Cinta Rasul pada malam sebelumnya dan diikuti dengan program-program yang telah diatur seperti Larian Amal Fit USIM Charity Run, pameran dan informasi, pemeriksaan kesihatan, seminar kerjaya, gerai jualan serta sesi jelajah kampus. Secara keseluruhan, lebih lima ribu pengunjung terdiri daripada penuntut sekolah, IPT dan komuniti setempat telah hadir pada hari terbuka berkenaan.

#### MAJLIS HIMPUNAN ALUMNI KUMPULAN PERTAMA KUIM

Bersempena sambutan ulang tahun ini juga, Alumni USIM/KUIM daripada graduan kumpulan (batch) pertama telah dijejak semula dan diraikan dalam Majlis Himpunan Alumni Kumpulan Pertama yang diadakan selama dua hari iaitu pada 19 dan 20 September 2015. Hampir 40 orang alumni telah berjaya dikumpulkan dan menyertai perhimpunan berkenaan. Antara pengisian program sepanjang dua hari penganjuran adalah sesi wacana dan dialog serta majlis makan malam yang turut dihadiri oleh kepimpinan tertinggi universiti.



#### MAJLIS PENUTUP SAMBUTAN ULANG TAHUN USIM YANG KE-15

Kemuncak kepada program Sambutan Ulang Tahun USIM yang ke-15 adalah majlis penutup yang diadakan pada 18 Disember 2015. Dalam majlis tersebut, seramai 47 orang kakitangan USIM yang telah berkhidmat selama 15 tahun diberi penghargaan khas oleh universiti sebagai pengiktirafan atas perkhidmatan dan kesetiaan mereka.



# **PEMBINAAN**

## **Bakat**

## **Seimbang**

**Universiti Sains Islam Malaysia**

Penghayatan dan pembawaan karakter kakitangan yang menepati konsep naqli dan aqli adalah penting dan kritikal. Untuk memposisikan USIM sebagai institusi yang menjadi peneraju serta dirujuk dalam Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli, manifestasi tersebut dapat dilihat salah satunya menerusi sahsiah dan peribadi kakitangan yang unggul. USIM telah mula membangunkan modul latihan kakitangan yang terstruktur secara *in house*. Dalam hal ini, kumpulan pakar rujuk atau dikenali sebagai Subject Matter Experts (SME) telah ditubuhkan. Penubuhan kumpulan ini diilhamkan oleh Pendaftar USIM terdiri daripada kalangan kakitangan Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang mempunyai pengalaman dan kepakaran berbeza. Kumpulan ini bertanggungjawab membina modul latihan naqli dan aqli untuk dilaksanakan ke atas kakitangan pentadbiran. Gerak kerja pembinaan modul melibatkan perbincangan di peringkat makmal pentadbiran iaitu sebanyak sembilan kali perbincangan telah diadakan secara konsisten. Sehingga Oktober 2015, 51 modul latihan telah dipersejui oleh Panel Penasihat Pembangunan Modul Latihan Naqli dan Aqli USIM. Enam kursus daripada modul ini telah berjaya dikomersialkan dan mendapat reaksi positif daripada rakan universiti lain yang menyertainya.

Selaras dengan matlamat penubuhan Pusat Pengembangan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (PIINA) untuk memantapkan pembudayaan dan amalan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli di USIM, PTJ tersebut telah mula menjalankan fungsinya. Langkah awal yang dilakukan adalah mengadakan dua kursus Pengenalan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (iNaQ) iaitu kepada kumpulan pentadbiran pada 28 hingga 30 Oktober 2015 yang melibatkan sejumlah 35 orang peserta daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan pada 25 hingga 27 November 2015 yang melibatkan seramai 35 orang peserta daripada kalangan kakitangan akademik. Lanjutan daripada dua kursus tersebut, PIINA telah berjaya memurnikan penulisan enam modul penataran pengenalan iNaQ. Pada masa yang sama, PIINA juga dalam proses menyiapkan sebuah buku bertajuk Penataran Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli – Konsep dan Amalan.

BIL	NAMA KURSUS	PENYERTAAN INSTITUSI LUAR SELAIN USIM
1	Who Am I	UKM
2	Kursus Pemerkasaan Citra Pentadbir Muda	UMS, UTHM dan UNISZA
3	IELTS Preparatory Course	UPNM
4	Manhaj Keberkatan dan Kecemerlangan Bekerja mengikut Perspektif Islam	UPSI dan UTHM
5	Kursus Pengucapan Awam	KUIS
6	Program Eksplorasi Qalbu	UTHM dan UPM

Jadual 4.5. Senarai Kursus yang Telah Dikomersialkan

BIL	TAJUK MODUL	PENULIS
1	Jejak Integrasi iNaQ di USIM dan Strategi Pelaksanaannya	Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda
2	Konsep Integrasi iNaQ	Prof. Madya Dr. Adnan Mohamed Yusoff
3	Konsep Ilmu dari Perspektif Islam dan Kaitan Integrasi iNaQ	Dr. Malki Ahmad Nasir
4	Akidah Islam sebagai Teras Integrasi iNaQ	Prof. Madya Dr. Mohd Rushdan Mohd Jailani
5	Asas Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam Konteks Integrasi iNaQ	Dr. Mahyuddin Hashim
6	Peranan USIM dalam Integrasi iNaQ	Encik Muhammad Haizuan Rozali

Jadual 4.6. Senarai Modul iNaQ

USIM juga menerusi Unit Pembangunan Modal Insan, Jabatan Pendaftar buat kali pertamanya telah menganjurkan program kecemerlangan diri dengan pendekatan kerohanian iaitu Program Eksplorasi Qalbu. Program ini bermatlamat untuk memupuk kecemerlangan diri dengan menerapkan mesej pembudayaan kerja sebagai ibadah. Antara pengisian program adalah penekanan ke atas pelaksanaan fardhu ain dalam memberi ketenangan jiwa dan keberkatan hidup serta kerja sebagai ibadah. Program ini dikendalikan oleh jurulatih (trainer) yang terdiri daripada kakitangan pentadbiran USIM sendiri daripada pelbagai latar belakang kemahiran dan kepakaran. Selain itu, bagi membina karekter dan sahsiah modal insan yang seimbang, Pusat Islam turut melaksanakan program-program bersifat keagamaan. Antara aktiviti anjuran Pusat Islam sepanjang tahun 2015 adalah Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1436H, Majlis Khatam Quran dan Berbuka Puasa Perdana, Siri Tazkirah Mingguan sepanjang Bulan Ramadhan, penganjuran Syarahan Umum Wasatiyyah dan mengadakan Forum Bersempena Maal Hijrah 1437H.

Untuk membina karekter sebagai pemimpin unggul dan memberi pendedahan luar yang lebih meluas kepada kakitangan, USIM turut menghantar kakitangan menghadiri latihan kepimpinan dan berimpak tinggi ke luar negara. Terdapat juga penyertaan kakitangan USIM ke latihan yang dianjurkan oleh agensi pusat seperti Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT). Antara latihan kepimpinan dan berimpak tinggi yang disertai oleh kakitangan USIM bagi tahun 2015 adalah seperti jadual berikut:



BIL	PESERTA	NAMA KURSUS/LATIHAN
1	Dr. Adibah Binti Sulaiman @ Mohamad	Program Latihan Kejurulatihan AKEPT Learning and Teaching Circle (A-LTC) - Curriculum Design, Management and Development
2	Prof. Madya Dr. Alina Abdul Rahim	Program Leadership Immersion Crisis And Conflict Management For Higher Education Sustaining Positive Image In Challenging Situation
3	Dr. Khairulla Anuar	High Impact Presentations
4	Dr. Norsham Juliana Nordin	High Impact Presentations
5	Dr. Mohd Asha'ari Bain	High Impact Presentations
6	Prof. Dr. Norita Md Norwawi	Sustainability Leadership Program In Asean Community Higher Education High Impact Presentations

Jadual 4.7. Senarai Staf Akademik yang Hadir Kursus/Latihan Kepimpinan dan Berimpak Tinggi Anjuran AKEPT

BIL	PESERTA	NAMA KURSUS/LATIHAN
1	Encik Mohd Asri Husain Timbalan Pendaftar Kanan	A-LEAD Global Attachment in United Kingdom
2	Puan Marhaniza Abdul Halim Timbalan Ketua Pustakawan	Global Executive Workshop for Higher Education Management and Administration (GEW)
3	Cik Nor Hayati Adam Penolong Pendaftar Kanan	Konferensi Antarabangsa Tadbir Urus Tahun 2015
4	Puan Norwini Zaidi Pegawai Teknologi Maklumat Kanan	Executive Management Programme (EMP)
5	Cik Noor Adibah Mohamad Pegawai Penerbitan Kanan	Program A-LEAD 305: ASEAN Future Higher Education Administration
6	Puan Siti Khadijah Mohd Sarif Penolong Pendaftar	JALUMA: Talent Development Benchmarking Programme

Jadual 4.8. Senarai Staf Pentadbiran yang Hadir Kursus/Latihan Kepimpinan dan Berimpak Tinggi Anjuran AKEPT dan Pelbagai Agensi

# MENGEKALKAN Bakat

Universiti Sains Islam Malaysia

Mengoptimumkan keupayaan dan bakat modal insan serta mengekalkannya sebagai aset institusi merupakan fokus yang diberikan penekanan oleh Universiti. Dalam konteks untuk menarik minat dan mengekalkan kakitangan yang kompeten, USIM sentiasa berusaha untuk menambahbaik insentif dalam lingkung kemampuan Universiti. Antara perkara dasar berkaitan modal insan yang dikemaskini untuk penambahbaikan adalah semakan semula ke atas kriteria kenaikan pangkat akademik dan prosedur kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya/Profesor serta semakan semula ke atas Dasar Cuti Belajar.

Selain semakan semula ke atas dasar dan peraturan, antara usaha untuk mengekalkan bakat adalah

dengan memberi penghargaan serta pengiktirafan ke atas perkhidmatan yang cemerlang. Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi USIM telah diadakan pada 2 Oktober 2015. Seramai 241 orang kakitangan diberi penghargaan menerusi pelbagai kategori anugerah iaitu 116 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, 73 Anugerah Terpuji, 49 Anugerah Khas dan tiga orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Istimewa. Dalam penganjuran majlis anugerah kecemerlangan kali ini, YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Nik Mohd Nasri Nik Ismail telah terpilih selaku penerima Anugerah Hasanul Mudir iaitu anugerah tertinggi akademik yang diberikan kepada ahli akademik yang telah memberi sumbangan signifikan kepada kemajuan dan perkembangan akademik Universiti.





#### PENERIMA ANUGERAH HASANUL MUDIR 2015

YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Nik Mohd Nasri Nik Ismail, Profesor Perubatan VK5 telah berkhidmat di USIM mulai 1 Jun 2004. Beliau sebelum itu telah berkhidmat di Universiti Kebangsaan Malaysia lebih 26 tahun. Beliau merupakan Dekan Pengasas bagi Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan USIM di mana jawatan tersebut telah disandang selama 8 tahun mulai 1 Jun 2004 sehingga 28 Ogos 2012. Beliau kini menjawat jawatan sebagai Pengarah di Pejabat Penyelarasan Pembangunan Kompleks Kesihatan USIM. Selain itu, beliau juga merupakan ahli Senat Universiti dan pada 1 Ogos 2015, beliau telah dilantik menjadi ahli Lembaga Pengarah Universiti.


Berlatarbelakang pendidikan dalam bidang perubatan, beliau merupakan Pakar Obstetrics and Gynaecology yang disegani di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau merupakan reviewer kepada Malaysian Medical Journal (MMJ), Malaysian Journal of Obstetrics and Gynaecology and Academy Science Malaysia Science Journal. Berdasarkan kepakaran tersebut, beliau masih dilantik sebagai Honorary Consultant for Menopause Clinic di HUKM serta diundang sebagai pembentang jemputan dan

memberi syarahan di pelbagai seminar, kursus dan bengkel. Dalam aspek R&D, YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Nik Mohd Nasri Nik Ismail telah terlibat dalam lebih 10 penyelidikan, 41 penerbitan artikel dalam jurnal peringkat kebangsaan dan antarabangsa, empat penerbitan buku, enam bab dalam buku, tujuh laporan teknikal dan 17 artikel/abstrak di dalam prosiding.

Sebagai Dekan Pengasas kepada Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, beliau telah membentuk modul kurikulum fakulti yang unik di mana elemen profesionalisme perubatan (aqli) dan nilai-nilai Islam (naqli) digabungkan. Inovasi ini menjadikan kurikulum perubatan USIM berbeza dengan institusi pendidikan tinggi lain dan menghasilkan graduan yang holistik.

## TAHAP Kepuasan Bekerja di USIM


Universiti Sains Islam Malaysia



Carta 4.1. Purata Keseluruhan Tahap Kepuasan Bekerja di USIM

Semenjak tahun 2011, USIM secara konsisten telah menjalankan kaji selidik untuk mengukur dan mendapatkan maklumbalas berhubung tahap kepuasan bekerja kakitangan. Kajian ini adalah signifikan kerana dapatan daripadanya, semakan dan penambahbaikan dapat dibuat mengikut keperluan dan perkembangan semasa organisasi. Sehingga Disember 2015, kajian ini masih mencapai >85% tahap

kepuasan hati kakitangan di USIM. Kajian pada tahun 2015 telah melibatkan seramai 1415 orang kakitangan semasa, di mana 470 orang bersamaan 33.21% telah memberikan maklum balas sepanjang kajian ini dijalankan.



Graf 4.1. Dapatan Maklum Balas Mengikut Skop Soalan



Graf 4.2. Perbandingan Peratusan Kajian Kepuasan Bekerja dari Tahun 2011 hingga 2015



Pelan Strategik USIM adalah jelas untuk menjadikan institusi ini sebagai peneraju dalam Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli serta dirujuk di peringkat nasional, serantau dan global. Perkembangan positif ke arah itu telah berlaku di mana beberapa organisasi luar telah mengikat kerjasama strategik untuk mendapatkan kepakaran USIM. Di peringkat serantau, selain terus memperkuuhkan kedudukan Universiti ini menerusi rangkaian jaringan di bawah konsortium i-Iqra' dengan Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei, dan Universitas Darussalam, Gontor, Indonesia dan yang terbaru Fatoni University, Thailand, USIM turut menjalinkan kerjasama strategik untuk menawarkan kepakaran kepada Universitas Mathla'ul Anwa (UNMA) Banten.

Walaupun sasaran USIM untuk menjadi peneraju Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli peringkat global adalah pada tahun 2025, beberapa usaha ke arah tersebut telah mula digerakkan dengan lebih awal dan menampakkan hasil. Antara kerjasama yang terlibat menjangkaui lingkaran serantau adalah kerjasama di antara USIM dengan pihak Daffodil International University, Bangladesh bagi penghantaran pelajar dan kakitangan akademik institusi berkenaan melanjutkan pengajian peringkat PhD di USIM. Kerjasama strategik ini ditandatangani pada 24 April 2015. Awal sebelum itu, iaitu pada 2014, USIM telah menjalinkan kerjasama dengan pihak International Islamic University Chittagong, Bangladesh.

Kepakaran tenaga akademik dan profesional USIM turut dirujuk menerusi pelantikan sebagai profesor dan penyelidik pelawat di institusi tempatan dan antarabangsa. Antaranya adalah pelantikan Prof. Dr. Abdul Rahim Abdul Rahman, Profesor di Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) sebagai Profesor Pelawat di Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu dan Dr. Siti Suriani Othman, Pensyarah Kanan di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) dilantik sebagai Profesor Pelawat dalam bidang Kewartawanan di Xiamen University, China. Kepakaran Dr. Mohd Hazmi Mohd Rusli, Pensyarah Kanan di Fakulti Syariah dan Undang (FSU) dalam Undang-undang Maritim terus diiktiraf apabila beliau sekali lagi dilantik sebagai Profesor Pelawat di School of Law, Far Eastern Federal University, Vladivostok Rusia. Beliau juga turut dilantik sebagai Pensyarah Pelawat di Universidade Nacional Timor Larosa'e, Timor Leste.


Dalam aspek penyelidikan, Prof. Madya Dr. Zurina Shafii daripada Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) telah dilantik sebagai Penyelidik Pelawat dalam bidang Audit Shariah di World Bank Global Islamic Finance Development Center, Borsa Istanbul. Beliau juga dilantik sebagai Felo Penyelidik di Islamic Research Training Institute (IRTI) of Islamic Development Bank. Manakala dalam aspek pembelajaran dan pengajaran, pihak College of Banking & Financial Studies (CBFS), dari Oman telah melantik USIM sebagai badan penilai dalam program Sarjana Muda dalam Kewangan Islam institusi berkenaan. Kerjasama ini dimeterai menerusi MoA yang ditandatangani antara kedua-dua institusi pada 18 Mei 2015. Jalinan kerjasama USIM dengan CBFS telahpun terjalin lebih awal di mana Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda dan Dr. Nurul Aini Muhamed telah dilantik untuk mengendalikan sesi latihan berkaitan takaful kepada staf akademik institusi berkenaan pada 3 dan 4 Februari 2015.

Pelantikan kakitangan USIM untuk mengisi jawatan-jawatan strategik secara peminjaman oleh institusi luar juga merupakan satu pengiktirafan ke atas kewibawaan personaliti USIM. Senarai kakitangan yang dipinjamkan adalah sebagaimana jadual berikut :




BIL	NAMA KAKITANGAN	JAWATAN DAN AGENSI YANG DIPINJAMKAN
1	Prof. Madya Dr. Abd Halim Mohd Hussin	Pengarah Gred Utama C (Terbuka) (KUP) Bahagian Pengurusan Psikologi Jabatan Perkhidmatan Awam
2	Prof. Madya Dr. Mohd Rushdan Mohd Jailani	Timbalan Pengarah Gred Utama C (Terbuka) Pusat Pengajaran dan Pembelajaran AKEPT, Kementerian Pendidikan Tinggi
3	Prof. Madya Dr. Mohd Radhi Ibrahim	Pengarah Gred 54 (Terbuka) Education Malaysia, Kaherah Mesir Kementerian Pendidikan Malaysia
4	Dr. Mushaddad Hasbullah	Timbalan Pengarah 1 Gred 54 (Terbuka) Institut Wasatiyah Malaysia Jabatan Perdana Menteri
5	Encik Abd Hamid Abd Murad	Felo Kanan Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM)
6	Encik Mohd Shahrul Nizam Bin Mohamed Shamsuddin	Pengarah Perkaderan Mahasiswa Kelantan Di Himpunan Siswazah Kelantan (HIMSAK)
7	Puan Wan Nadiah Wan Jamil	Atase Pendidikan Gred 44 (Terbuka) Education Malaysia Los Angeles Kementerian Pendidikan Tinggi

Jadual 4.9. Senarai Kakitangan yang dipinjamkan ke Organisasai Luar



Graf 4.3. Statistik Pengisian Kakitangan USIM sehingga 31 Disember 2015



Carta 4.2. Statistik Pengisian Pensyarah USIM Berdasarkan Gred Sehingga 31 Disember 2015





# **TERAS 5**

## **Kemudahan Fizikal dan Prasarana yang Kondusif bagi Pembelajaran dan Penyelidikan**

Universiti Sains Islam Malaysia

USIM menyedari bahawa kemudahan fizikal dan prasarana yang kondusif amat membantu dalam merangsang proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di Universiti ini. USIM berusaha untuk mewujudkan kemudahan yang mesra pengguna dan persekitaran bagi memastikan Universiti ini mampu memberikan perkhidmatan yang optimum kepada pelanggannya. Ini termasuklah mengenai kemudahan prasarana seperti untuk tujuan perkuliahan, penginapan pelajar, kesihatan dan juga aktiviti ko-kurikulum.

Kemudahan fizikal dan prasarana yang kondusif sememangnya amat penting bagi menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran di USIM. Kemudahan dan prasarana yang baik akan mampu memberikan keselesaan dan kemudahan bagi segenap warga Universiti bagi mencapai potensi terbaik yang diharapkan terutamanya keseimbangan dari aspek naqli dan aqli. Pencapaian cemerlang dalam bidang akademik dan kurikulum amat penting selaras dengan hasrat Universiti yang mahu melahirkan insan yang holistik melalui penyediaaan kemudahan fizikal dan prasarana yang kondusif.

## **KEMUDAHAN** **Fizikal dan** **Prasarana** **Kondusif**

**Universiti Sains Islam Malaysia**

Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti (JPPF), USIM yang memperolehi Pensijilan MS ISO 9001: 2008 dalam skop Penyediaan Khidmat Perancangan dan Pengurusan Projek Fizikal dan MS ISO 1900:2005 Keperluan Dari Perspektif Islam meneruskan daya usaha meningkatkan kesedaran mengenai kelestarian alam dan pematuhan nilai Islam dalam pengurusan skop tugas jabatan. Berpegang kepada falsafah "Prasarana yang unggul dan terkehadapan memberi persekitaran kerja yang kondusif" sebagai asas kepada keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran dalam merealisasikan Misi Universiti selaras dengan prinsip syariah, JPPF terus mengorak langkah kehadapan dalam mendokong hasrat Universiti dan warganya.

Dengan Moto "Selamat, Selesa dan Indah" serta Slogan Q "Pembangunan Berkualiti, Keselesaan Dinikmati, Syariah Dihayati", JPPF berlitzam untuk menyediakan infrastruktur yang unggul dan terkehadapan bagi Universiti mencapai objektif penubuhannya. Piagam ini bersesuaian dengan konsep amanah berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah SWT menyuruh kamu supaya menyerahkan segala amanah kepada orang yang hak (ahlinya)"

Surah AnNisa': Ayat 58

Universiti berhasrat untuk menyediakan kemudahan prasarana dengan reka bentuk dan mutu binaan yang berkualiti serta menepati keperluan warga kampus. Selain melaksanakan projek dalam tempoh yang ditetapkan dengan kos yang ekonomik dan reka bentuk yang praktikal, USIM juga akan memastikan semua kemudahan prasarana dapat digunakan secara optimum tanpa sebarang masalah.



# PERKEMBANGAN Fizikal dan Prasarana Kampus

Universiti Sains Islam Malaysia



## KOLEJ PERMATA INSAN

Kompleks Kolej PERMATA Insan, USIM dijangka akan siap sepenuhnya pada penghujung bulan Mac 2016 dengan menyediakan pelbagai kemudahan seperti asrama pelajar lelaki dan perempuan yang boleh menempatkan pelajar seramai 500 orang pada satu masa; kemudahan bilik pengajaran dan pembelajaran yang berkonsepkan studio berdasarkan subjek; Makmal Sains dan Makmal Halal yang dilengkapi dengan bilik-bilik Tasmi' sebagai tempat pelajar menjalankan sesi Tasmi' dan hafazan Al-Quran; Sebuah Dewan Serbaguna untuk pelbagai aktiviti ko-kurikulum dan rekreasi serta Dewan Makan yang selesa.

## SAINS KESIHATAN (FPSK)

Bangunan Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan (FPSK) di Bandar Baru Nilai yang berhampiran dengan Kampus Tetap USIM dijangka akan memulakan projek pembangunannya pada tahun 2016 ini dan dijangka siap pada tahun 2019. Pembinaan bangunan FPSK yang berketerampilan dengan prasarana yang lengkap dan bersesuaian membolehkannya menjadi sebuah fakulti yang mampu memberikan latihan perubatan yang holistik serta berkesan dan boleh dibanggakan kerana berteraskan pendidikan Islam.



Lakaran Projek Pembinaan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Nilai, Negeri Sembilan



Lakaran Bangunan Pusat Pengajian Teras

### PEMBINAAN BANGUNAN PUTAT PENGAJIAN TERAS

Pembinaan bagi bangunan Pusat Pengajian Teras (PPT), USIM telah dimulakan pada bulan November 2015 yang lalu. Lokasi bangunan berhampiran dengan Bangunan Pusat Tamhidi dan juga Pusat Kemudahan Pelajar (PKP) menjadikannya berada di kedudukan yang strategik. Bangunan PPT yang berkonsepkan Islamik ini dijangka akan dapat digunakan pada awal tahun 2017.

### PUSAT ISLAM

Bangunan Pusat Islam ini berketinggian dua tingkat yang mana ruang solat lelaki dan perempuannya mampu menampung kapasiti 4,000 jemaah dalam satu-satu masa. Bangunan Pusat Islam ini turut mengandungi Pejabat Pentadbiran, Bilik Imam, Bilik VIP (Lelaki dan Perempuan), Bilik Pengurusan Jenazah dan bilik-bilik lain. Hiasan ayat-ayat al-Quran dalam masjid ini nanti adalah berkisarkan Ilmu Naqli dan Aqli. Manakala kaunter zakat adalah bersifat terbuka dan mesra pelanggan.

### PROJEK NAIK TRAF 33KV

Bekalan elektrik 11KV yang sedia ada dijangka tidak lagi mampu menampung keperluan bekalan elektrik semasa USIM memandangkan proses pembangunan yang berkembang pesat dewasa ini. Komponen



Lakaran Bangunan Pusat Islam

utama skop kerja adalah pembinaan bangunan dua tingkat pencawang 33kv TNB & pemasangan peralatan Pencawang Masuk Utama USIM dalam bangunan sedia ada.



# KELESTARIAN Kampus

Universiti Sains Islam Malaysia

## KAMPUS HIJAU (GREEN CAMPUS)

USIM telah mengambil inisiatif menganjurkan projek penanaman pokok pada tahun 2015 (Green Campus) yang melibatkan seramai 150 kakitangan dan pelajar. Sebanyak lebih 200 jenis pokok buah-buahan telah ditanam khusus bagi menghijaukan lagi kampus.

Antara program yang dilaksanakan ialah Program USIM Environmental Sustainability and Awareness Campaign (USIMBIOSIS) yang bertemakan Living Together pada

Aspek kelestarian kampus mendapat perhatian serius pihak pengurusan kerana suasana kampus yang permai mencerminkan ekosistem pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan perkembangan minda warganya. Maka dengan sebab itulah, pembangunan persekitaran Kampus dirancang secara sistematis tanpa menjaskas aspek alam sekitarnya. Selaras dengan itu, USIM berhasrat untuk mewujudkan suasana kampus yang selesa, indah dan lestari di samping dapat memperbaiki ranking UI-Greenmetric World University Ranking pada masa akan datang.



8 Mac 2015 dengan kerjasama TESCO Malaysia. Dalam program ini sebanyak 50 batang pokok telah ditanam bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai aspek kelestarian alam sekitar dan merupakan langkah proaktif USIM ke arah membina semangat dan mandiri warga kampus untuk membantu menjaga alam sekitar. Selain itu juga, Jabatan Landskap Negara - Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersama-sama pelajar USIM atas inisiatif JPPF dengan kerjasama Pusat Inovasi dan Jaringan Masyarakat (PIJIM), USIM menganjurkan Program Penanaman 70 Batang Pokok Teduhan melibatkan penyertaan sebanyak 200 orang peserta.

### PENJIMATAN MENERUSI PEMASANGAN SOLAR PANEL

Pihak universiti telah mengambil pendekatan yang positif bagi membantu dalam usaha penjimatan bil utiliti seperti penggunaan solar panel bagi penjimatan kos bil elektrik dalam jangka panjang kepada USIM. Pemasangan solar panel di beberapa lokasi dan kemudahan di sekitar kampus USIM seperti berikut :

- i. Tempat menunggu bas seluruh kampus USIM
- ii. Laluan jogging di sekitar tasik Kolej Kediaman



## PENAMBAHBAIKAN LANDSKAP

Landscape yang menarik sememangnya mempengaruhi suasana dan persekitaran yang mampu mewujudkan suasana yang tenang dan selesa selain pemandangan yang indah buat warga kampus keseluruhan. Untuk itu, pelbagai usaha penambahan landscap sekitar USIM telah dilaksanakan seperti berikut:

- Pembersihan cerun dan kolam.
- Penanaman Lanskap Lembut (pokok bernilai estetika, pokok buah)
- Penanaman renek baharu di Bulatan Iqra.
- Pembinaan papan tanda USIM sebagai tumpuan landmark baharu



## PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN REKREASI

Kemudahan rekreasi yang baik akan memberikan ruang kepada penghuni kampus untuk beriadah dalam suasana indah, selesa dan kondusif. Bagi tujuan itu beberapa penambahan landscap dan kemudahan rekreasi telah dilaksanakan seperti berikut :

- Pembekalan wakaf sebanyak empat unit (satu unit di kolam KK1, satu unit di kolam fasa dua, satu unit di kolam rkp dan 1 unit di Dewan Tuanku Canselor)
- Pembekalan stepping stone di kawasan wakaf
- Pembekalan bangku taman sebanyak 10 unit sekitar kawasan kolam
- Pembinaan laluan berbasikal (*ramp, road marking, papan tanda*)
- Pembinaan papan tanda laluan berbasikal
- Laluan trek berbasikal di sekitar tasik USIM

## PEMANTAUAN DAN PENYELENGGARAAN KEMUDAHAN FIZIKAL

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan sepanjang 2015 bagi meningkatkan keberkesanan pemantauan dan penyelenggaraan kemudahan fizikal universiti dan usaha ini turut melibatkan kerjasama dan bantuan semua PTJ di USIM.

- Berdasarkan sistem MyArifs 90% aduan kerosakan telah diselesaikan dalam tempoh ditetapkan dan berjaya mencapai tahap kepuasan pelanggan yang disasarkan.
- Selain itu penjadualan alat penghawa dingin berpusat telah diselaraskan dengan pemilik bangunan bagi melaksanakan dasar penjimatan terkawal menerusi sistem CCS (central cooling system) yang membolehkan pemilik menjadualkan dan memastikan dewan kuliah yang akan digunakan menerima kemudahan penghawa dingin.
- Prosedur pemeriksaan dan kerja pembaikan berjadual turut dilakukan secara terancang dan dilaksanakan semasa cuti bagi mengenal pasti kerosakan seterusnya pelaksanaan kerja pembaikan yang disasarkan diselesaikan sebelum setiap sesi pengkulianan bermula.
- Bermula 2015 juga prosedur pemeriksaan bersama turut dilakukan pada awal semester melibatkan pemilik kemudahan dan kesemua jabatan yang terlibat sebagai pemberi perkhidmatan dalam USIM bagi memastikan semua kemudahan berada dalam keadaan baik sebelum kuliah bermula.

## KEMUDAHAN PENGINAPAN

USIM berusaha untuk membantu dalam menyediakan kemudahan yang mesra pelanggan bagi memastikan warganya selesa ketika berada dalam Kampus. Bagi memastikan kebijakan dan keserasian pelajar khususnya kemudahan penginapan dapat dioptimumkan, pada 1 Januari 2015, pihak Universiti telah menubuhkan Pusat Perumahan Pelajar bagi membantu dalam memantapkan pengurusan kemudahan penginapan pelajar di Universiti.

Sebelum ini, Pusat Perumahan Pelajar diletakkan di bawah tanggungjawab Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan dikenali sebagai Unit Pengurusan Fasiliti dan Perkhidmatan bertanggungjawab dalam mengurus operasi dan kewangan lima kolej kediaman dengan empat daripadanya terletak di Kampus Nilai dan sebuah terletak di Kampus Pandan Indah, Kuala Lumpur.

Buat masa ini, Pusat Perumahan Pelajar menyelenggarakan sebanyak 6,422 katil secara keseluruhan di kolej-kolej kediaman. Selain itu, Pusat ini turut bertanggungjawab membantu menyelaraskan peranan Pejabat Pengurusan Pelajar Luar Kampus (3PLK) yang menguruskan Sekretariat Pelajar Luar Kampus (OCSS) berkaitan dengan kebijakan pelajar luar kampus dan keperluan aktiviti badan ini.

# KEMUDAHAN

## Mesra Pelanggan

Universiti Sains Islam Malaysia



**OPEN LAB** @ USIM

MAKMAL PELBAGAI GUNA- MSC01, ARAS 1

FAKULTI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG-MK02, ARAS 3

FAKULTI KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN-MKU01, ARAS 3

WAKTU OPERASI 8.00 PAGI HINGGA 5.00 PETANG

### KEMUDAHAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Universiti juga telah menyediakan kemudahan prasarana ICT untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran bagi membolehkan akses meluas kepada maklumat atas talian terutama bagi kemudahan pelajar dan pensyarah.

Kemudahan uWiSH iaitu kemudahan wifi di sekitar Kampus USIM khusus bagi menyokong P&P telah dipasang di kawasan tumpuan pelajar yang melibatkan 160 Access Point (AP). Selain itu juga, capaian iWiSH iaitu perkhidmatan wifi di lima Kolej-kolej kediaman luar kampus telah diusahakan bagi memastikan pelajar mempunyai capaian ke internet bagi tujuan P&P.

Pusat Teknologi Maklumat (PTM) juga telah berusaha meningkatkan internet jalur lebar (bandwidth) Kampus Pandan kepada 60 Mbps bagi membolehkan capaian lebih pantas kepada akses atas talian kepada seluruh warga kampus di Pandan.

Bagi membolehkan pelajar mencapai perisian-perisian khusus pembelajaran, pihak PTM telah menggunakan teknologi *Virtual Desktop Infrastructure (VDI)* yang melibatkan 500 lesen di makmal-makmal komputer di Kampus Nilai. Ini membolehkan pelajar mencapai perisian khusus yang diperlukan di mana-mana makmal komputer tanpa perlu ke makmal komputer khusus sebelum ini. *Open Lab* juga diperkenalkan di mana beberapa makmal komputer umum dibuka kepada pelajar mulai jam 8 pagi sehingga jam 5 petang. Bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyokong konsep *Bring Your Own Device (BYOD)*, pihak PTM dengan kerjasama GOAL Center USIM telah berusaha mewujudkan learning space di sekitar Kampus USIM. Ia melibatkan empat kawasan yang akan mengaplikasikan konsep learning space iaitu di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan dan juga di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan.

Bagi melengkapkan kolaborasi antara pelajar USIM dan luar, kemudahan *video conference* telah dipasang di tiga lokasi iaitu di Kampus Nilai, Kampus Pandan dan cawangan Temerloh selain bagi tujuan penjimatan bagi jangka masa panjang. Setiap pelajar baharu juga dikehendaki mendaftar akaun raudah.usim.edu.my yang menggunakan platform *Microsoft Office 365* bagi tujuan capaian ke *Massive Open Online Courses (MOOC)*.



## PUSAT AKSES PEMBELAJARAN TERBUKA GLOBAL (GOAL CENTRE)

Sebagai pusat pengembangan ilmu berlandaskan e-pembelajaran dan ICT, GOAL Centre ditubuhkan selari dengan aspirasi penubuhan USIM iaitu bagi meneroka, membangun dan mengembangkan ilmu pengetahuan yang berteraskan Islam dengan mengoptimumkan penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) terkini. Antara projek kerjasama dalaman yang telah dilaksanakan ialah:

- GOAL Centre telah menjalin kerjasama dengan pihak JAKIM dalam pembangunan kursus e-KAFA (Ibadah Tahun 5 dan 6). Projek ini bermula pada September 2015.
- Kerjasama antara PTJ juga diperkuuh dengan penyediaan platform latihan atas talian kepada pihak Bank Islam Malaysia Bhd melalui kerjasama antara GOAL Centre dan FPBU.
- Pihak GOAL Centre juga menyediakan platform bagi peperiksaan bahasa atas talian (UEPT & UAPT) melalui kerjasama dengan pihak PPS.

Pihak GOAL Centre juga telah mengusahakan kerjasama luar negara antara USIM dan *Commonwealth Educational Media Centre for Asia (CEMCA)* yang dimulakan pada November 2015. Memorandum persefahaman (MoA) dijangka dimeterai pada Mac 2016, selepas kelulusan LPU diperoleh. Beberapa projek utama adalah seperti berikut:

- i. Program atase kakitangan.
- ii. Pembangunan kursus TVSD dalam sistem pendidikan Malaysia / Pembangunan kursus baru berasaskan kemahiran yang bersesuaian dengan Malaysia dan India.
- iii. Perkongsian kursus OER yang bersesuaian untuk ditawarkan di Malaysia / Asia Tenggara.
- iv. Perkongsian penulisan, artikel dan berita terkini berkaitan teknologi pendidikan.
- v. Penganugerahan CEMCA Best Female Achiever (Varsity).

BIL	KADAR MOD TERADUN	JUMLAH KURSUS	PERATUS
1	Minimum 30%	130 / 725	18%
2	10% - 29.9%	388 / 725	54%
3	1% - 9.9%	151 / 725	21%
4	0%	56 / 725	8%
<b>JUMLAH</b>		<b>725</b>	<b>100%</b>


Jadual 5.1. Statistik Capaian Kursus Mod Teradun

## KEMUDAHAN SOKONGAN GOAL CENTRE DALAM PEMBANGUNAN E-PEMBELAJARAN:

Pihak Universiti juga telah meluluskan penggunaan rubrik kursus mod teradun (blended learning) di USIM. Rubrik ini dibangunkan bersama Ketua-Ketua e-Pembelajaran IPTA Malaysia, serta selaras dengan keperluan Critical Agenda Project (CAP) e-Pembelajaran Kementerian. Selaras dengan kelulusan penggunaan rubrik kursus mod teradun ini, pihak GOAL Centre telah membangunkan Template SIM yang dinamakan sebagai 'SIMPLE'. Projek yang dibangunkan secara penyelidikan ini bertujuan untuk menyediakan templat mod teradun yang selaras dengan keperluan CAP e-pembelajaran, sekaligus dapat memudahkan pensyarah mencapai tahap minimum 30% mod teradun yang ditetapkan.

### STATISTIK PENGGUNAAN GOALS

Bermula Disember 2014 sehingga Disember 2015, pencapaian kursus mod teradun adalah seperti berikut:



Carta 5.1. Statistik Capaian Kursus Mod Teradun

# KEMUDAHAN Sukan dan Rekreasi

Universiti Sains Islam Malaysia

Pihak Universiti menyedari bahawa badan yang sihat melahirkan otak yang cerdas kepada warganya. Pusat Sukan ditubuhkan bagi membantu dalam pembangunan bidang sukan di Universiti untuk mencapai matlamat membangunkan sukan diperingkat akar umbi dan prestasi tinggi. Selain itu, Universiti berharap melalui sukan akan dapat melahirkan intelektual-intelektual ilmuan Islam yang dinamis, berketrampilan, berkepimpinan, berdaya saing, cergas, aktif, cerdas serta mempunyai keseimbangan dari segi rohani, mental dan fizikal. Maka dengan sebab itulah, USIM memberikan penekanan bidang sukan dan rekreasi seperti Sukan Massa, Sukan Prestasi Tinggi dan juga Pendidikan Luar dan Rekreasi.

Pada tahun 2015, telah berlangsung FITUNI @ USIM bersama YB Khairy Jamaludin, Menteri Belia dan Sukan bersempena dengan Hari Sukan Negara. Program ini telah mendapat sambutan hangat dengan melibatkan lebih dari 500 penyertaan kalangan pelajar dan kakitangan di Kompleks Sukan Tunku Najiha USIM. Walaupun keadaan yang berjerebu dan telah mencapai kadar tidak sihat memaksa aktiviti senamrobik dibatalkan, namun situasi itu tidak mematahkan semangat warga USIM untuk hadir bersama bagi meraikan kehadiran YB Khairy Jamaludin yang kali pertama datang ke USIM.

Universiti juga telah menubuhkan Kelab Rekrerasi dan Sukan Lasak (Kreal) bagi membolehkan warga Kampus yang berminat dalam aktiviti sukan lasak seperti memanjat gunung, Mountain Bike dan sebagainya. Pada tahun 2015, juga pihak USIM telah menganjurkan Jamboree Basikal yang melibatkan penyertaan seramai 600 orang. Kejayaan ini telah mendorong pihak universiti menyediakan trek lumba basikal lasak di sekitar Kampus. Pihak universiti juga telah mendapat sokongan daripada YAB Dato'Seri Utama Haji Mohamad Haji Hasan, Menteri Besar, Negeri Sembilan apabila Kerajaan Negeri Sembilan yang telah menyumbangkan sebanyak 50 unit basikal.

Bermula tahun 2015, USIM telah dilantik sebagai Pusat Sukan Tumpuan (PST) Boling Padang. Program ini merupakan salah satu usaha untuk membangunkan sukan dengan lebih sistematik dan teratur. Dengan bermulanya lantikan ini, Pusat Sukan USIM akan menerajui pembangunan sukan boling padang di peringkat IPT dan seterusnya membawa ke peringkat yang lebih tinggi. Seramai 16 orang atlet (lapan orang lelaki dan lapan orang perempuan) IPT Malaysia telah dipilih berdasarkan dari beberapa siri kejohanan sepanjang tahun 2013 dan 2014. Sebagai permulaan, latihan telah dijalankan secara sistematik setiap bulan. Bagi memantapkan lagi latihan, jurulatih dan penolong jurulatih yang berpengalaman telah dilantik bagi membantu dalam menjalani latihan tersebut.

Bagi memastikan kakitangan USIM sentiasa mempunyai tahap kesihatan yang unggul bagi membolehkan mereka berkerja dengan lebih efektif, pihak Bahagian Modal Insan (BMI) dengan kerjasama Pusat Sukan mengambil inisiatif mengadakan program Ujian Kecergasan Jasmani Kebangsaan. Pihak Universiti juga telah melantik seramai tujuh orang staf USIM sebagai Duta Fit USIM bagi menyemarakkan lagi budaya sukan di kalangan warga universiti. Pemilihan dibuat berdasarkan keputusan yang cemerlang dalam Ujian Kecergasan Jasmani Kebangsaan (UKJK) dan juga kakitangan yang aktif memberi sumbangan dalam program riadah/aktiviti sukan di USIM.



## KEMUDAHAN PERPUSTAKAAN

Perpustakaan USIM telah dibuka sejak tahun 2000 bersama dengan kewujudan Universiti bermula di Institut Profesional Baitulmal (IPB). Dalam tempoh 15 tahun, Perpustakaan USIM terus memainkan peranan yang penting dalam menyokong aktiviti pengajaran, pembelajaran, dan penyelidikan di USIM. Perpustakaan secara aktif menyediakan bahan maklumat yang relevan, membekalkan akses kepada pangkalan data dan maklumat secara elektronik, serta memberi khidmat nasihat kepada seluruh warga yang memerlukan maklumat. Sebagai gedung ilmu dan gudang khazanah pengetahuan berdasarkan Islam, Perpustakaan menyuburkan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli seiring dengan gagasan yang digarap oleh universiti dalam segenap perkara.

Perpustakaan USIM menyediakan kemudahan untuk warga universiti dengan pelbagai koleksi yang berjumlah seperti 11,029 Koleksi Bahan Bersiri, Koleksi Khas 4,026 naskah, Koleksi Rak Terbuka sebanyak 92,246 naskah, bahan Multimedia sebanyak 3,104, Manuskrip 6 buah, Sumber elektronik (Digital Library, e-book dan e-Journal). Jumlah keseluruhan bahan rujukan adalah sebanyak 126,561 buah. Selain itu, Perpustakaan USIM mempunyai Sistem Pengurusan Perpustakaan iaitu:

### Sistem Perpustakaan Bersepadu (Virtua)

- i. Sistem Pengurusan Dokumen Digital (e-Imtiyaz)
- ii. EzProxy
- iii. Sistem Keselamatan Bahan Perpustakaan
  - a) Circulation Module
  - b) Tagging Station
  - c) Security Gate
  - d) Pedestrian Barrier
- v. Sistem Pengurusan Zon Internet
- vi. Library Entrance System
- vii. Sistem Pengurusan Layan Diri
  - a) SelfCheck Machine
  - b) BookDrop Machine

Sepanjang tahun 2015, Perpustakaan, USIM mengerakkan pembudayaan intelektual melalui penganjuran Sambutan Hari Buku Sedunia pada 23 dan 26 hingga 29 Mei 2015. Program ini adalah sebagai manifestasi dan pengiktirafan kepada buku yang menjadi wadah dan simbol ilmu pengetahuan. Penganjurannya dibuat dengan kerjasama Penerbit USIM dan Sekretariat Sahabat Kembara Ilmu (SKIL) dan Arkib Negara Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), dan Persatuan Penulis Negeri Sembilan.

Pelbagai program latihan kepenggunaan dan literasi maklumat diadakan untuk membantu pengguna khususnya dalam membina kemahiran maklumat seperti Latihan Mendeley, Latihan Akses Kepada Maklumat, dan lain-lain lagi. Pengisian atur cara dalam program ini secara berterusan mampu membentuk penghayatan terhadap ilmu dan pengetahuan yang akhirnya diharapkan mencetuskan budaya intelektual dalam diri warga kampus dan masyarakat luar.



## SAMBUTAN HARI BUKU SEDUNIA

Universiti juga telah memperkenalkan Koleksi Perseorangan Perpustakaan USIM. Koleksi perseorangan merujuk kepada koleksi yang dimiliki oleh seseorang tokoh atau individu, yang mempunyai nilai tertentu. Koleksi tersebut terdiri daripada hasil karya individu berkenaan atau koleksi simpanan peribadi mereka yang merangkumi pelbagai bidang perkara khususnya yang berkaitan dengan bidang kepakaran individu tersebut. Pada 26 Oktober 2015, pihak Perpustakaan telah mengadakan Majlis Apresiasi Penyumbang Koleksi Perseorangan yang melibatkan tokoh berikut:



NAMA PENYUMBANG	BILANGAN NASKAH	BILANGAN JUDUL
Allahyarham Yaakob Sodhy bin Abdullah (YSA)	583	383
Allahyarham Tuan Haji Mashadi Haji Salamon (THM)	367	367
Wan Chik Ibrahim (WCI)	491	306
Prof. Madya Dr. Mohd Rumaizuddin bin Ghazali (MRG)	886	847
Dr. Adel M. Abdul Aziz Algeriani (AMA)	359	333
Allahyarham Datuk Hj Mohd Mortadza Hj Daud (MMD)	571	234
Allahyarham Tan Sri Abdul Kadir Talip (AKT)	1079	1058





# **TERAS 6**

## **Kemampunan Kewangan**

**Universiti Sains Islam Malaysia**

USIM menggariskan beberapa strategi untuk melestarikan kewangan bagi memastikan peningkatan penjanaankekayaan dalaman serta mengurangkan kebergantungan universiti kepada Kerajaan. Kaedah ini dilaksanakan melalui penawaran produk dan perkhidmatan berteraskan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli yang relevan dengan kehendak masyarakat dan industri. Selain itu, penjanaan kewangan yang dirancang mestilah menuju ke arah pematuhan syariah berdasarkan Standard Operating Procedure (SOP) yang ditetapkan. Dalam masa yang sama, universiti telah menetapkan bahawa semua pusat tanggungjawab (PTJ) perlu mengetengahkan idea dan melaksanakan penjimatan kos operasi tanpa menjelaskan kualiti sistem penyampaian, produk, maupun perkhidmatan.

# **KELESTARIAN**

## **Kewangan**

## **Universiti**

**Universiti Sains Islam Malaysia**

Kelestarian Kewangan yang telah mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2015 mensasarkan 55 juta untuk memenuhi sasaran 20% penjanaan sumber dalaman. Dalam usaha mengatasi cabaran-cabaran ini, 13 pelan tindakan termasuk sasaran KPI telah digubal dan telah dilaksanakan pada tahun 2015 iaitu:

- 1** Melaburkan semua dana termasuk endowmen dalam pelaburan yang agresif dan kompetitif serta patuh Syariah dengan pulangan yang maksimum
- 2** Menyediakan solutions provider kepada industri Halal serta menjana hasil dari perundingan
- 3** Memasarkan program ekslusif yang berintegrasi ilmu naqli dan aqli di dalam dan luar negara (termasuk secara Online Distance Learning)
- 4** Meningkatkan penjanaan dana wakaf, endowmen dan zakat
- 5** Memperkasakan USIM Tijarah Holdings Sdn Bhd (UTHSB) untuk memaksimumkan pulangan dividen kepada Universiti
- 6** Perlaksanaan aktiviti penjanaan melalui Akaun Enterprise oleh semua PTJ
- 7** Menjalankan projek-projek usahasama berskala besar antara PTJ dan UTHSB
- 8** Mempelbagaikan dan memudahkan kaedah bayaran yuran bagi memaksimumkan kutipan hasil
- 9** Memaksimumkan pengambilan pelajar-pelajar antarabangsa yang ditaja sepenuhnya
- 10** Menawarkan perkhidmatan perundingan yang patuh syariah bagi menjana pendapatan
- 11** Meningkatkan penjanaan dana penyelidikan dari pihak luar serta meningkatkan hasil pengkomersialan produk penyelidikan
- 12** Meningkatkan sumbangan wakaf tunai serta wakaf projek dari dalam negara dan luar negara
- 13** Perlaksanaan program penjimatan secara agresif bagi meminimumkan pembaziran

**RM4,337,580**

Melaburkan keseluruhan dana termasuk dana-dana endowmen ke pelaburan yang kompetitif (Patuh Syariah) bagi memaksimumkan pulangan (Hibah)

**RM8,342,237.99**

Meningkatkan sumbangan pelbagai dana wakaf (Tunai, Aset dan Projek), Zakat dan Endowmen (hadiah seperti tunai, peralatan bahan-bahan penyelidikan dan lain-lain)

**RM179,922.50**

Mewujudkan kerjasama dengan negara-negara diperingkat serantau dan global yang mampu membiayai sepenuhnya kos pengajian pelajar

**RM 61,433,596.74**

JUMLAH KESELURUHAN

## PENCAPAIAN

### Kelestarian Kewangan

Universiti Sains Islam Malaysia

**RM485,542.09**

Menonjolkan USIM sebagai solution provider kepada industri-industri yang berkaitan terutamanya industri Halal serta menjana pendapatan menerusi Perundingan (MoA)

**RM38,561,582**

Mempelbagaikan dan mempermudahkan kaedah bayaran yuran bagi memaksimum kutipan yuran

**RM464,795**

Mewujudkan program-program berteraskan kurikulum paduan Naqli dan Aqli serta memasarkannya di dalam dan luar negara (termasuk secara ODL)

**RM492,925.24**

Memastikan semua PTJ USIM melaksanakan aktiviti-aktiviti penjanaan pendapatan melalui Akaun Enterprise

**RM8,569,011.92**

Meningkatkan pengumpulan dana penyelidikan dari luar dan seterusnya meningkatkan hasil pengkomersilan produk-produk penyelidikan

Rajah 6.1. Pencapaian Kelestarian Kewangan pada Tahun 2015





# **TERAS 7**

## Penjenamaan dan Pemposisian yang Konsisten dan Efektif

Universiti Sains Islam Malaysia

Bagi mencapai hasrat untuk menjadi pusat rujukan integrasi ilmu naqli dan aqli di peringkat serantau dan global, semestinya penjenamaan dan pemposisian yang konsisten dan efektif perlu diperkasakan. Ini penting untuk memastikan supaya usim sentiasa menjadi nombor satu di hati dan di minda masyarakat serta dirujuk (referred), dihormati (respected) dan relevan (relevant).

# KONSEP 'Alamiyyah dalam Penjenamaan dan Pemposision USIM

Universiti Sains Islam Malaysia

Dalam usia menjangkau 15 tahun, USIM telah membina jenama yang tersendiri dan unik. Universiti secara serius melihat penjenamaan sebagai proses yang melahirkan persepsi dan pengalaman yang tersendiri dan berterusan dalam minda semua pihak. Maka dengan sebab itulah, penjenamaan amat penting bagi Universiti ini untuk terus meneroka potensi yang perlu terus digilap agar kekal dalam sanubari individu. Tahun 2015 merupakan pengukuhan penjenamaan dan pemposision USIM terutamanya di persada serantau dan global kerana merupakan fasa terakhir sebelum agenda USIM'16 dilaksanakan.



USIM memperkenalkan konsep 'Alamiyyah sebagai wadah penjenamaan dan pemposision yang konsisten dan efektif. Konsep 'Alamiyyah yang diperkenalkan adalah bagi memastikan USIM kekal relevan di persada antarabangsa. Dalam konteks ini, USIM komited membantu dalam memberikan perspektif global dalam aktiviti-aktiviti pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan. Pendekatan unik USIM kepada pendidikan yang mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli dalam semua keperluan kehidupan di kampus mampu menyediakan panduan kepada rakan strategik universiti dengan mengambil kira hubungan antara negara dan rangka kerja di mana universiti berkenaan beroperasi. Maka dengan sebab itulah, budaya institusi dan kualiti mengenai pandangan dunia Islam sejagat

perlu dimasukkan dalam aktiviti kurikulum, pengajaran dan penyelidikan universiti untuk membentuk warga universiti yang bersifat 'Alamiyyah (antarabangsa).

## INTERNATIONALISATION @ HOME

Selain daripada kandungan dalam kurikulum, universiti memberi peluang kepada setiap lapisan masyarakat untuk melibatkan diri dalam rangkaian global, penyelidikan rentas negara dan pengalaman budaya lain melalui program mobiliti transnasional. Manakala bagi kakitangan dan pelajar yang tidak mempunyai peluang untuk pergi ke luar negara, USIM 'Alamiyyah membantu dengan memperkenalkan Internationalisation@ home iaitu program pengantarabangsaan di dalam persekitaran USIM diadakan bagi memupuk kesedaran global kepada komuniti USIM. Kehadiran pelajar dan staf daripada luar USIM khususnya masyarakat antarabangsa memberi peluang interaksi dan secara tidak langsung mendedahkan mereka kepada keunikan USIM yang mengamalkan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli dalam setiap aspek seperti amalan, pentadbiran dan pembelajaran.

Kehadiran Naib Canselor dan Rektor daripada Universiti Islam dari luar negara ke program di USIM yang melibatkan staf dan pelajar USIM sebagai satu pemposision yang berkesan untuk USIM menjadi pusat rujukan di peringkat serantau dan global. Manakala kehadiran staf dan pelajar dari dalam dan luar negara ke USIM sebagai peluang kepada USIM memberikan pandangan dan perspektif yang baik kepada pengunjung luar. USIM melihat peluang di peringkat antarabangsa agar usaha universiti untuk mencapai USIM'16 dan USIM'25 akan tercapai seperti yang dirancangkan. Segala usaha yang dilaksanakan adalah untuk mewujudkan kesedaran antarabangsa dan silang budaya bersesuaian dengan persekitaran di USIM termasuklah:

- Perkongsian yang meningkatkan kualiti pengajaran dan penyelidikan
- Kurikulum yang memastikan pendedahan kepada pelbagai perspektif dan pemahaman global
- Proses pengajaran dan pembelajaran yang inovatif
- Peluang mobiliti transnasional
- Penyertaan rangkaian global
- Galakan Internationalisation@home yang menyokong tanggungjawab sosial berdasarkan etika Islam dan aktiviti budaya dalam memupuk komuniti kampus berkenaan kesedaran global dan menghormati adat budaya orang lain.

# STRATEGI USIM Bersifat 'Alamiyyah

Universiti Sains Islam Malaysia



## KURIKULUM YANG BERSIFAT GLOBAL

Kandungan program yang mengintegrasikan naqli dan aqli pengetahuan dan menggunakan ini untuk membenarkan pelajar untuk mengenali perspektif lain dan menilai budaya dan pengetahuan luar.

## KERJASAMA RAKAN DAN INSTITUSI LUAR

Perjanjian dengan rakan strategik berkaitan dengan program akademik, kursus jangka pendek, latihan industri, pelajar dan mobiliti kakitangan untuk faedah bersama kedua-dua institusi.

## MANFAAT BERSAMA (MUTUAL BENEFIT)

Manfaat bersama merujuk kepada inisiatif yang mempunyai nilai-nilai yang fizikal dan tidak ketara kepada Universiti. USIM juga akan berusaha membuat perkongsian dengan institusi yang boleh mendapat manfaat daripada aktiviti kebajikan atau bantuan selaras dengan objektif USIM untuk berfungsi sebagai sebuah universiti waqaf.



## KONSEP 'ALAMIYYAH KE ARAH UNTUK MENJADI USIM KEKAL RELEVAN

Peluang masa hadapan perlu diraikan dengan mengatur pelbagai strategi dan perancangan yang tuntas demi kelangsungan Universiti. Maka atas kesedaran inilah, Konsep 'Alamiyyah mengambil pendekatan dalam menuju masa hadapan yang lebih cemerlang menerusi pendekatan berikut:

- USIM perlu dilihat sebagai sebuah institusi di peringkat global, dihormati dan dirujuk dengan profil yang unik. Oleh itu adalah perlu untuk mengetengahkan *Wow Factor* universiti secara keseluruhan dan kelebihan setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ).
- Terdapat keperluan untuk memastikan amalan dan budaya kampus yang tanpa sempadan dan merentasi pelbagai isu, budaya, dan sosial berasaskan kepada nilai dan etika Islam.
- Usaha berterusan akan diambil untuk memperoleh pengiktirafan global dalam Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli serta mengekalkan kualiti universiti di peringkat yang maksimum.
- Kakitangan memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada pemegang taruh menerusi peningkatan produktiviti organisasi serta meraih persepsi yang baik di hati dan minda masyarakat.
- Kakitangan akademik USIM mesti bekerjasama dengan universiti luar dan pemain industri yang mempunyai rekod akademik dan penyelidikan yang cemerlang.
- Kakitangan akademik dan pelajar perlu aktif menyertai pertandingan peringkat antarabangsa sebagai penanda aras kualiti penyelidikan dan pengajaran mereka.
- Bagi tujuan penambahbaikan program akademik, USIM mengambil pendekatan membuat perbandingan dan melaksanakan amalan terbaik dan pada masa yang sama memastikan kaedah tersebut selari dengan visi, misi, objektif dan falsafah universiti.
- USIM melaksanakan Open Distance Learning yang disokong oleh pedagogi internet untuk membolehkan pendemokrasian pendidikan tinggi secara global.
- Menjalankan penyelidikan yang relevan dalam memenuhi keperluan ummah dengan mengalakkkan kakitangan menyertai persidangan, attachment dan cuti sabatikal di peringkat antarabangsa.
- Kumpulan pakar universiti boleh meneroka dalam bidang kepakaran masing-masing di seluruh dunia atas platform yang sama.

## PROGRAM Penjenamaan dan Pemposisian USIM di Peringkat Antarabangsa

Universiti Sains Islam Malaysia

Dalam menjayakan penjenamaan dan pemposisian antarabangsa pelbagai program sama ada secara *outbound* mahupun *inbound* dengan kerjasama pelbagai pihak telah dijalankan di bawah konsep 'Alamiyyah. Program-program ini memaparkan kesungguhan USIM dalam membantu mencapai objektif USIM'16 dan juga USIM'25 terutamanya program libat sama komuniti yang dijalankan oleh pelajar dan staf USIM. Program ini memberikan impak dalam penjenamaan USIM terus kekal di hati masyarakat. Penglibatan pelajar dalam menyumbang tenaga dan kemahiran kepada penduduk setempat memberi peluang berinteraksi dan merapatkan ukhwah merentas bangsa dan agama. Pelajar dan staf USIM secara tidak langsung menghayati falsafah universiti untuk menjadi individu yang holistik dan seimbang dari semua aspek. Antara program-program peringkat antarabangsa yang dianjurkan oleh USIM menerusi USIM 'Alamiyyah adalah seperti berikut:

## MOBILITI RENTAS SEMPADAN

Konsep mobiliti rentas sempadan memberi peluang staf dan pelajar membuka minda dan pandangan terhadap suasana kehidupan antarabangsa terutamanya golongan minoriti Islam di negara lain. Impak yang paling berkesan yang diterima oleh pelajar dan staf yang terlibat ialah penghayatan keinsafan diri daripada suasana kehidupan masyarakat komuniti dan penghayatan kesyukuran memperoleh kemudahan yang secukupnya di negara sendiri.

## LATIHAN INDUSTRI ANTARABANGSA

Program latihan industri pelajar USIM di peringkat antarabangsa melengkapkan pelajar untuk menjadi produk USIM yang berkemahiran tinggi dan pelbagai. Proses pemilihan dan persediaan yang menyeluruh bagi mempersiapkan bakal pelajar menjalani latihan industri dalam landskap antarabangsa oleh USIM 'Alamiyyah dan kerjasama fakulti serta bimbingan pensyarah. Pelajar yang menjalani latihan industri dianggap sebagai Duta Kecil USIM dalam komuniti industri. Keupayaan dan keunikan yang ditonjolkan oleh duta kecil ini memberikan perspektif yang positif oleh industri antarabangsa dan seterusnya memposisikan jenama USIM di peringkat antarabangsa.

## PROGRAM PEMINDAHAN KREDIT (TRANSFER CREDIT)

Pelajar USIM berpeluang membuat pemindahan kredit di universiti luar negara. Strategi pertama adalah mensasarkan agar semua fakulti dapat menjalankan sekurang-kurangnya satu program akademik berbentuk pemindahan kredit atau elektif posting melibatkan universiti sekurang-kurangnya di peringkat serantau. Sehingga kini, USIM telah menjalankan program pemindahan kredit bersama Universiti Sultan Sharif Ali

(UNISSA) Brunei, Universitas Islam Indonesia (UII) dan Prince of Songkla University, Thailand.


## LAWATAN PELAWAT ANTARABANGSA KE USIM

Lawatan pelawat antarabangsa ke USIM mencerminkan keberkesanan penjenamaan USIM di peringkat global dengan keunikan falsafah USIM sendiri yang menjadi daya penarik pihak luar untuk memahami dan mempelajari model Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli oleh USIM. Di peringkat serantau, USIM menjadi pilihan rujukan rakan universiti dari negara Indonesia, Thailand dan Brunei dan di peringkat global menjadi perhatian merangkumi rakan universiti dari Jepun, Timur Tengah dan Eropah.

## RAKAN STRATEGIK DAN GLOBAL

Kerjasama Rakan Strategik Global yang dimeterai melalui perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) dengan rakan universiti luar negara memberikan impak yang sangat besar dalam pemposisian USIM di peringkat serantau dan global. Kerjasama strategik yang dimeterai terutamanya dalam bidang penyelidikan dan pembelajaran dapat mempertingkatkan kualiti dalam bidang-bidang kritikal.

Rajah 7.1. Pemetaan Rakan Strategik dan Global USIM



# **PROGRAM** **Penjenamaan** **dan Pemposisian** **USIM di Peringkat** **Tempatan**

**Universiti Sains Islam Malaysia**

Daya usaha bersepada dalam menjenamakan USIM tidak hanya tertumpu di peringkat antarabangsa. USIM juga secara konsisten memperkuuhkan hala tuju USIM yang telah menjadi pusat rujukan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli di peringkat nasional sejak tahun 2013. Melalui Pusat Komunikasi Strategik (StraComm), usaha pemposisian terus dipergiat melalui pelbagai program dan saluran.

## **LIBAT SAMA KOMUNITI TEMPATAN**

USIM melihat peranan libat sama Universiti dan komuniti sebagai asas yang penting dalam membina hubungan yang harmoni. Ini kerana komuniti merupakan kelompok terbesar sebagai pelanggan Universiti. Program libat sama universiti-komuniti merupakan proses di mana organisasi dan individu membina perhubungan yang berterusan dalam menjayakan suatu wawasan kerjasama strategik yang menguntungkan kedua-dua belah pihak. Maka dengan sebab itulah, program-program libat sama komuniti mendapat perhatian yang serius daripada pihak pengurusan USIM.

## **USIM BERSAMA KOMUNITI**

Antara usaha yang terpenting dilaksanakan oleh pihak Universiti adalah menubuhkan sebuah Mesyuarat Jawatankuasa USIM Bersama Komuniti yang diwujudkan selaras dengan penubuhan Pejabat Pengurusan Pelajar Luar Kampus. Jawatankuasa ini terdiri daripada wakil pelbagai pihak yang berkepentingan dalam komuniti di USIM seperti Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS), Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Majlis Perbandaran Nilai (MPN), Majlis Perbandaran

Ampang Jaya (MPAJ), Balai Polis, Nilai, Balai Bomba & Penyelamat, Nilai, Hospital Temerloh, Klinik Kesihatan Nilai, Pejabat Kesihatan, Daerah Tampin, Masjid Putra, Nilai, Bank Islam, Nilai, Surau At Taqwa, Desa Anggerik, dan juga Persatuan Penduduk, Desa Anggerik.

## **BANTUAN MANGSA BANJIR**

Pada tahun 2015, seramai lebih 300 sukarelawan SMART Team USIM yang terdiri daripada gabungan Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas USIM (PRAGMATIS), Jabatan Keselamatan, Pusat Kesihatan, Kelab Kakitangan Wanita dan Isteri Kakitanagan (WARDAH), Badan Kebajikan Kakitangan USIM (BKKUSIM), Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Sekretariat Kesukarelawan Mahasiswa (SKM) bersama-sama berganding bahu melaksanakan misi bantuan pasca banjir di Kelantan dan Pahang sejak awal Januari 2015. Operasi pertama bermula di Kg. Lebir, Gua Musang, Kelantan dan di Temerloh dan Jerantut di Pahang.

Bantuan memfokuskan kepada pembersihan masjid, dewan orang ramai, sekolah dan kediaman penduduk serta pengagihan barang berupa makanan seperti beras, tepung, gula, makanan segera dalam tin, barang keperluan harian seperti sejadah, pakaian dan air mineral. Peralatan seperti khemah, mesin air, tong turut dibawa dari USIM untuk melancarkan proses pembersihan dijalankan. Seramai 33 sukarelawan termasuk pelajar dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) dan Fakulti Pergigian (FPg) USIM turut serta dalam misi bantuan ke Kg Gintong, Jerantut Pahang bagi menjayakan bantuan pemeriksaan kesihatan dari rumah ke rumah.

Pihak USIM juga turut mengadakan program OPS Psikososial Pasca Banjir anjuran Unit Psikologi Kaunseling dan Kerjaya, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Majlis Kaunseling dan Kerjaya Universiti-universiti Malaysia (MAKUMA) dan Majlis Sukarelawan Universiti-universiti Malaysia (MASKUM) menyaksikan gabungan tenaga di antara kakitangan dan pelajar-pelajar USIM. Program Ops Psikososial ini melibatkan dua buah kawasan yang terlibat banjir pada tahun lepas iaitu kawasan Gua Musang dan Kuala Krai.

Program tiga hari dua malam ini bermula pada 22 hingga 24 Mac 2015 melibatkan pelajar Tingkatan Empat dan Lima, Sekolah Menengah Kebangsaan Manek Urai, Kuala Krai dan pelajar Darjah Enam Sekolah Kebangsaan Gua Musang, Gua Musang. Seramai 83 orang telah terlibat dalam menjayakan program ini iaitu



56 orang fasilitator yang terdiri daripada mahasiswa/i USIM - gabungan daripada ahli Kelab Pembimbing Rakan Universiti, pelajar-pelajar Program Kaunseling dan Urus Setia Perlindungan Perubatan Pelajar. Manakala 27 orang kakitangan daripada Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Pusat Kesihatan Universiti, Jabatan Keselamatan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan serta Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti turut sama terlibat.

Selain itu juga, musibah banjir yang menimpa negara turut menjelaskan kehidupan harian mangsa banjir yang terputus bekalan api dan air, dan perlu menetap di penempatan sementara dalam tempoh masa yang lama. Bagi umat Islam, banjir turut memberi kesan kepada amalan beribadat sehari-hari. Justeru itu, lapan orang penyelidik daripada Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) mengambil inisiatif melawat ke kawasan-kawasan yang teruk dilanda banjir bagi mendapatkan maklumat mengenai isu-isu berkaitan fiqh bencana banjir terutama berkaitan ibadat solat. Penyelidikan ini adalah usaha awal dan perintis untuk mengetahui isu-isu fiqh dan akidah yang berlaku di pusat penempatan banjir. Panduan fiqh bencana banjir ini penting bagi mengatasi sebarang kekeliruan tentang isu-isu ibadat yang dialami oleh mangsa bencana alam seperti dalam perkara bersuci (taharah), solat, aurat, percampuran lelaki dan wanita, pengurusan jenazah, harta yang dijumpai, pelupusan ayat suci al-Quran dan banyak lagi. Antara kawasan yang telah dilawati oleh kumpulan penyelidik USIM adalah di daerah Temerloh dan Maran bermula 1 hingga 4 Januari 2015.

### DUTA JAUHAR

Antara program libat sama USIM-Komuniti yang memberi impak besar ialah program Duta Jauhar yang diilham dan dilaksanakan bagi memberi ruang kepada anak muda, termasuk mahasiswa menyertai usaha meningkatkan kedudukan sosioekonomi masyarakat khususnya di Johor. Mahasiswa yang terpilih diangkat menjadi ejen yang menghubungkan kerajaan negeri dengan masyarakat melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Nasional (NBOS).

Projek yang dilaksanakan oleh Duta Jauhar ini ialah program pemindahan ilmu berbentuk pendidikan dinamakan Development Education of Orang Asli (De'Asli) oleh 30 orang pelajar Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) yang dikenali sebagai Duta Jauhar. Projek De'Asli yang dilaksanakan kepada masyarakat Orang Asli di Kampung Orang Asli Segamat Kechil,

Segamat Johor bermula pada Mei 2015 dan ternyata memberi impak dalam aspek meningkatkan minat pendidikan kepada anak-anak orang asli di sana. Ini kerana Program De'Asli bukan bersifat one-off tetapi dilaksanakan secara berkala di kampung berkenaan supaya impak program dapat dilihat dalam jangka masa panjang. Program ini menggunakan modul Fun Learning yang dihasilkan sendiri oleh Duta Jauhar USIM, ia telah membantu anak-anak orang asli belajar dengan lebih baik seterusnya meningkatkan peratusan kehadiran ke sekolah dan keputusan pencapaian dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) lalu. Projek ini memberi kesedaran kepada masyarakat orang asli yang terlibat akan kepentingan pendidikan untuk jaminan kehidupan yang lebih baik. Selain melaksanakan program pendidikan, aktiviti-aktiviti lain komuniti bersama penduduk kampung dan mengimarahkan surau dengan program kerohanian turut dibuat.

### KELAB ENACTUS

Kelab Enactus terus bergiat aktif dalam menjayakan program kesukarelawan dan bersama komuniti setempat bagi membantu masyarakat disamping mendidik ahli kelab memupuk semangat kesekawanan dan saling kerjasama. Kelab Enactus USIM telah menjalankan empat projek utama iaitu, Projek Golden Oil, Projek Musaceae, Projek Financial Literacy dan Projek Claridae atau lebih dikenali sebagai Projek Penternakan Ikan Keli untuk golongan Orang Kelainan Upaya (OKU). Setiap projek diperkenalkan dan diurus secara bersama antara Kelab Enactus dan penduduk setempat dengan tujuan utamanya adalah untuk membantu masyarakat dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan ekonomi, sosial dan alam sekitar. Kelab Enactus juga menerima dana tahunan daripada Universiti dan setiap dana yang diterima amatlah penting untuk manfaat setiap projek yang akan kembali kepada masyarakat, bersesuaian dengan tema Enactus, "Fight, Empower, Bridge To a Better Life".



### KLIP MOBILE

USIM telah berkerjasama dengan Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan dalam menyediakan perkhidmatan klinik pakar bergerak bagi rawatan mata atau dikenali sebagai Klip Mobile kepada masyarakat Negeri Sembilan. Majlis pelancaran klinik pakar bergerak mata, telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Utama Hj Mohamad Hj Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan. Klip Mobile ini merupakan kemudahan baharu ini yang amat berguna untuk membantu rakyat luar bandar mendapatkan rawatan mata. Dengan kos yang mampu dibayar iaitu hanya RM 5. Pesakit akan menerima rawatan dan khidmat nasihat termasuklah rawatan susulan ke hospital sekiranya diperlukan. Menerusi kemudahan ini masyarakat luar bandar khususnya berpeluang mendapatkan perkhidmatan pemeriksaan mata oleh doktor pakar yang turut sama bertugas melawat kawasan-kawasan luar bandar ke seluruh daerah di Negeri Sembilan untuk memberikan rawatan.

### PROJEK KESUKARELAAN DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL (V'CORE)


Selain itu, pihak Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhthisas, USIM (PRAGMATIS) telah menyertai Seminar Perkongsian Projek Kesukarelaan & Tanggungjawab Sosial (V'CORE) yang dianjurkan oleh persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhthisas, Universiti Malaysia Perlis (Potensi) dengan kerjasama Kluster Jaringan Strategik dan Tanggungjawab Sosial, Majlis Pegawai Tadbir Universiti Awam (MAST) pada 21-22 Ogos



2015. Sebanyak tiga kertas kerja daripada USIM telah dipilih untuk dibentangkan dalam seminar ini di samping sebuah pameran juga turut serta. Hasil daripada program V'CORE ini, pihak PRAGMATIS USIM berjaya memenangi dua pingat emas dan dua pingat perak. Projek Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Kelab Kakitangan Wanita dan Isteri-isteri Kakitangan USIM (WARDAH) dan beg Sonic oleh Pusat Kesihatan Universiti memenangi pingat emas.



Program libat sama komuniti menerusi Misi Bantuan Banjir oleh PRAGMATIS turut dibentangkan semasa Seminar V'CORE dan mendapat pingat emas dan perak.



Beg Sonic ciptaan kakitangan Pusat Kesihatan Universiti ini merupakan beg yang menggantikan peti pertolongan cemas yang mengandungi alatan asas seperti dressing steril, plaster luka, kain anduh, pembalut kain kasa, larutan iodin, krim antiseptic dan gunting kecil yang mudah dibawa khusus semasa program aktiviti pelajar outdoor.

## PERKHIDMATAN YANG BERKUALITI

Imej USIM juga dipertingkatkan menerusi perkhidmatan-perkhidmatan yang menjadi ‘pintu masuk pertama’ kepada USIM seperti laman web dan perkhidmatan kaunter. Kajian terhadap ibu bapa dan pelajar yang mendaftar ke USIM mendapat laman web merupakan medium terpenting dalam mendapatkan maklumat mengenai USIM. Justeru, usaha akan terus dijalankan bagi memastikan laman web USIM bukan sahaja interaktif tetapi juga pusat sehenti dalam mendapatkan maklumat mengenai universiti.

Perkhidmatan kaunter yang cekap dan berkualiti bukan sahaja dapat mengangkat imej Universiti di mata pelanggan dan masyarakat luar yang membuat urusan, malahan dapat meningkatkan komunikasi, mengurangkan pertikaian, kerentah birokrasi dan menyelesaikan isu dan permasalahan. Bagi membantu memastikan kakitangan Universiti juga mempunyai pengetahuan mengenai media massa, pihak StraComm turut menganjurkan Bengkel Pengurusan Media di mana kakitangan pengurusan dan profesional serta pelajar USIM diberikan pendedahan mengenai peranan media. Usaha ini diharapkan dapat membantu memberikan pengetahuan dan asas kemahiran menulis berita kepada kakitangan dan pelajar Universiti untuk membantu dalam usaha mempromosikan USIM.

## STRATEGI MEDIA DAN KERJASAMA KORPORAT

USIM sentiasa memastikan ia dekat dengan media tempatan. Antara usaha yang dijalankan adalah lawatan ke Astro Awani; penyertaan dalam program media seperti One News RTM yang melibatkan YBhg Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad, Naib Canselor dan juga YBhg Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa). Selain itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dato' Dr. Mustafa Mohamed Hanefah turut dijemput sebagai Panel di Astro Awani. Pihak USIM juga melalui StraComm turut mengadakan kerjasama dengan pihak Pelancongan Negeri Sembilan bagi bersama-sama mempromosikan USIM sebagai destinasi pendidikan tinggi utama di Negeri Sembilan. Antaranya dengan menerbitkan Buku Cofee Table, USIM di Negeri Sembilan yang dilancarkan pada Majlis Santapan Sempena Konvokesyen ke-13 USIM yang lalu. Pada tahun 2015 juga, pihak StraComm turut menganjurkan program pertandingan boling dengan pihak media sebagai salah satu usaha merapatkan hubungan di antara pihak pengurusan



Universiti dengan media yang banyak membantu memberikan publisiti kepada USIM.

USIM terus memperkuuhkan keberadaannya di media arus perdana pada tahun 2015. Jumlah paparan berita berkaitan USIM dalam akhbar adalah sebanyak 1,731 paparan berita dengan Public Relation (PR) Value mencecah RM 38,611,052.73 meningkat daripada 1,424 (PR Value RM 32,826,948.87) pada tahun 2014. Jumlah



ini jauh meningkat jika dibandingkan pencapaian pada tahun 2013 iaitu 838 artikel dan jumlah PR Value hanya berjumlah RM22,976,199.30.

## IMEJ KORPORAT

Pihak Universiti melihat aspek penampilan kakitangan amat penting dalam menggambarkan imej korporat USIM. Maka dengan sebab itulah, kalangan warga mula diperkemas dengan kewujudan identiti korporat secara rasmi seperti penggunaan tali leher, baju korporat dan juga baju batik. Keseragaman ini jelas menunjukkan kesatuan dan kebersamaan dalam kalangan warga USIM dalam bersatu menuju satu misi dan visi yang sama.

## PROGRAM PROMOSI

USIM terus memantapkan libat sama dan jalinan strategik universiti dengan pelbagai pihak berkepentingan melalui aktiviti promosi, lawatan kerja, aktiviti pelajar dan pensyarah seperti penyertaan dalam program Karnival Pengajian Tinggi 2015 dan Karnival Pengajian Kolej Matrikulasi 2015 dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Melalui Pusat Tamhidi pula, pihak Universiti mengadakan pameran sebanyak 17 buah sekolah sempena pengumuman keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Selain itu juga, USIM turut berusaha memenuhi permintaan sekolah-sekolah dengan menyertai pameran Hari Terbuka Sekolah sebagai salah satu program promosinya.

## MEDIA BAHARU DALAM STRATEGI KOMUNIKASI

Universiti melalui Pusat Komunikasi Strategik (StraComm) melihat kemunculan media baharu sebagai salah satu strategi untuk memperkembangkan potensi USIM. Ini kerana impak daripada kuasa media baharu ini amat besar dan cepat kerana pada hari ini semua lapisan menggunakan kemudahan teknologi maklumat. Maka dengan sebab itulah, akses kepada sebarang informasi dapat dihantar dan diterima dalam sekelip mata melangku geografi fizikal yang ada. Bagi memastikan USIM tidak ketinggalan dalam perkara ini, pihak StraComm menyusun strategi media bagi tujuan promosi dengan mengambilkira pengaruh media baharu ini seperti Facebook, Instagram, Twitter dan sebagainya sejak tahun 2014 lagi. Hasilnya dapat dilihat apabila, USIM mampu bersaing dengan rakan-rakan Universiti Awam (UA) yang senior dalam meneroka

peluang publisiti melalui kaedah media baharu ini. Laporan daripada data Facebook dan Instagram telah diukur menerusi bilangan ikutan bagi USIM sepanjang tahun 2015 dimana untuk media Facebook adalah melebihi 57 ribu dan lebih tiga ribu pengikut bagi Instagram dan jumlah ini bertambah dari semasa ke semasa.



---

# **PETUNJUK**

## **Prestasi Kecekapan dan**

## **Pencapaian USIM**

## **bagi Tahun 2015**

Universiti Sains Islam Malaysia

## PETUNJUK PRESTASI DAN PENCAPAIAN USIM BAGI TAHUN 2015

BIL	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) MENTERI DALAM NEGERI	SASARAN	PENCAPAIAN
1	Peratus graduan yang berstatus bekerja semasa konvokesyen.	71.10%	71.00%
2	Nisbah penerbitan oleh universiti dalam jurnal yang berindeks pada tahun sebelumnya di:		
	(i) Universiti Penyelidikan	1.75	Tidak berkenaan
	(ii) Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia	1	Tidak berkenaan
	(iii) Universiti Komprehensif	0.5	0.21
3	Peratus Staf Akademik Berkelayakan PhD dan setaraf di universiti awam:		
	(i) Universiti Penyelidikan	80%	Tidak berkenaan
	(ii) Universiti Bukan Penyelidikan	45%	61%
4	Peratus enrolmen pelajar dalam Pendidikan Latihan dan Latihan Teknikal Vokasional (TVET) di IPT	37%	Tidak berkenaan
5	Peratus Peruntukan Mengurus Dibiayai Melalui Penjanaan Pendapatan Sendiri bagi Universiti Awam		
	(i) Universiti Penyelidikan	25%	Tidak berkenaan
	(ii) Universiti Bukan Penyelidikan	15%	18%
6	EPP#12: Menjuarai Sebagai Jenama Pendidikan Malaysia di Peringkat Antarabangsa		
	(i) Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa prasiswazah	1025	761
	(ii) Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa pasca-siswazah	732	617

---

# **PRESTASI**


---

## **Kewangan 2015**

Universiti Sains Islam Malaysia


## KUMPULAN

Pendapatan USIM pada tahun 2015 berjumlah RM260.89 juta berbanding RM245.69 juta pada tahun 2014, peningkatan sebanyak RM15.2 juta (6.19%). Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM177.02 juta (67.85%) merupakan Geran Kerajaan, RM38.42 juta (14.73%) Pelbagai Yuran dan RM46.90 juta (17.98%) Pendapatan Lain.



Graf 8.1. Perbandingan Komponen Pendapatan 2011-2015


Perbelanjaan USIM pada tahun 2015 adalah sebanyak RM243.73 juta berbanding RM230.93 juta berbanding tahun 2014, peningkatan sebanyak RM12.80 juta (5.54%). Perbelanjaan Emolumen meningkat kepada RM120.80 juta (49.56%) dan diikuti dengan perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan berjumlah RM88.12 juta (36.16%). Perbelanjaan Pemberian Dan Kenaan Tetap juga meningkat kepada RM12.26 juta (5.03%). Jumlah keseluruhan perbelanjaan USIM ini termasuk perbelanjaan Susutnilai Dan Lain-Lain Perbelanjaan sebanyak RM22.55 juta (9.25%). Namun begitu, jumlah ini tidak termasuk perbelanjaan bagi Pembelian Aset Tetap dan Pembinaan Dalam Kemajuan.



Graf 8.2. Perbandingan Komponen Perbelanjaan 2011-2015

## ASET DAN LIABILITI

Jumlah Aset Tetap USIM pada tahun 2015 adalah sebanyak RM473.49 juta berbanding dengan RM490.71 juta pada tahun 2014, penurunan sebanyak RM17.22 juta (3.51%) manakala, jumlah Aset Semasa USIM pada tahun 2015 pula adalah sebanyak RM186.23 juta berbanding dengan RM167.72 juta pada tahun 2014. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM18.51 juta (11.04%).



Graf 8.3. Perbandingan Aset Tetap Dan Aset Semasa 2011-2015


Liabiliti Semasa USIM pada tahun 2015 adalah sebanyak RM19.63 juta berbanding dengan RM35.39 juta pada tahun 2014 iaitu penurunan sebanyak RM15.76 juta (44.53%). Aset Bersih USIM pada tahun 2015 ialah sebanyak RM650.61 juta berbanding dengan RM627.41 juta pada tahun 2014 iaitu peningkatan sebanyak RM23.20 juta (3.69%).



Graf 8.4. Perbandingan Liabiliti Semasa 2011-2015


## KUMPULAN WANG MENGURUS

Pendapatan Mengurus tahun 2015 berjumlah RM207.07 juta iaitu peningkatan sebanyak RM2.57 juta (1.26%) berbanding RM204.50 juta dalam tahun 2014. Geran Mengurus tahun 2015 yang diterima berjumlah RM169.45, merupakan penurunan sebanyak RM4.30 (2.47%) berbanding RM173.75 juta dalam tahun 2014. Yuran Pengajian menyumbang sebanyak RM31.32 juta daripada pendapatan USIM di mana ia merupakan peningkatan sebanyak RM3.28 juta (11.70%) berbanding RM28.04 juta dalam tahun 2014. Lain-Lain Pendapatan mencatat RM6.29 juta, peningkatan sebanyak RM3.58 juta (132.10%) berbanding RM2.71 juta dalam tahun 2014.



Graf 8.5: Perbandingan Komponen Pendapatan Mengurus 2014-2015


Perbelanjaan Mengurus USIM berjumlah RM191.73 juta di mana Emolumen meningkat kepada RM118.09 juta (61.60%) dan diikuti dengan perbelanjaan Perkhidmatan Dan Bekalan berjumlah RM60.36 juta (31.48%). Perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Tetap berjumlah juga meningkat iaitu RM9.86 juta (5.14%). Jumlah keseluruhan perbelanjaan USIM ini termasuk perbelanjaan Susutnilai dan Lain-Lain Perbelanjaan sebanyak RM3.42 juta (1.78%). Namun begitu, jumlah ini tidak termasuk perbelanjaan bagi Pembelian Aset Tetap dan Pembinaan Dalam Kemajuan.



Graf 8.6: Perbandingan Komponen Perbelanjaan 2014-2015

## KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

Geran Pembangunan USIM yang diterima pada tahun 2015 adalah sebanyak RM28.20 juta iaitu penurunan sebanyak RM22.95 juta (44.87%) berbanding dengan RM51.15 juta pada tahun 2014.



Graf 8.7 Perbandingan Kumpulan Wang Pembangunan 2011-2015

Perbelanjaan Pembangunan USIM pada tahun 2015 adalah sebanyak RM22.04 juta berbanding dengan RM42.59 juta pada tahun 2014 iaitu penurunan sebanyak RM20.55 juta (48.23%). Oleh itu, baki Kumpulan Wang Pembangunan pada 31 Disember 2015 adalah sebanyak RM578.47 juta berbanding dengan RM572.31 juta pada 31 Disember 2014.

## LAPORAN RINGKASAN KEDUDUKAN KEWANGAN DAN PRESTASI 2015

TAHUN	2011 RM	2012 RM	2013 RM	2014 RM	2015 RM
<b>PENYATA PENDAPATAN</b>					
JUMLAH PENDAPATAN	155,447,032	216,351,760	196,664,310	249,285,349	262,343,210
JUMLAH PERBELANJAAN	142,863,375	227,075,974	206,117,397	230,926,887	243,728,614
LEBIHAN / (KURANGAN) PENDAPATAN SEBELUM CUKAI	12,583,657	(10,724,214)	(9,453,087)	18,358,462	18,614,596
<b>LEMBARAN IMBANGAN</b>					
HARTANAH, LOJI & PERALATAN	170,646,031	281,423,347	389,558,540	490,713,816	473,493,337
ASET SEMASA	98,733,776	73,705,417	88,955,588	167,720,032	186,227,137
LIABILITI SEMASA	15,350,395	14,996,211	18,137,951	35,390,512	19,630,764
KUMPULAN WANG MENGURUS	20,631,462	9,957,865	626,019	18,971,852	34,306,314
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	754,315,030	720,202,389	715,218,368	572,307,892	578,471,198
<b>NISBAH KEWANGAN</b>					
ASET SEMASA/LIABILITI SEMASA	6.43	4.91	4.90	4.74	9.49
ASET MUDAH CAIR/LIABILITI SEMASA	5.15	3.57	3.73	3.97	8.43
JUMLAH LIABILITI / JUMLAH ASET	0.06	0.04	0.04	0.07	0.04
MODAL DIGUNAKAN /JUMLAH LIABILITI	52.19	54.25	50.76	17.73	33.14
MODAL DIGUNAKAN /ASET TETAP	4.69	2.70	1.92	1.28	1.37

---

# **LAPORAN**

---

## **Ketua Audit**

---

## **Negara**

Universiti Sains Islam Malaysia



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

# KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2015 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

*Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan*

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama seiaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

*Tanggungjawab Juruaudit*

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengerai amau dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti


tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta perseimbahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

*Pendapat*

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Sains Islam Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjelaskan penyata kewangan.

  
(**NORLIZA BINTI NORDIN**)  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
25 MEI 2016



**PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH**

**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

Kami, **Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Haji Abdul Shukor Haji Husin** dan **Profesor Dato' Dr. Musa Ahmad** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah **UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbalan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan **UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA** dan Kumpulan pada 31 Disember 2015 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga,

Bagi Pihak Lembaga,

Nama : Profesor Emeritus Tan Sri  
Dato' Dr. Haji Abdul Shukor  
Haji Husin

Nama : Profesor Dato' Dr. Musa  
Ahmad

Gelaran : Pengerusi Lembaga Pengarah

Gelaran : Naib Canselor

Tarikh : 23 MAY 2016

Tarikh : 23 MAY 2016

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA  
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Saya, Dato' Haji Mohd Abd Rasid Mohd Fadzil, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **Universiti Sains Islam Malaysia**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangian, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendaknya Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui )  
oleh penama di atas di Sepang, )  
Selangor pada 20 MAY 2016 )

*Mohd Abd Rasid Mohd Fadzil*



Di hadapan saya,

*KHAZIMAH BINTI MOHAMED*

NO 11461, UNGAT RAWAH, JALAN 6,  
TAMOENG'S BANDAR BARU SALAK TINGGI,  
43400 SEPANG, SELANGOR.

**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**  
**LEMBARAN IMBANGAN**  
**PADA 31 DISEMBER 2015**

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2015 RM	2014 RM Dinyatakan semula	2015 RM	2014 RM Dinyatakan semula
<b>ASET</b>					
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN PELABURAN	3 4 5	473,493,337 10,520,770 -	490,713,816 4,371,085 350,000	473,432,771 10,520,770 350,000	490,676,354 4,371,085 350,000
		<b>484,014,107</b>	<b>495,084,901</b>	<b>484,303,541</b>	<b>495,397,439</b>
<b>ASET SEMASA</b>					
PENGHUTANG PELAJAR PELBAGAI PENGHUTANG DEPOSIT DAN BAYARAN TERDAHULU SIMPANAN TETAP TUNAI DI TANGAN DAN DI BANK	6 7 8 9 10	8,951,349 8,625,542 3,214,494 123,850,000 41,585,752	11,604,891 8,793,867 6,817,692 83,350,000 57,153,581	8,951,349 9,707,682 3,214,494 123,850,000 40,095,899	11,604,891 8,166,718 6,817,692 83,350,000 56,380,234
JUMLAH ASET SEMASA		<b>186,227,137</b>	<b>167,720,032</b>	<b>185,819,424</b>	<b>166,319,535</b>
<b>LIABILITI SEMASA</b>					
PEMIUTANG MANFAAT PEKERJA JANGKA PENDEK PERUNTUKAN CUKAI	11 12	17,365,912 2,264,619 233	32,863,506 2,526,773 233	17,004,264 2,264,619 -	31,804,281 2,526,773 -
JUMLAH LIABILITI SEMASA		<b>19,630,764</b>	<b>35,390,512</b>	<b>19,268,883</b>	<b>34,331,054</b>
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>		<b>166,596,373</b>	<b>132,329,520</b>	<b>166,550,541</b>	<b>131,988,481</b>
		<b>650,610,480</b>	<b>627,414,421</b>	<b>650,854,082</b>	<b>627,385,920</b>
<b>DIBIAYAI OLEH</b>					
KUMPULAN WANG MENGURUS KUMPULAN WANG AMANAH KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN KUMPULAN WANG PINJAMAN KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN KUMPULAN WANG ASRAMA KUMPULAN WANG WAKAF KUMPULAN WANG ASET SKIM LATIHAN AKADEMIK BUMIPUTRA (SLAB) LEBIHAN/(KURANGAN) TERKUMPUL SUBSIDIARI	13 14 15 16 17 18 19	34,306,314 15,646,782 578,471,198 1,023,802 17,850,503 1,163,674 1,724,745 -	18,971,852 18,275,838 572,307,892 571,292 14,176,423 1,323,740 1,724,745 34,138 (243,602)	34,306,314 15,646,782 578,471,198 1,023,802 17,850,503 1,163,674 1,724,745 -	18,971,852 18,275,838 572,307,892 571,292 14,176,423 1,323,740 1,724,745 34,138 -
		<b>650,610,480</b>	<b>627,414,421</b>	<b>650,854,082</b>	<b>627,385,920</b>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**  
**PENYATA PENDAPATAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2015 RM	2014 RM Dinyatakan semula	2015 RM	2014 RM Dinyatakan semula
<b>PENDAPATAN</b>				
GERAN PEMBERIAN KERAJAAN	20	177,022,905	173,753,233	177,022,905
GERAN KERAJAAN DILUNASKAN	15	22,036,694	42,996,482	22,036,694
PELBAGAI YURAN	21	38,418,711	28,059,041	38,418,711
PENDAPATAN LAIN	22 & 23	24,864,900	4,476,593	24,091,847
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>		<b>262,343,210</b>	<b>249,285,349</b>	<b>261,570,157</b>
<b>PERBELANJAAN</b>				
EMOLUMEN	24	120,802,656	87,241,686	120,531,611
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN		88,122,506	92,385,420	87,366,622
PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN		12,255,760	11,143,314	12,255,760
SUSUT NILAI		22,192,600	40,083,355	22,174,372
PELUPUSAN		448	15,759	448
HUTANG RAGU		354,644	57,353	354,644
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		<b>243,728,614</b>	<b>230,926,887</b>	<b>242,683,457</b>
LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI		18,614,596	18,358,462	18,886,700
<b>CUKAI</b>			14,683	-
LEBIHAN PENDAPATAN SELEPAS CUKAI		<b>18,614,596</b>	<b>18,343,779</b>	<b>18,886,700</b>
				<b>18,345,832</b>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**  
**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

**KUMPULAN**

	Kumpulan Wang Mengurus	Kumpulan Wang Amanah	Kumpulan Wang Pembangunan	Kumpulan Wang Pinjaman	Kumpulan Wang Penyelidikan	Kumpulan Wang Asrama	Kumpulan Wang Wakaf	Kumpulan Wang Aset	Skim Latihan Akademik Bumiputra	Lebihan /Kurangan) Terkumpul Anak Syarikat	Jumlah
<b>2015</b>											
Pada 1 Januari	18,971,852	18,275,838	572,307,892	571,292	14,176,423	-	-	1,323,740	1,724,745	34,138	28,501
Pindahan Kumpulan Wang:											
Perubahan dalam tahun semasa	18,971,852	18,275,838	572,307,892	571,292	14,176,423	-	-	1,323,740	1,724,745	34,138	28,501
Lebihan/(Kurangan) Tahun Semasa	(4,854,821)	6,163,306	452,510	2,073,187	-	-	-	(781,418)	(34,138)	(272,103)	4,581,462
Pada 31 Disember	15,334,462	2,225,765	-	-	1,600,893	667,064	(941,483)	-	-	-	18,614,597
<b>2014</b>											
Pada 1 Januari	626,020	15,959,800	715,218,368	571,292	14,373,410	-	-	1,430,995	852,384	30,554	748,491,531
Pindahan Kumpulan Wang		(571,292)									
Perubahan dalam tahun semasa	626,020	15,388,508	715,218,368	571,292	14,373,410	-	-	1,430,995	852,384	30,554	748,491,531
Lebihan/(Kurangan) Tahun Semasa	18,345,832	2,887,330	(142,910,476)	-	(196,987)	-	-	1,323,740	293,750	(818,246)	(121,077,110)
Pada 31 Disember	18,971,852	18,275,838	572,307,892	571,292	14,176,423	-	-	1,323,740	1,724,745	34,138	28,501

Note-nota yang disertakan merupakan sebahagian asas penyata kewangan ini

**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI  
